



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2005	(Halaman 15)
Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004	(Halaman 43)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

14. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP

22. Yang Berhormat Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN

60. Yang Berhormat Dato' Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. " Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. " Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. " Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. " Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasar Salak) - UMNO
87. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. " Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. " Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. " Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO

-
98. Yang Berhormat Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiyah binti Jamaludin

Syed Azuddin bin Syed Othman

Hairan bin Mohtar

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Mohd. Izhar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS UNIT CETAK

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

Mohamed Shahrizan bin Sarif

Alias bin Mohd. Nor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

JURUBAHASA SERENTAK

Mazidah binti Mohamed

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Cik Lee Jing Jing

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein

Azmi bin Othman

Zafniza binti Zakaria

Hindun binti Wahari

Rozaimah binti Mohamad Ariffin

Mohd. Sidek bin Mohd. Sani

Mazlina binti Ali

Norlaila binti Abdullah Sidi

Ropiah binti Tambi

Suhairi bin Othman

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Zunaini bt. Mohd Salleh

Mohd Shah bin Rahman

Sulaiman bin Sirad

Siti Rohaini bt. Roslan

Mohamad Faizal bin Harun

Mohd. Faizol bin Mohd. Noh

Zaini Azlina bt. Zawawi

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 18 April 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)]

mempengerusikan Mesyuarat

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan - sedikit pembedaan, perkataan "*back-drop*" sepatutnya "*centre piece campaign*".

1. **Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]** minta Perdana menteri menyatakan sama ada Badan Pencegah Rasuah akan ditukar dan bertanggungjawab hanya terhadap Parlimen sebagai hiasan tengah (*centre piece campaign*) kempen "Toleransi Sifar Terhadap Rasuah".

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai keyakinan yang penuh di atas kewibawaan Badan Pencegah Rasuah (BPR), agensi khusus yang dipertanggungjawabkan untuk membendung dan mencegah jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di negara ini. Kerajaan juga berpuas hati dengan keberkesanan badan tersebut dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dalam membanteras jenayah rasuah mengikut kuasa-kuasa yang telah diperuntukkan oleh undang-undang. Oleh yang demikian kerajaan tidak bercadang untuk meletakkan BPR di bawah tanggungjawab Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa selepas 17 atau 18 bulan pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah rasa kecewa bahawa kempen membanteras rasuah, dengan izin, *the lost esteem* dan ini bukan persepsi dalam negara tetapi di luar negara. Baru-baru ini nampaknya ada beberapa laporan di luar negara semacam bukan sahaja *International Herald Tribune* yang ada disebut dalam Dewan yang mulia pada masa lalu, tetapi baru-baru ini - pada minggu lalu, *Financial Times* dengan izin, "*Mission Impossible To Stop The Rot In Malaysia*" - satu hukuman (*judgment*) bahawa selepas 17 bulan kita menghadapi *Mission Impossible to stop the rot in Malaysia*. Bukankah satu usaha yang lebih cergas untuk menghidupkan - *resuscitate campaign* anti rasuah supaya kita boleh menikmati satu negara yang toleransi sifar terhadap korupsi? Atau adakah satu konspirasi media antarabangsa tentang menentang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? atau ini membayangkan persepsi yang sebenar dan sepatutnya diambil perhatian yang sedalam-dalamnya oleh kerajaan dan membentang laporan "*situation report*" mengenai kemajuan dalam Kempen Anti Rasuah dalam tempoh 17 bulan ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pertamanya saya ingin menyatakan iaitu bahawa apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah persepsi masing-masing. Sama ada soal konspirasi itu wujud atau pun tidak, itu terpulanglah kepada surat khabar untuk menjawabnya, bukan bagi saya. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat juga, kalau sekiranya kita mengambil tindakan untuk mengelak persepsi ini dengan meletakkan BPR di bawah Parlimen, saya tidak fikir itu akan memperelokkan suasana sebab Yang Berhormat sendiri pun mengatakan bahawa di Parlimen ini ada *brute majority*, orang pun mungkin tidak yakin juga sebab *field majority* kita besar, kalau diletakkan di bawah Parlimen.

Kemudiannya orang juga tidak yakin kerana Yang Berhormat sendiri telah mempertikaikan tentang BPR menyiasat kes-kes Ahli Parlimen. Ini jelas menunjukkan sikap Yang Berhormat sendiri yang tidak mahu BPR terlibat. Kalau belum pun lagi BPR diletakkan di bawah Parlimen sudah dipertikaikan tugas mereka apatah lagi kalau diletak di bawah Parlimen, sudah tentu boleh dihalang BPR daripada menyiasat Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu perbetulkan*[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ada di sini, *[Membaca daripada satu risalah]* "Why should ACA be allowed to interfere and even to serve the powers in privileges of Parlimen to regulate also in the fast including conducting is only investigation to abuse of privileges by MPs such as submission of false claim and to administer punishment and penalties where relevant". Ini dia sendiri punya seminar - kertas dia. Kalau sebelum BPR.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...sebelum BPR...tidak ada disebut pun di sini. Sebelum BPR diletakkan di bawah Parlimen pun dia sudah pertikai, apatah lagi kalau betul-betul diletakkan di bawah Parlimen, dia boleh halang segala penyiasatan yang kita buat terhadap pembangkang yang buat *submission* yang salah, Yang Berhormat, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa Yang Berhormat, dia tidak tahu, dia yang cakap sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuan Mohd. Daud bin Tarihep.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia cakap....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat Menteri, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Sila duduk.

2. **Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan negara selaku Pengerusi OIC menjelaskan tentang pelan tindakan bagi menyatupadukan negara-negara Islam dan umat Islam di seluruh dunia agar mereka kuat dalam bidang politik, agama, ekonomi, pertahanan, pendidikan dan sebagainya.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara pengasas Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) sentiasa mengambil tindakan untuk memperkukuhkan perpaduan ummah dalam aspek kualiti, agama, ekonomi, pertahanan, pendidikan dan selainnya. Ke arah ini kita telah meluluskan Deklarasi Putrajaya pada sidang kemuncak OIC Ke-10 yang berjalan pada 16 hingga 18 Oktober 2003 dan garis panduan untuk mencapai tujuan tersebut yang meliputi usaha meningkatkan kerjasama dalam bidang pembangunan, sains dan teknologi, teknologi dan maklumat serta ekonomi dan perdagangan di antara negara-negara OIC.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah melancarkan beberapa aktiviti bagi menunjukkan usaha kita ini adalah bersungguh-sungguh bagi menyatupadukan negara-negara Islam dan

ummah di seluruh dunia bagi mencapai kejayaan yang lebih baik, disegani dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa.

Antara inisiatif yang diambil oleh Malaysia ialah mengadakan mesyuarat khas mengenai Timur Tengah bagi membincangkan persoalan Palestin dan Iraq pada tahun lepas. Mesyuarat tersebut adalah usaha yang diterajui oleh Malaysia bagi menggembelng perpaduan di kalangan negara OIC supaya memberi sokongan padu kepada perjuangan rakyat Palestin dan juga untuk menenangkan dan membawa kestabilan ke bumi Iraq.

Malaysia telah mengetuai delegasi peringkat menteri yang turut dianggotai oleh Menteri-Menteri Luar dari negara Maghribi, Turki, Senegal serta Setiausaha Agung OIC bertemu dengan ahli-ahli *quartet* yang terdiri daripada Amerika Syarikat, Russia, Kesatuan Eropah dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi membincangkan situasi di Timur Tengah khususnya dan menggesa *quartet* untuk mengambil langkah bagi menyelesaikan konflik Israel/Palestin. Usaha ini telah diterima baik secara positif oleh *quartet* dan juga Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dari 28 hingga 30 Mac 2005, persidangan dengan izin *Peace in Palestine* anjuran Aman Malaysia dengan sokongan kuat kerajaan telah diadakan satu persidangan yang antara lain ialah untuk memberikan kekuatan kepada perjuangan rakyat Palestin supaya ia menjadi dengan izin, *People Centered Struggle* dan dengan itu kita berharap perjuangan rakyat Palestin bagi melahirkan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka akan menjadi suatu perjuangan yang diterima oleh masyarakat umum dan masyarakat antarabangsa seperti mana yang dilakukan semasa perjuangan Afrika Selatan di dalam menentang *apartheid*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang ekonomi, Malaysia telah mencadangkan program bagi meningkatkan keupayaan negara-negara OIC khususnya negara-negara kurang maju bagi membolehkan usaha pembangunan ekonomi dilaksanakan dengan berkesan bagi membasmi kemiskinan. Ini adalah usaha yang dipelopori oleh Malaysia dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara-negara tersebut.

Kita harap usaha ini akan dilaksanakan oleh semua negara OIC miskin yang lain dan kejayaan program ini secara langsung akan menyumbang kepada pengurangan jurang perbezaan ekonomi dan memberikan pendekatan yang boleh membawa perpaduan ummah. Selain daripada itu pada 27 hingga 29 Januari 2005, Malaysia telah mengadakan suatu persidangan tokoh-tokoh kenamaan Pertubuhan Persidangan Islam ataupun *The Commission of Immanent Person* dan ini bertujuan untuk menyediakan pelan tindakan bagi membolehkan umat Islam menghadapi cabaran abad ke-21. Syor-syor yang dipersetujui di mesyuarat pertama akan seterusnya dibincangkan di mesyuarat kedua di Pakistan pada 28 hingga 29 Mei 2005.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah bersetuju dengan cadangan kerajaan Arab Saudi supaya Sidang Kemuncak Khas untuk membincangkan perpaduan ummah diadakan di Mekah pada penghujung tahun ini. Dalam hubungan ini, pendekatan Islam Hadhari yang disyorkan oleh Perdana Menteri dapat dibincangkan dengan lebih mendalam lagi bagi membawa satu pendekatan untuk melahirkan masyarakat hadhari yang disegani di hormati oleh masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kita akan sama-sama menyumbangkan dan usaha kerajaan dalam menentukan perpaduan ummah dan kesejahteraan umat Islam dapat tercapai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyanjung tinggi jawapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Luar. Kita tahu keluhuran dan kesungguhan Kerajaan Malaysia dan selaku Pengerusi OIC kita memang banyak memberikan sumbangan-sumbangan bagi memberikan kebaikan dan kekuatan kepada negara-negara Islam.

Tetapi ada dakwaan, ini yang hendak saya tanya, ada dakwaan kononnya semua keputusan yang dipersetujui dalam apa juga persidangan-persidangan atau perbincangan-perbincangan yang dibuat oleh OIC yang dipersetujui di dalam persidangan tersebut tetapi tidak dapat dilaksanakan oleh sesetengah negara yang menjadi anggota kerana tekanan-

tekanan halus daripada kuasa-kuasa yang tertentu yang mungkin kerana mereka bimbang kepentingan-kepentingan mereka akan terhalang ataupun terhakis, maka dengan sebab itu banyak keputusan yang baik-baik yang dipelopori oleh pemimpin-pemimpin Malaysia yang tidak dapat hendak dijalankan secara bersepadu. Dengan kata-kata lain ia gagal dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana tekanan-tekanan daripada kuasa-kuasa yang tertentu. Saya ingin mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Luar yang bijaksana ini, apakah benar dakwaan-dakwaan ini atau bagaimana sebenarnya, terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading di atas soalan beliau. Tetapi kita kena tengok dari segi positifnya iaitu dengan adanya negara-negara Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam maka kita dapat mengambil tindakan secara bersama dan mempunyai persepakatan yang mengukuhkan hubungan, jalinan yang tidak melahirkan kontroversi. Misalnya dalam bidang ekonomi, dalam bidang tenaga manusia, kita mesti kukuh dari segi dalaman negara-negara OIC untuk kita dapat membanteras atau mengelakkan daripada tekanan yang dikenakan oleh negara-negara maju ataupun kuasa-kuasa besar.

Memang saya menerima hakikat bahawa ada masanya dalam soal-soal politik, negara-negara Islam tertekan dan kita tidak dapat membuat keputusan secara bersepadu. Tetapi dalam bidang-bidang yang lain kita telah dapat menggembelng tenaga bagi menentukan perjuangan untuk kita menegakkan keadilan sejagat tercapai. Ini dapat dilakukan walau pun ianya kadang kala tidak dirasakan.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Malaysia kecil di peta dunia tetapi jiwa dan semangatnya besar. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, mampu untuk memimpin Dunia Islam dengan slogan 'Malaysia Boleh', syabas Malaysia dan tahniah kepada Perdana Menteri dan juga Menteri Luar.

Tetapi persoalannya, saya yakin dan percaya dalam memikul tanggungjawab yang begini berat, ada *constraint*nya dengan izin. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah halangan-halangan dan juga cabaran-cabaran yang terpaksa kita hadapi sama ada daripada dalam ataupun daripada luar agar OIC ini tidak dilihat sebagai sebuah badan retorik ataupun '*nato*' dengan izin – *No action, talk only*. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Selangor di atas soalan tambahan dan saya fikir persoalannya ialah kita prihatin dan menghayati bahawa OIC perlu melakukan banyak anjakan untuk membolehkan kita mencapai tahap yang lebih tinggi lagi dari segi memperjuangkan umat Islam dan menjadi sebahagian daripada masyarakat antarabangsa.

Kita adakan perbincangan supaya melalui proses perbincangan ini akan terbuka minda kita dan *mind-set* kita untuk bersama-sama bersungguh bagi memperjuangkan perkara-perkara yang kita anggap mempunyai kepentingan secara bersama. Dalam hal ini, kita akan berhadapan dengan *constrain* dan saya fikir *constrain* yang paling utama sekali yang perlu kita atasi ialah untuk menyusun semula persidangan negara-negara Islam supaya ia *reflect*, dengan izin, keadaan semasa.

Saya fikir Sekretariat OIC sendiri adalah satu sekretariat yang agak usang dan tidak mempunyai keupayaan untuk berhadapan dengan situasi dan keadaan semasa. Itu perlu kita ubah dan susun semula. Ini telah diterima oleh negara-negara OIC.

Keduanya ialah, walau pun negara OIC secara hasil buminya adalah negara-negara kaya, kita mesti mula mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk menguasai ekonomi kita dan pedagang kita. Selagi kita mempunyai proses kewangan dan sekretariat yang perlu diubah maka selagi itu kita mempunyai *constrain* yang tertentu untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi lagi.

[Soalan No. 3 – Y.B Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) tidak hadir]

[Soalan No. 4 - Y.B Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)] tidak hadir

5. **Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan memandangkan kebanyakan meter-meter teksi di Malaysia hanyalah untuk tatapan sahaja, bilakah kementerian akan melaksanakan sistem penguatkuasaan yang lebih berkesan bagi mempertingkatkan imej teksi di negara ini khususnya di Kuala Lumpur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi memandang berat mengenai masalah kualiti perkhidmatan teksi di negara ini termasuk yang enggan menggunakan meter. Teksi bermeter hanya beroperasi di tiga kawasan iaitu di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Bandaraya Johor Bahru. Manakala kereta sewa tidak menggunakan meter beroperasi selain daripada tiga kawasan yang disebutkan. Teksi bermeter adalah di wajib menggunakan meter dan menjadi satu kesalahan yang berat sekiranya tidak menggunakan meter. Sepanjang tempoh dari 2003 sehingga Mac 2005 sebanyak 567 kes teksi tidak menggunakan meter telah diambil tindakan termasuk 11 digantung lesen dan 18 dibatalkan lesen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) sebagai agensi di bawah kementerian ini yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan perkara ini sentiasa mengadakan operasi terutama di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai seperti stesen-stesen komuter, pusat-pusat membeli-belah, terminal-terminal bas dan hotel-hotel. Kementerian juga menerusi LPKP sentiasa membuat pemantauan berterusan secara berkala dan juga berpandukan kepada aduan orang ramai. Penguatkuasaan secara bersepadu juga diadakan dengan pihak polis dan JPJ. Walau bagaimanapun, LPKP tidak mampu untuk mengadakan penguatkuasaan sepenuhnya kerana kekurangan anggota penguat kuasa. Oleh yang demikian, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sangat mengalu-alukan aduan orang awam sekiranya terdapat mana-mana teksi bermeter yang enggan menggunakan meter dengan memberikan maklumat yang lengkap seperti nombor pendaftaran teksi, tarikh dan masa kejadian, tempat kejadian dan alamat pemandu bagi memudahkan LPKP mengambil tindakan dengan tepat dan cepat. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya sedar bahawa pihak kementerian sudah pun ada kawalan tetapi bolehkah Yang Berhormat sendiri daripada Menteri, Timbalan Menteri.... *[Ketawa]* Ini saya hendak buat cadangan yang bernas - ya daripada Menteri, Timbalan Menteri dan Yang Berhormat sendiri naik teksi untuk beberapa hari untuk mengetahui keadaan sebenarnya kerana keadaan teksi di negara ini memang teruk sama ada bermeter atau tidak bermeter, daripada KLIA ke Kuala Lumpur dan sebagainya. Yang Berhormat bagi Arau pun dia tidak naik teksi, macam mana dia tahu. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Arau tidak ada bangkit apa-apa.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia tidak bangkitkan tetapi mengenai teksi itu. *[Ketawa]* Sebab masalah di negara kita ini Menteri dan Timbalan Menteri pun tidak ambil teksi, macam mana dia tahu keadaan. Yang penting sekali Yang Berhormat, saya berharap Yang Berhormat mengambil perhatian terutamanya mengenai pelancong-pelancong, kerana teksi merupakan salah satu lambang kebaikan ataupun keburukan Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah sampai untuk soalan dikeluarkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan sudah keluar dah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sudah keluar, duduklah, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah keluar dah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sudah keluar, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: ...tetapi tak faham saya boleh terangkan sekali lagi. *[Ketawa]* Tolonglah, Menteri dan Timbalan Menteri dan Yang Berhormat sendiri naik teksi dan memastikan semua pelancong yang naik teksi diberi layanan yang baik.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Soalan Yang Berhormat sebenarnya pendek sahaja. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat sebenarnya setelah mengambil tugas sebagai Menteri yang bertanggungjawab, Yang Berhormat Menteri telah pun mengadakan satu program turun padang di mana beliau sendiri telah melawat terminal-terminal, stesen teksi yang ada di sekitar Lembah Klang dan menaiki sendiri teksi tersebut bersama-sama dengan Timbalan Menteri. Untuk makluman Yang Berhormat, saya juga menggunakan teksi yang diadakan selain daripada menjalankan tugas rasmi.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Padang Serai.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan. Daripada jawapan Setiausaha Parlimen tadi kata ada tiga tempat yang ada meter. Saya difahamkan selain daripada tiga tempat yang disebutkan itu di kawasan Kuching, Sibu dan Miri juga teksi-teksi menggunakan meter. Soalan saya ialah berkenaan dengan masalah meter ini adalah satu masalah yang begitu lama dan kita dapati alasan yang sentiasa diberikan ialah kerana kekurangan anggota. Apakah langkah yang boleh diambil sebab alasan ini saya rasa sudah lama sangat digunakan. Pihak kementerian sepatutnya mempunyai satu kaedah yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah yang sekian lama wujud.

Tadi Setiausaha Parlimen minta bantuan daripada orang awam, adakah pihak kementerian memberikan pendidikan dan pendedahan tentang apa aduan ataupun di mana mereka boleh membuat aduan sebab kita dapati nombor telefon yang diletakkan di merata-rata kenderaan ini selalunya saya dapat kompelin mengatakan bila mereka telefon tidak ada orang jawab ataupun mungkin tidak tahu macam mana hendak tujuan. Itu adalah masalah-masalah yang begitu lama wujud, saya minta supaya kementerian boleh mencari satu kaedah dan sekali gus supaya orang ramai ini tidak lagi menjadi mangsa. Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi menjawab soalan mengenai di Sabah dan Sarawak yang menggunakan meter dikatakan bahawa sebenarnya penggunaan meter belum lagi dikuatkuasakan di bandar-bandar lain selain daripada Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Baru. Mengenai cara mempertingkatkan...

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ya. Memanglah. Baik, baik.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih LPKP Sarawak yang turut memberikan bantuan teguran. Yang Berhormat, saya rasa mengenai soalan Yang Berhormat sebentar tadi ialah khusus. Saya hanya dapat menjawab mengenai langkah-langkah untuk mempertingkatkan keberkesanan dan mutu perkhidmatan awam yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk itu maka Lembaga Pengangkutan Perdagangan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menubuhkan jawatankuasa penasihat untuk peningkatan dan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam, memberikan latihan dengan mengadakan kursus pemanduan berhemah kepada pemandu-pemandu; dan
- (ii) menyediakan nombor aduan talian bebas tol dan sistem pesanan ringkas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi soalan daripada Padang Serai juga

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Soalan yang kedua daripada....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: :.... masalah aduan panggilan telefon tidak ada orang angkat. Kalau hendak jawab secara bertulis bolehlah Yang Berhormat cadangkan.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Kita menyediakan bahagian telefon, pesanan ringkas dan juga penggunaan laman web. Bagi kesalahan-kesalahan yang di bawah kesalahan polis dan trafik diserahkan terus kepada jabatan yang berkenaan ataupun Kementerian Pengangkutan. Tetapi mengenai saranan Yang Berhormat tadi kita akan mengambil perhatian serius perkara ini mengenai jawapan panggilan yang tidak dijawab.

Tuan Lim Kit siang: Apa maknanya ambil perhatian serius?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah, Padang Serai fahamlah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baik, baik.

[Soalan No. 6 – Y.B. Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) tidak hadir]

7. **Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan mengapakah pihak kerajaan merahsiakan penangkapan Abdul Rahman @ Deraman Koteh di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 5 Januari 2005 dan hanya diumumkan setelah perkara tersebut ditimbulkan oleh Perdana Menteri Thailand Thaksin Sinawatra pada 26 Januari, 2005. Apakah alasan kerajaan menolak permohonan ekstradisi Thailand agar Abdul Rahman dibicarakan di Thailand?

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak merahsiakan penangkapan ke atas Abdul Rahman bin Ahmad atau Deraman Koteh di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, kerana penangkapan tersebut telah dimaklumkan kepada isteri dan keluarga beliau, lagi pun penangkapan itu adalah mengikut prosedur yang telah ditetapkan di bawah akta berkenaan. Sekiranya mana-mana negara, termasuk negara Thailand, yang ingin membawa beliau untuk dibicarakan di negara berkenaan maka ianya perlu mengikut proses undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini dan perjanjian ekstradisi antara Malaysia dengan negara-negara berkenaan. Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri yang menjawab. Saya hendak bertanya apakah faktor-faktor yang telah menyebabkan penangkapan Abdul Rahman Koteh di bawah ISA dan tidakkah kerajaan bercadang untuk mendakwa beliau di mahkamah terbuka berasaskan bukti-bukti yang dikatakan kukuh untuk menangkap beliau. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita kenakan perintah tahanan kepada *subject* ya, kerana beliau telah menggunakan Malaysia sebagai landasan untuk menjalankan aktiviti militan di negara jiran, yakni di negara Thailand. Mengenai dakwaan dalam mahkamah terbuka, Yang Berhormat sedia maklum bahawa di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri memang tidak ada pendakwaan pada orang terbuka. Sebab itu bila ditahan di bawah ISA memang tidak ada timbul soal lagi untuk didakwa di mahkamah terbuka walau pun Yang Berhormat mendakwa kita cukup bukti dan sebagai. Tetapi kita sedia maklum bahawa ada kes-kes tertentu yang boleh mengancam keselamatan negara, mungkin kita dapati perlu ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Abdul Rahman rakyat Malaysia atau rakyat Thai? Memandangkan bahawa ada kenyataan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia rela untuk bekerjasama dengan Kerajaan Thai untuk memulihkan atau bantu memulihkan keamanan dan ketenteraman di Wilayah Selatan Thai. Apakah kedudukan hubungan dua-dua dalam

perkara ini? Nampaknya dalam kes ini hubungannya begitu tegang. Apakah keadaan sekarang?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dalam penyiasatan kita, Abdul Rahman ada dua warga negara. Oleh itu kita tengah, kita sedang siasat dia warga negara mana sebenarnya. Mengenai permohonan daripada Kerajaan Thailand, kita sedang dan telah pun kita perolehi dan kita sedang menjalankan satu penyiasatan yang lebih rapi. Lebih-lebih lagi kita sedia maklum, Rahman Kotek ini kita tahan di bawah ISA bukan di bawah undang-undang biasa.

Mengenai hubungan kita dengan Kerajaan Thailand, seperti mana yang telah dinyatakan bahawa kita akan sentiasa memberi kerjasama. Bagi negara kita, siapa juga yang menggunakan Malaysia sebagai landasan untuk melakukan keganasan ataupun melakukan apa-apa yang boleh mengancam keselamatan dalam negara kita, kita akan ambil tindakan. Mengenai kita dengan urusan negara-negara lain, kita ada peraturan-peraturan ekstradisi yang telah kita tetapkan yang mana kita mesti memenuhi segala kehendak-kehendak dalam perjanjian tersebut. Terima kasih.

8. **Dato Seri DiRaja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]** minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan adakah Lembaga Tembakau Negara yang selama ini membimbing penanaman tembakau dan mendapat kepercayaan mereka akan diberi satu peranan yang lebih menyeluruh untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh penanam-penanam tembakau.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kedatangan Ahli-ahli Puspanita Kementerian saya pada pagi ini. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Arau bahawa 15 Disember 2004 kerajaan telah memutuskan supaya penanaman tembakau terus dikawal selaras dengan peruntukkan Akta Lembaga Tembakau Negara atau (LTN) tahun 1973 dan komitmen Malaysia untuk mengawal tabiat merokok di bawah *Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC).

Sehubungan ini, kerajaan juga telah memutuskan supaya di tanam sebagai tanaman sosial ekonomi bagi pekebun-pekebun kecil dan sebagai tanaman gantian import sehingga dikenal pasti tanaman alternatif yang sesuai atau *sustainable equivalence crop*, dengan izin. Bagi maksud itu, kerajaan telah memutuskan untuk menarik balik keputusannya untuk membubarkan Lembaga Tembakau Negara supaya LTN dapat terus melaksanakan fungsinya dalam membangunkan kedudukan sosial ekonomi penanam-penanam tembakau selaras dengan objektif kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan mengawal industri penanaman tembakau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini pihak LTN sedang berusaha mencuba tanaman alternatif yang sesuai untuk diintegrasikan dengan tanaman tembakau. Jawatankuasa bersama tanaman integrasi di antara LTN dan Jabatan Pertanian telah selesai menyediakan pelan tindakan bagi melaksanakan tanaman integrasi tanaman tembakau dan tanaman makanan. Sekian.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen atas jawapan itu. Soalan tambahan saya, kita boleh memperkenalkan tanaman-tanaman dan kaedah-kaedah baru kepada petani-petani kita tetapi bagaimanakah mereka hendak mengekalkan persaingan dari segi pemasaran dan minat mereka di dalam tanaman dan pengurusan yang baru ini, memandangkan sudah bertahun-tahun tanaman tembakau telah memberikan pendapatan yang lumayan kepada mereka? Sekian.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Arau yang selalu prihatin tentang nasib dan harapan penanam-penanam tembakau. Kepada Yang Berhormat kita sudah ada satu rancangan tanaman integrasi di mana kita ada tiga modul, modul yang pertama adalah tanaman bergilir-gilir dan tanaman kedua tanaman serentak dan modul ketiga sistem perladangan campuran.

Saya mengakui kita kena bersaing dengan *competition* dari luar negeri dan memandangkan AFTA pada tahun 2010 akan dilaksanakan dan cukai import akan diturunkan, sekarang kita cuba cari tanaman lain supaya kita boleh meningkatkan pendapatan penanam-penanam kita. Kita sekarang ada satu skim galakkan penswastaaan pengawet. Dengan skim ini, kita menggalakkan satu skim penanam pengawet individu. Untuk makluman Yang Berhormat, LTN telah berjaya mengadakan 2800 PPI atau penanam pengawet individu buat masa ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tahniah dan syabas diucapkan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana pihak kementerian ingin memajukan, membantu penanam-penanam tembakau ini. Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah peraturan-peraturan mengenai mengawal dan menyelaras aktiviti berkenaan dengan penanaman, pengawetan, penjualan dan pembelian dapat memajukan industri tembakau dan rokok tanpa menjejaskan usaha kerajaan kita iaitu usaha rakyat sihat produktiviti meningkat

Seorang Ahli: Baik-baik.

Tuan Loh Seng Kok: Dan menggalakkan gaya hidup sihat seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam.....

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Loh Seng Kok: Bajetnya tahun lepas. Sekian, terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih, Yang Berhormat Kelana Jaya. Kementerian saya ada beberapa peraturan untuk mengawal ini. Yang penting sekali adalah sistem kuota, di mana kuota diberi kepada penanam-penanam di beberapa negeri yang menanam tembakau dan untuk pengawalan merokok, ini di bawah Kementerian Kesihatan tetapi kita selalunya bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan.

Walaupun jika kita tidak tanam tembakau, ini tidak bermakna bahawa orang tidak hendak merokok lagi. Kalau kita ada satu skim yang mengawal tanaman tembakau, kita boleh jimat *foreign exchange* juga. [Disorak] Sekian, terima kasih.

9. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai simpanan tabung darah di hospital-hospital kerajaan di seluruh negara, sama ada mencukupi atau tidak bagi menghadapi keperluan semasa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kutipan darah di seluruh negara secara puratanya menunjukkan peningkatan sebanyak 8% pada setiap tahun. Secara umumnya, simpanan darah di Pusat Darah Negara dan hospital-hospital kerajaan pada masa ini berada pada tahap yang mencukupi untuk memenuhi keperluan semasa. Kekurangan hanya berlaku pada musim-musim perayaan yang melibatkan cuti yang panjang dan juga boleh berlaku sekiranya kadar penggunaan darah meningkat secara mendadak seperti wabak demam denggi.

Walau bagaimanapun, Pusat Darah Negara dan tabung-tabung darah di hospital-hospital negeri sentiasa mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan simpanan darah sentiasa mencukupi dan dipastikan tidak berada pada tahap kritikal bagi memenuhi permintaan bekalan darah dari hospital-hospital kerajaan dan swasta yang memerlukannya. Sekian.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Ini pun satu masalah kesihatan juga, tentang kelalaian. Hari ini kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tengok, 200 yang telah menderma darah kononnya ada, disahkan HIV – seolah-olah kita menggalakkan lagi orang kena HIV, lebih dahsyat daripada tembakau, saya rasa.

Saya hendak melihat bagaimana Kementerian Kesihatan, kelalaian ini berlaku kerana kita tahu mereka yang hendak menderma darah ini mestilah menjalani rawatan, pemeriksaan yang secukupnya kerana bimbang, takut-takut nanti – disaring dengan ketat supaya tidak ada pembawa penyakit yang menderma darah.

Saya mendapat tahu bahawa ada bekalan darah yang tidak cukup di hospital-hospital pakar ataupun swasta yang sepatutnya bekalan yang tidak cukup itu diganti balik setelah dapat daripada tabung darah pihak kerajaan tetapi kononnya dijual dengan harga yang tertentu. Ini menyebabkan hospital-hospital pakar mengambil kesempatan untuk mengenakan kadar harga yang begitu tinggi hinggalah sampai RM250 bagi setiap satu *pint*.

Apakah kementerian melihat perkara ini dengan lebih serius untuk mengatasi masalah ini supaya tidak ramai lagi mereka yang memerlukan bantuan dan pertolongan menjadi mangsa kepada mereka yang mengambil kesempatan. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan keselamatan darah yang kita dapat daripada penderma-penderma, kita memang mengadakan:

- (i) sebelum seseorang penderma itu memberi darah, kita ada buat temu duga iaitu kita hendak memastikan penderma ini mengamalkan gaya hidup yang sihat, yang darahnya adalah baik dan selamat digunakan;
- (ii) apabila kita kutip darah ini, kita akan buat ujian untuk memastikan darah ini adalah bersih dan selamat digunakan oleh penerimanya.

Keduanya, berkaitan dengan darah yang dijual. Sepatutnya kita tidak jual darah langsung. Apa yang kita kenakan caj itu adalah caj ujian, supaya kita dapat memastikan darah yang kita terima itu adalah sesuai, bersih dan selamat digunakan oleh penerima. Apa yang kita buat adalah Pusat Darah Negara membekalkan darah-darah ini kepada hospital swasta juga supaya mereka dapat menyelamatkan nyawa. Kita akan bekalkan kepada mereka dan kita akan caj kos sahaja. Kita caj satu beg RM20 kepada mereka dan RM20 itu adalah di *subsidized* oleh kerajaan kerana kos ujian sekarang adalah lebih kurang RM85 se beg tetapi kerajaan akan *subsidized* RM65 dan kita hanya caj RM20 kepada hospital swasta. Sekian.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, soalan saya HIV tadi? HIV itu mustahak. Kalau dibuat pemeriksaan yang teliti kenapa sampai 200 orang disahkan ada HIV dan telah didermakan darah tersebut kepada orang lain. Saya tidak tahulah.

Tuan Lee Kah Choon: Berkaitan dengan HIV ini seperti yang saya katakan, kita ada ujian yang dijalankan ke atas darah-darah yang di

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yalah, kena 200 orang, ini serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lee Kah Choon: Ya, betul. Yang Berhormat berkaitan dengan 200 kes itu, saya tidak ada maklumat. Cuma saya hendak katakan apa yang kita buat adalah apabila darah itu diberikan kepada kita, kita akan buat ujian. Walaupun ujian itu – kita kena faham juga bahawa HIV ini ia ada *window period*. *Window period* itu bermakna kalau kita ada virus dalam badan kita, dalam lingkungan lebih kurang 3 bulan itu kita tidak dapat mengesan virus HIV ini. Ia ada *window period*. Kita akan tingkatkan sensitiviti ujian kita, supaya kita dapat *detect* virus ini walaupun dalam *window period* ini tetapi kosnya agak tinggi dan teknologinya agak *advance*. Sekian.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat apa yang dikeluarkan dalam surat khabar hari ini, 36% dari 5% penderma-penderma yang mempunyai darah yang tercemar ini adalah penderma-penderma yang dipanggil sebagai penderma yang berulang atau *eventual* dan bilangannya seperti yang disebutkan ialah lebih kurang 200 orang.

Kita juga tahu ini adalah satu keadaan yang saya rasa berbahaya walaupun mereka ini telah diketahui bahawa mereka ini mempunyai darah yang tercemar tetapi masih lagi menjadi penderma yang berulang. Soalan saya berkenaan dengan satu lagi, seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi berkenaan dengan *window period* tadi. Apakah bentuk pemeriksaan-pemeriksaan yang dilakukan atau saringan-saringan yang dilakukan kepada penderma-penderma yang mana di dalam keadaan *window period*, sama ada dari segi *laboratory* atau dari segi pemeriksaan-pemeriksaan yang lain?

Tuan Lee Kah Choan: Terima kasih, Yang Berhormat Gombak. Seperti yang kita katakan, kita memang membuat saringan atau ujian ke atas semua darah yang kita kutip daripada penderma-penderma dan kita menggalakkan mereka, kita buat temu duga sebelum kita dapatkan darah daripada mereka berkaitan dengan latar belakang mereka, berkaitan dengan gaya hidup mereka supaya saringan itu adalah tahap pertama, *the first stage* yang kita hendak memahami latar belakang penderma ini.

Yang kedua, darah itu apabila kita dapat kutip, kita memang buat saringan dan kita akan cuba untuk mengurangkan, mengesan virus pada masa *window period* ini supaya darah yang kita beri kepada penerima itu adalah sihat dan selamat. Tetapi kita tidak dapat menafikan bahawa ujian-ujian kita tidak dapat seratus peratus tepat. Apabila kita dapatkan darah itu, kita memang mengakui bahawa ada kemungkinan darah-darah ini dicemari. Sekian.

[Soalan No. 10 – Y.B. Dato' Mohd Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) – tidak hadir.

11. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) rancangan serta langkah-langkah Kementerian di dalam menjalankan kempen kesedaran bagi mengatasi wabak penyakit seperti Penyakit Campak yang telah mengorbankan banyak kanak-kanak yang telah menerima rawatan di Hospital Bintulu baru-baru ini; dan
- (b) jumlah keseluruhan kanak-kanak yang telah menerima rawatan dan berapakah jumlah yang telah meninggal dunia setakat ini akibat penyakit ini di seluruh negara terutama di kawasan Bintulu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choan]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan bahagian,

- (a) Bagi mengatasi wabak penyakit campak (*measles*) dari terus berlaku di Malaysia Kementerian Kesihatan akan meneruskan aktiviti pendidikan kesihatan kepada semua penduduk Malaysia yang menjelaskan tentang kepentingan pemberian vaksinasi kepada kanak-kanak. Aktiviti pendidikan kesihatan dijalankan menerusi ceramah-ceramah di klinik-klinik di sekolah, penyebaran maklumat melalui poster dan risalah dan juga melalui ceramah di media massa khususnya melalui media elektronik.
- (b) Pada tahun 2004 sejumlah 5,603 kes penyakit campak telah dilaporkan di seluruh Malaysia. Di kawasan Ulu Belaga pula sejumlah 181 kes campak telah dikesan di kawasan tersebut bermula pada akhir bulan Disember 2004 sehingga 12hb Mac 2005. Dari jumlah tersebut 161 kes telah mendapat rawatan di Hospital di Bintulu dan 3 kes telah diberikan rawatan sebagai pesakit luar. Sebanyak 18 kes yang dilaporkan telah meninggal dunia akibat komplikasi penyakit campak terutama akibat daripada *pneumonia*. 17 daripada 18 kes kematian tersebut tidak mendapat rawatan di hospital dan meninggal dunia di rumah, manakala 1 kematian berlaku di hospital Bintulu. Semua

kes yang dimasukkan ke dalam hospital Bintulu telah keluar dari wad dan sejak 6hb Mac 2005 tiada lagi kes campak di kesan di kawasan Ulu Belaga. Untuk makluman Dewan yang mulia ini tiada kes kematian akibat penyakit campak dilaporkan berlaku di negeri-negeri lain pada tahun 2004. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing: Terima kasih di atas 'soalan' daripada setiausaha Parlimen. Soalan tambahan....

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jawapan Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing: Tadi *microphone* tidak dengar. [Ketawa] Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian masih mempunyai perkhidmatan yang dijalankan oleh jururawat desa di dalam memberi perkhidmatan rawatan dan suntikan imunisasi kepada kanak-kanak serta bayi bagi menjaga penyakit berjangkit ini seperti yang telah dijalankan di kampung-kampung dan desa-desa? Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi Kementerian Kesihatan kerajaan memang sentiasa mengadakan imunisasi campak di seluruh negara setiap masa. Cuma ada tempat-tempat seperti di Sabah dan Sarawak atau daerah pedalaman di mana kadang-kadang susah untuk kita sampai kepada mereka untuk membuat *immunization* ini terutamanya di tempat-tempat di Sabah dan Sarawak di mana *shift cultivation* dijalankan di mana orang-orang tempatan ini corak hidup mereka adalah secara nomad dan susah kita dapat mengesan mereka dan susah bagi kita untuk memberi *immunization* kepada mereka. Sekian, terima kasih.

12. **Tan Sri Dato' K.S. Nijhar [Subang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan rancangan terkini pihak kerajaan terhadap Lapangan Terbang Subang.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, rancangan terkini kerajaan terhadap Lapangan Terbang Subang ialah untuk membangunkannya sebagai pusat Aero Angkasa Antarabangsa atau pun *International Aerospace Park (IAP)*. Beberapa aktiviti telah pun dikenal pasti dan akan dijalankan di IAP ini. Antaranya termasuk penyelenggaraan, baik pulih dan rombak rawat pesawat (*maintenance, repair and overhaul - MRO*), pusat penerbangan am, pusat helikopter, pusat latihan kecemerlangan Aero Angkasa, taman teknologi Aeroangkasa dan pusat komersial. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' K.S. Nijhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada pihak kementerian atas jawapan tadi. Saya sudah membangkitkan soalan ini dahulu tetapi tidak dapat jawapan yang sesuai. Akhir sekali Subang mendapat satu jawapan yang memberikan gambaran yang jelas terhadap rancangan pihak kementerian terhadap Lapangan Terbang Subang. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua apa yang membimbangkan saya jawapan ini tidak menyentuh sama sekali atas satu isu yang penting berkaitan dengan pembangunan ini iaitu isu keadaan trafik di sepanjang jalan di Lapangan Terbang Subang.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kini keadaan trafik di sepanjang jalan Lapangan Terbang Subang adalah amat sesak. Saya berpendapat kesesakan ini akan bertambah lebih amat sesak dengan pembangunan pesat yang giat dijalankan di kawasan ini. Soalan saya sudahkah pihak kementerian menjalankan satu kajian secara menyeluruh atas *traffic impact analysis* kepada jalan Lapangan Terbang Subang akibat rancangan yang ingin dilaksanakan kepada tapak Lapangan Terbang Subang? Kalau tidak mengapa? Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Subang. Saya hendak mengakui bahawa setakat kementerian saya belum menjalankan *impact study* yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Subang. Tetapi pihak saya telah pun menerima banyak pandangan dan juga aduan termasuk aduan daripada Yang Berhormat bagi Subang dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili kawasan yang berhampiran dengan Lapangan Terbang Subang ini.

Kita akan melantik satu konsortium untuk menguruskan *International Aerospace Park* ini dan setelah konsortium ini dilantik oleh kerajaan, ia akan diarahkan supaya berunding dengan jabatan-jabatan yang berkenaan supaya isu ini dapat diberikan pertimbangan yang serius dan mencari jalan untuk menanganinya. Saya setuju bahawa bila *International Aerospace Park* ini dijalankan dengan sepenuhnya ia akan mewujudkan banyak peluang pekerjaan. Ramai orang akan pergi ke Subang ini supaya menjalankan tugas mereka. Ini akan menjadikan masalah di Subang ini semakin teruk maka saya mengakui dan kita akan mencari jalan untuk menanganinya. Sekian, terima kasih.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Menteri, *International Aerospace Park* kita mungkin belum lagi punya status untuk meletakkan negara kita sebagai salah satu negara yang cemerlang dalam bidang *aerospace*. Jadi bolehkah Yang Berhormat menyatakan apakah garis panduan yang diberikan kepada konsortium ini untuk membentuk satu *International Aerospace Park* ini? Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Setelah kita melantik konsortium ini, ia akan diberikan tanggungjawab untuk menguruskan, membangun dan juga memasarkan *Aerospace Park* ini ke seluruh dunia. Manakala Kementerian Pengangkutan akan berperanan sebagai pihak yang membuat keputusan-keputusan dasar berhubung dengan *Aerospace Park* ini dan DCA juga akan bertindak sebagai badan kawal selia *International Aerospace Park*. Tetapi saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat bahawa sungguhpun kita belum melantik konsortium yang saya sebutkan tadi tetapi setakat ini memang terdapat lebih kurang 20 syarikat di Malaysia memang telah mula menjalankan kerja MRO ini dan saya juga hendak memberitahu Yang Berhormat bahawa selepas kita mengumumkan rancangan kita untuk membangunkan Subang ini sebagai *International Aerospace Park* kita telah mendapat sambutan yang cukup menggalakkan daripada seluruh dunia.

Beberapa syarikat antaranya daripada *the Major Player* in MRO daripada Amerika Syarikat telah pun mengambil keputusan untuk berpindah ke Subang antaranya ialah *Airline Aircraft Radio* (AAR) merupakan *player* yang penting sekali dalam MRO *landing here* ini ataupun membuat keputusan untuk pindah ke Subang dan ia akan mula beroperasi pada bulan Jun atau bulan Julai ini memang disambut baik oleh komuniti antarabangsa.

Saya yakin bahawa bila konsortium ini telah dilantik dan dengan dasar-dasar yang tulus, yang memberikan insentif yang mencukupi kepada syarikat-syarikat yang pindah ke sini saya yakin bahawa Subang akan berkembang sebagai satu *Aerospace Park* yang terkenal dirantau ini. Sekian, terima kasih.

[Soalan No.13 - Y.B. Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) tidak hadir]

[Soalan No.14 - Y.B. Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) tidak hadir]

15. **Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan bercadang mengkaji semula Akta Kediaman Terhad; dan
- (b) adakah ia memberi kesan kepada pesalah dan apakah jenis-jenis kesalahan yang disabitkan di bawah akta berkenaan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan masih belum bercadang untuk mengkaji semula Akta Kediaman Terhad 1933 kerana penggunaan akta tersebut masih diperlukan untuk dikuatkuasakan bagi membendung dan menangani kegiatan-kegiatan yang tidak mendatangkan faedah kepada keamanan dan juga ketenteraman awam khususnya kegiatan haram atau jenayah bersindiket yang tidak melibatkan unsur kekerasan. Akta Kediaman Terhad 1933 merupakan undang-undang pencegahan yang mana individu-

individu yang diambil tindakan di bawah akta ini akan ditempatkan di suatu kawasan bagi tempoh tertentu di bawah penguasaan polis.

Tindakan di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 akan diambil ke atas individu-individu yang terlibat dan menjalankan kegiatan haram secara berterusan walaupun tindakan telah diambil sebelum ini. Antara contoh kegiatan yang diambil tindakan di bawah akta ini ialah individu-individu yang terlibat dalam penganjuran aktiviti perjudian, pelacuran, pinjaman wang tanpa lesen, sindiket mencuri kereta dan sebagainya terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa menghantar pesalah-pesalah ke tempat-tempat lain daripada tempat yang dia melakukan kesilapan dan kesalahan itu kita *transfer problem* daripada satu tempat ke satu tempat contohnya, mungkin dia melakukan kesilapan di Kuala Lumpur dihantar ke Jerai. Budaya itu dibawa ke situ dan ini menjadi masalah di kawasan setempat kerana dalam kawasan Jerai dan di kawasan-kawasan lain dulu kurang penagih dadah tetapi bila *pusher* pergi ke situ, *pusher* cari makan di situ dan kita menghadapi masalah.

Dalam zaman sains, teknologi ini dia orang gunalah telefon bimbit dan sebagainya. Jadi adakah tahanan terhad ini benar-benar memberikan kebaikan kepada negara ataupun kita mencadangkan supaya kita letak mereka di satu pulau....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup. Soalan cukup.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia.. kalau makan tidak habis

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:Tidak minum air pun tidak apa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, kita faham. Menteri pun faham. Cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Faham *no*? Kita bubuh atas pulau supaya depa duduk situ, depa tak kacau orang lain dah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar : Terima kasih Yang Berhormat. Kita sedar bahawa masalah-masalah yang Yang Berhormat timbulkan dan juga dalam zaman ICT ini mungkin perhubungan mereka begitu rapat dan sukar untuk dihalang.

Namun demikian, kita dapati bahawa apabila seorang subjek ini kita letakkan di satu-satu tempat maka kita boleh memantau pergerakan mereka dan mereka terpaksa melaporkan diri kepada pihak polis dalam satu-satu masa yang tertentu dan sekiranya mereka ini didapati melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan mereka boleh ditahan di dalam penjara sampai sehingga 3 tahun. Jika sekiranya dia didapati melakukan kesalahan-kesalahan baru maka dia.... subjek ini boleh didakwa di bawah undang-undang jenayah seperti biasa. Terima kasih.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan lisan telah selesai.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [14 April 2005]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dengan segala hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Santubong menyambung semula ucapan.

11.00 pg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Sebelum saya menyambung ucapan ingin saya membuat satu penjelasan berhubung dengan teks bermeter di Sarawak iaitu di Kuching, Sibu dan Miri yang dijawab oleh Setiausaha Parlimen mengatakan belum di *gazet*. Sebenarnya *gazet* telah dibuat pada 20.11.03, rujukan jilid 47/24 ataupun PU(A 47) ataupun 11/15 perundangan.

Saya terpaksa membuat penjelasan ini oleh kerana kalau tidak *digazet* maknanya perbuatan teks di Sarawak adalah *illegal* ataupun bercanggah dengan undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tidak mahu perkara ini dibawa ke hadapan media dan perbuatan di Sarawak itu tidak betul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung lagi persoalan yang dibangkitkan dalam soalan seksyen 161. Banyak perkara yang telah saya sebutkan bahawa seksyen 161 yang dicadangkan di Dewan ini untuk diluluskan untuk mengenal pegawai-pegawai dalam tentera khususnya pegawai-pegawai yang beruniform sama ada tetap ataupun tidak tetap, dalam urusan harian mereka.

Sebelum saya berpindah daripada seksyen 161 ini ingin saya menyebutkan juga supaya tidak menjadi kekeliruan bahawa walaupun potongan dari pencen dan gaji yang bakal dicadangkan di para Perundangan ini hanya 25%. Saya dapati pengkhususan ataupun pindaan perundangan ini adalah menekan pegawai-pegawai ataupun askar-askar dalam tentera. Saya cukup yakin bahawa undang-undang ini dibuat untuk memperkemaskinikan perundangan apabila tiap-tiap mahkamah sama ada mahkamah tentera menghakimi anggota-anggotanya apabila melakukan satu-satu kesalahan kerana seksyen 161 yang dahulu, yang diguna pakai sekarang ini adalah kurang tepat dan kurang pasti dan mungkin tidak memberi satu kuasa kepada pihak-pihak tertentu dalam tentera untuk memotong gaji ataupun pencen. Tetapi sekarang nampaknya gaji dan pencen pegawai tentera dan bekas tentera akan tidak selamat lagi walaupun ¼ ataupun 25% daripada gaji ataupun pencen yang bakal dipotongkan. Ini adalah cerita kurang elok kepada angkatan tentera dan tidak sejajar dengan kehendak kerajaan bagi menarik perhatian ramai untuk memasuki angkatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat memang cukup *comprehensive* undang-undang ini dan cukup teratur. Sebagaimana saya sebut, saya ucapkan tahniahlah pada pihak AG yang membuat undang-undang yang begitu rupa. Apabila undang-undang itu baik dengan sendirinya yang dikena itu tidak dapat beralih lagi. Jadi saya juga menerima bahawa dalam tentera kita ada yang nakal, ada yang tidak buat betul. Tetapi dalam keadaan yang sedemikian tidak payahlah menggunakan undang-undang untuk menekankan pihak-pihak yang banyak menaburkan jasa kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut juga soalan Hari Pahlawan, berpindah daripada seksyen 161 ini, sebab seksyen 210 yang kedua dipinda itu adalah cukup baik dan cukup menarik. Itu akan saya sentuh apabila saya menyebut Hari Pahlawan. Hari Pahlawan ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk membantu askar dan laskar yang bersara ataupun berhenti daripada perkhidmatan. Kita mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi mencakar langit, bank, kita mempunyai syarikat-syarikat yang besar, kita mempunyai dana-dana dan laboran beratus juta juga tetapi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sebanyak manakah keuntungan dari laboran ini mengalir kepada pihak yang betul-betul berkehendakkan bantuan?

Umpamanya prebet, koperal, sarjan ataupun staf sarjan atau pangkat rendah ini, yang bersara, yang tidak mendapat kerja, yang mana mempunyai anak yang banyak, apakah bantuan yang telah diberi oleh pihak tabung-tabung ini? Apa yang saya tahu ialah sumbangannya amat sedikit sahaja. Walaupun banyak peringkat-peringkat yang berpangkat jeneral, yang berpangkat brigedier.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya habis ini. Yang mengaut keuntungan, *enjoy* semua kemudahan-kemudahan ini, yang disokong penuh oleh pihak kerajaan tetapi malangnya yang pangkat rendah. Sila, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya memang bersimpati dengan pandangan Yang Berhormat. Memang kadang-kadang jasa yang mereka taburkan tidak dinilai. Walaupun mereka mendapat pencen ataupun setengahnya tidak mendapat persaraan langsung kerana perkhidmatan mereka tidak mencukupi. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan, selalu saya melaung-laungkan bahawa syarikat-syarikat yang mencakar langit, syarikat-syarikat yang untung dalam perniagaan ini, kita kaji balik. Kalau mereka memohon sesuatu jenis perniagaan daripada pihak kerajaan, kita kena *check track record* mereka .

Kalau mereka dalam keuntungan yang mereka dapat ini, tidak langsung mereka menyumbang balik kepada rakyat yang memerlukan, maka kerajaan harus jangan mempertimbangkan apa jua permohonan-permohonan mereka untuk mencari keuntungan di dalam negara kita ini kerana keuntungan yang depa dapat, hanya untuk kepentingan depa. Bukan hendak tabur balik kepada membantu kerajaan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan masyarakat kita yang masih wujud setelah merdeka berpuluh tahun ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kerajaan kena tegas. Tengok, untung tahun sudah bagi kepada mana? Ada bagikah kepada tabung kebajikan, tabung pahlawankah dan sebagainya . Kalau ada, maknanya syarikat itu bertanggungjawab. Kalau tidak ada, hanya kepentingan diri mereka , ini saya hendak beritahu tokoh-tokoh korporat ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kadang-kadang ada yang menyapu duit-duit kerajaan, beratus-ratus juta duit rakyat dan mereka.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: tidak langsung menyumbang kepada negara. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kerajaan kena tegas, kerana kita tidak mahu ada segelintir masyarakat kita yang kacang lupakan kulit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju. Saya menyanjung tinggi pandangan Yang Berhormat bagi Jerai. Saya duduk di Dewan ini semenjak Yang Berhormat bagi Jerai datang ke Dewan dalam penggal ini. Yang Berhormat bagi Jerai adalah salah seorang ahli Dewan yang banyak menyeru, memanggil dan menggesa pihak-pihak korporat-korporat yang tidak bertanggungjawab, yang tidak membuat, apa yang dikatakan dalam *management, social contribution* yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat benda ini, kadang-kadang kalau Perdana Menteri, kalau Ketua Menteri, orang menteri besar-besar minta, datanglah *contribution* itu, sampai. Tetapi, kalau orang bawahan, macam mana miskin, papa kedana pun tidak tolong

sebab tidak dapat Datuk, tidak dapat Tan Sri dan tidak dapat pangkat daripada itu, mungkin tidak dapat kontrak daripadanya. Dengan anggapan kalau didukung dengan publisiti yang besar dan harapan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, menteri-menteri ataupun Ketua Menteri ini, pemberian ini dapat publisiti besar. Dapat publisiti besar, nanti bolehlah diguna pakai untuk berjumpa dengan pegawai-pegawai kerajaan, jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan untuk mendapat kontrak dan sebagainya. Ini adalah tidak sesuai. Ini bukan sebenarnya *social contribution* yang kita anggap.

Social contribution yang sebenarnya ialah membantu orang yang betul-betul perlu bantuan dengan tidak beranggapan atau berkehendakkan pulangan daripada bantuan itu, bantuan yang ikhlas. Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebut di sini bukanlah persoalan syarikat-syarikat yang lain ini. Syarikat yang saya sebut di sini ialah syarikat-syarikat yang memang ditubuhkan oleh bekas-bekas tentera itu sendiri, pegawai-pegawai dia sendiri, jeneral-jeneral dia sendiri. Saya boleh berbincang, bukan di dalam sahaja, tetapi di luar Datuk. Saya pernah melihat yang jeneral menganiaya syarikat-syarikat kepunyaan persatuannya sendiri di Sarawak dulu.

Jeneral kata, "*Okey! We will not liquidate, you punya syarikat*" Tetapi I nasihat dengan syarikat itu, kalau *you* sains sahaja *debenture* ini, dalam masa dua hari, dia boleh ikut *you* pergi sama ke Sarawak, *take over you* punya syarikat, gulung *you* punya syarikat, ambil keuntungannya. Akhirnya, dia sains juga kerana Datuk Jeneral berkata, kita tidak akan menganiaya orang kita sendiri dengan kata-kata yang lemah-lembut. Pengurus syarikat ini, orang bawahan dulu, akur dengan Datuk Jeneral ini, sains juga Affin Bank punya *debenture*. Tidak betul cakap saya. Bukan dalam dua hari dia datang ke Kuching untuk *take over* syarikat, tetapi dalam tiga bulan. Tetapi, berlaku apa yang saya sebut kerana berhutang RM4 juta dengan Affin Bank. Bahkan duit dalam kewangan di *Treasury Malaysia* masih ada RM11 juta bukan *insolvent company* tetapi alasannya tidak bayar yang RM4 juta. Duit yang RM11 juta dalam kewangan masih ada. Dia hentam, *liquidated* juga.

Yang rugi ahli-ahli askar, bekas tentera di Sarawak semuanya kerugian. Syarikat itu semua digulung habis. Ini adalah oleh kerana percaya dengan Jeneral supaya pihak banknya menjadi kukuh. Kukuh banknya, siapa yang mendapat wang? Jenerallah yang dapat elaun besar, jenerallah yang dapat gaji besar. Tetapi, orang bawahan macam mana? Rumah tidak ada, semua tidak dapat. Syarikat yang sepatutnya membantu persatuan tidak boleh membantu. Bolehkah tidak ada keuntungan?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, Hari Pahlawan yang kita buat tiap-tiap tahun itu, apa bantuan yang telah diberi kepada orang yang di bawah? Jangan tanya dengan saya, daripada beritahu dengan jeneral-jeneral ini. Saya tidak cukup dengan pegawai-pegawai yang atasan ini. Saya hendak tahu orang bawahan itu. Orang betul-betul pergi ke hutan berperang itu. Jeneral tidak pernah pun tengok hutan berperang. Dia jadi jeneral sahaja, sekolah tinggi, jadi orang atasan tetapi kalau berperang dalam hutan itu, prebet itulah pergi. Koperal itulah pergi, sarjan itulah pergi, kapten itulah pergi, orang bawahan sahaja. Kalau hendak mati, hilang macam itu sahaja, dia lenyap. Menangis sekejap, keluarganya sahajalah yang meninggal tetapi anak-anak keluarga ini, apa bantuan yang telah kita beri. Apa *census* yang kita telah beri? Apa penyelidikan yang telah kita buat supaya dana dan sumber kewangan, kekayaan yang diterima oleh organisasi dalam tentera yang mempunyai dana dan keuntungan yang begitu besar, disalurkan kepada mereka ini.

Saya banyak bercampur dengan orang bawahan ini, sebab saya orang bawahan. Apa cerita dia, inilah dia. Yang sumber kewangannya begitu besar, tetapi tidak mengalir kepada mereka yang di bawah. Yang untung jadi *board of directors*, jadi *managers*, jadi *chairman* dan sebagainya. Berapa banyak sajakah prebet, koperal, sarjan, staf sarjan, *warrant officers*, kapten, leftenan dia mendapat MBA. ataupun doctrate Ph.D yang boleh mengurus di atas? Kalau dapat pun, tidak boleh naik ke atas sebab dulu pangkat kecil.

Tuan Yang di-Pertua, mesti kena diperbetulkan. Kesumbangan ini mesti diperbetulkan. Jangan megah dengan bangunan yang tinggi, bank yang beratus cawangan, syarikat dengan laboran beratus ribu juta, tidak berbangga kalau orang bawahan yang asasnya kedudukan kita tidak mendapat habuan yang sempurna. Itu yang kedua.

Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, sebab saya hendak menggulung cepat-cepat. Soalan *orientation* yang dibuat oleh pihak tentera untuk memberi peluang dan ruang kepada tentera, bekas tentera yang akan bersara daripada tentera memasuki alam orang awam bekerja dan mencari *business*. Tetapi, *orientation* ini tidak tepat pada sasaran. Kenapa saya kata tidak tepat? Ada mereka yang telah berpencen, dan berumur 40-an, 40 tahun lebih, mungkin tidak lagi dikehendaki dalam *job market*.

Mungkin kepakaran yang berlainan. Walaupun pakar, saya cukup yakin bahawa tentera ini dia punya latihan banyak kepakaran dia tetapi kepakaran bercorak mana. Tetapi kalau dia pun mempunyai *job* kepakaran yang tertentu umpamanya dalam segi elektronik, kita mempunyai industri-industri elektronik yang terbesar di dunia. Tetapi malangnya syarikat-syarikat ini saya tidak cukup tahu sebab saya pernah membawa bekas-bekas tentera berjumpa dengan *management* syarikat. Meminta supaya difikirkan, jawapannya senang sahaja, dia ni umur 40 lebih, kalau hendak terima gaji RM1000 tu susah sedikit itu kata dia, kena bagi gaji yang besar. Golongan kepakaran dia ini hanya wajar menerima gaji mungkin RM1000 sahaja.

Oleh kerana keadaan yang sedemikian diskriminasi dalam keadaan sedemikian dia tidak layak, tidak dapat diterima. Dalam keadaan orientasi ini perlu dilihat semula untuk menyesuaikan lepasan tentera ini mencari kerja di kalangan masyarakat peniaga di negara kita. Itu yang kedua, yang ketiga ialah untuk melatih mereka dalam persoalan perniagaan kerana latihan ini banyak tidak sesuai. Kementerian-kementerian banyak mempunyai kemudahan, kementerian-kementerian lain umpamanya Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Keusahawanan, banyak mempunyai kemudahan-kemudahan dan sokongan-sokongan boleh diperkenalkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Gombak, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Santubong. Kalau kita lihat bahawa banyak seperti mana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Santubong, seperti yang diperkatakan tadi, banyak daripada bekas-bekas tentera yang berpangkat bawah ini ataupun *other ranks*, yang hanya selepas daripada tugas mereka sebagai tentera, hanya bertugas, bekerja luar kebanyakan mereka jadi pengawal keselamatan.

Saya ingin tahu adakah pandang daripada Yang Berhormat Santubong. Adakah semasa latihan sebelum mereka itu kembali kepada orang awam, latihan-latihan yang diberikan itu tidak berkesan ataupun tidak dapat memberikan daya saing yang baik kepada mereka untuk masuk menjadi orang awam sama-sama untuk mengusahakan apa yang telah dipelajari semasa latihan-latihan itu dan untuk peluang ini Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat datang kepada Nazir-nazir daripada Parlimen Gombak yang hadir pada bersama kita hari ini.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasihlah Yang Berhormat Gombak. Sebenar saya hendak memperkenalkan orang-orang daripada Sarawak tadi datang terlupa, oleh kerana ini sebab *gazer* tu tadi ganggu saya. Terima kasih Yang Berhormat, persoalan Yang Berhormat memang amat tepat sekali. Persoalan yang jarang orang lihat. Orang kata bila sudah terima latihan sebagai askar pandailah dia pegang senjata. Kalaulah dia terima latihan sebagai Pegawai Polis, tahulah dia macam mana mengawal dan sebagainya. Tetapi orientasi dan pendekatan jauh perbezaannya Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai seorang askar satu peluru, satu tembak, satu mati terkena. Macam mana hendak dibawa *departmental store* dia hendak jaga orang. Mesti ada orientasi yang tertentu, ada latihan-latihan yang tertentu. Ini juga mesti dilihat juga pihak-pihak yang penganjur, menjadi penganjur kepada latihan-latihan sedemikian. Orientasi polis pun demikian juga. Orientasi polis berlainan, orientasi bekas tenteranya berlainan untuk menjadi Pegawai Keselamatan di pasar raya dan sebagainya. Semua berlainan, dia kena diberi satu latihan yang khusus.

Dahulu ada kerajaan mencadangkan supaya diadakan akademi, diadakan maktab untuk melatih semua Pegawai-pegawai Keselamatan yang berkhidmat di seluruh negara ini.

Tetapi yang sehingga sekarang ini perkara ini tidak menjadi. Persoalannya saya tidak tahu kerana ini bukan di bawah jabatan ataupun di bidang kuasa MINDEF. Ia di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri, persoalan ini tidak boleh saya bangkit.

Walau bagaimanapun pendekatan yang awal patut dibuat oleh pihak tentera itu sendiri untuk melihat daripada segi *market* dia. Macam mana hendak memberi latihan-latihan yang tertentu untuk satu-satu bidang yang tertentu, sama ada bidang pekerjaan ataupun bidang perniagaan yang tertentu. Bawa kementerian-kementerian lain bersama, beri tunjukkan mereka yang dana kerajaan beratus-juta itu disimpan di bank-bank dan sebagainya itu boleh disalurkan ke pihak-pihak, khususnya pihak tentera ini yang banyak menabur jasa kepada negara kita. Tetapi malangnya ini telah mungkin tidak dibuat. Itulah sebabnya mungkin ini di bawah naungan pihak yang hanya tahu mencari wang besar-besar dan banyak-banyak ni, yang untuk membuat bangunan pencakar langit ni, mengumpul duit yang tidak tahu berapa banyak lagi, kita bilang pun tidak dapat.

Dia lupa bahawa keperluan asas penubuhan sumbangan daripada semua orang bahkan Hari Pahlawan itu sendiri, asasnya untuk membantu yang akan terkilang selepas persaraan mereka. Ini pula Seksyen 161, kita lihat lagi terkena lagi kalau gaji RM1000 pencen potong 25% kalau melakukan kesalahan tinggal RM750 tidak cukup bayar api, tidak cukup bayar air hujung bulan. Macam mana tidak ada *business*, pekerja pun tidak ada. Kalau sudah umur 50 tahun, macam mana hendak jadi *security guard* lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena lihat perkara ini secara komprehensif, secara total, supaya semua program-program kita daripada sumbangan kerajaan yang *dihide* oleh pihak kerajaan, yang kita mendapat dana beratus-juta, yang kita mendapat sokong orientasi dan sumber kewangan kerajaan ini kita pakai. Ini juga satu pembaziran yang tidak patut dibuat dan tidak mencapai *target* yang tertentu. Kita mesti melihat dan menjana semula, cari pakar-pakar dalam badan itu sendiri dan pakar luar untuk berbincang dan memikirkan apa cara untuk membantu pihak yang perlu bantuan ini khususnya pihak tentera. Kerana dalam tentera ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading, bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya, hero Parlimen inilah Santubong ini. Kita sebenarnya rasa berbangga juga bahawa kerajaan juga kita khususnya Menteri dan Kementerian Pertahanan sentiasa mengambil perhatian yang berat kepada angkatan tenteralah dan pertama kali kita hendak ucap tahniahlah kepada Pemerintah Tentera Laut menjadi Panglima Angkatan Tentera, kita tahniahlah.

Cuma satu saya hendak bertanya Santubong, kita juga rasa tersinggung apabila Menteri Pertahanan kita, difitnah oleh Akhbar Kompas Indonesia, yang kononnya mengatakan bahawa Menteri Pertahanan kita memohon maaf atas perkara yang berlaku di perairan Sulawesi, pelanggaran, pergeselan kapal ini. Sedangkan Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan kita tidak pernah mengeluarkan kenyataan itu.

Apakah Pemerintahan Indonesia tidak mengambil perhatian berat tentang peranan akhbar yang ada dalam negara Indonesia yang boleh memalukan negara jiran dan membuat fitnah seperti ini. Apa sebenarnya hasrat di belakang cerita yang tidak benar dan apakah langkah-langkah yang boleh kita ambil agaknya untuk membersihkan arang yang diconteng di muka kita. Ini satu perkara yang berat, yang tidak boleh dipandang ringan kerana dia menyentuh, sekali gus dengan maruah negara.

Kita tidak pernah melakukan perkara-perkara yang menyinggung dan menjatuhkan maruah pemimpin-pemimpin negara yang lain. Lebih-lebih lagi negara-negara jiran kita. Tetapi nampaknya balasan negara jiran kepada kejujuran, keikhlasan, kebaikan kita, tidak pernah dibalas dengan sewajarnya. Malah dicuba hendak di api-apikan supaya rasa permusuhan itu berbangkit antara kedua negara, yang mana kita sebenarnya tidak mahu bergaduh dengan sesiapa pun lebih-lebih lagi dengan Indonesia. Bukan soal takut tetapi soal hendak menjaga silaturahim, rasa hormat-menghormati. Apakah tindakan akhbar Kompas yang saya rasa kurang ajarlah kepada pemimpin negara kita dan apa agaknya

yang harus kita lakukan? Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ini penting untuk negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Agaknya Santubong boleh menjawab atau pun mungkin agaknya Timbalan Menteri Pertahanan yang bijaksana yang ada di hadapan kita ini agar sudi mengulas perkara ini dan perkara ini menjadi serius dengan dikaitkan dengan maruah kepimpinan kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya yang bijaksana, hero Parlimen Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Ketawa] Terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Sri Gadinglah hero Parlimen. Saya tidak jadi hero lagi, saya jadi belakang sahajalah. [Ketawa] Saya di belakang tetapi hari ini saya duduk di hadapan. Tuan Yang di-Pertua, saya menerima rintihan daripada Yang Berhormat Sri Gading. Saya mengikuti laporan-laporan berhubung dengan pendedahan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi berhubung dengan apa yang dilaporkan dalam *Kompas* di Indonesia mengatakan bahawa Menteri Pertahanan meminta maaf oleh kerana penggeseran kapal Malaysia-Indonesia.

Laporan yang tidak tepat ini bukan sahaja tidak profesional tetapi juga ialah mendatangkan satu penilaian yang buruk menunjukkan bahawa kita telah melakukan satu kesalahan. Satu kesalahan yang melanggar, yang kedua kesalahan kerana berada di tempat yang tersebut. Soalan-soalan di sini apa yang patut kita buat. Tuan Yang di-Pertua, kita kena menerima hakikat bahawa negara kita tidak akan pergi berperang dengan mana-mana negara, kita tidak akan bergaduh dengan mana-mana negara, kita ini adalah negara yang bertamadun, negara yang hormat-menghormati. Ketamadunan ini telah menunjukkan bahawa bagaimana keadaan kita menangani masalah pemfitnahan yang berlaku di Indonesia.

Saya berharap kerajaan akan membuat satu perhitungan juga walaupun sedemikian kerana dalam keadaan tamadun dan demokrasi yang disebut-sebutkan di Indonesia itu. Kita mesti ada garis panduan-garis panduan yang tertentu. Demokrasi boleh di amal jangan berbohong, demokrasi bukan bermakna kita boleh menghasut orang, demokrasi bukan kata kita boleh menyebarkan apa fitnah sahaja yang kita suka. Saya cukup yakin tindakan yang diramalkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Menteri Pertahanan adalah amat tepat supaya Attorney General membuat penyelidikan daripada segi kesesuaiannya, perundangannya, kebolehan kita dalam keadaan undang-undang di Indonesia kerana tuntutan dibuat ke atas Kompas bukan boleh dibuat di Malaysia tetapi kena dibuat di Indonesia.

Dalam keadaan sedemikian, saya cukup yakin AG akan membuat perhitungan dan membuat penilaian dan akan memberi nasihat yang wajar bagaimana boleh kita bekerjasama dengan peguam-peguam di Indonesia untuk menasihatkan kerajaan kita mengatasi masalah pembowongan dan fitnah yang dilabur begitu banyak dan begitu bertubi-tubi oleh pihak-pihak yang tertentu di Indonesia. Kita juga telah mendengar bahawa tindakan mereka ini khususnya media ini ialah kerana mereka jealous, cemburu dengan kemajuan Malaysia. Cemburu dengan keadaan kita, cemburu dengan kekayaan kita, cemburu dengan kemewahan kita tetapi Tuan Yang di-Pertua, janganlah cemburu. Buatlah satu strategik alliance dengan kita, kita orang boleh, Malaysia berkemampuan. Ikutlah jejak langkah Malaysia, belajarlah dari Malaysia, jangan malu, malu belajar atau bertanya sesat jalan Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak mahu, malu bertanya, malu belajar sebab kita fikir kita sendiri bijak. Jadi kena belajar kalau Malaysia dipandang elok, Malaysia dipandang unggul, belajarlah dari Malaysia. Jangan cemburukan kita, orang Malaysia tidak lokek? Lokek kan? Tidak bakhil, Haji Bakhil kan bukan? Itu Haji Bakhil sahaja tetapi Malaysia tidak itulah dasarnya kita perkayakan jiran.

Dasar yang dipelopori dan sudah berpuluh tahun, dasar yang kita perkenalkan bahkan tidak menyenangkan hati orang lain negara luar, tidak senang hati tetapi pada jiran kita sepatutnya mereka berterima kasih bahawa pendekatan kita untuk memperkayakan mereka dalam semua segi tetapi mesti ada garis panduan-garis panduan yang tertentu mengikut undang-undang dan martabat negara itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong tindakan supaya tindakan undang-undang patut diambil kepada pihak ini untuk memperbetulkan keadaan supaya mereka mengetahui bahawa memfitnah dan bercakap bohong itu tidak boleh diterima bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di Indonesia. Segelintir yang kecil ini untuk mengapi-apikan keadaan untuk memperlagakan Malaysia dengan Indonesia adalah tindakan yang tidak bertanggungjawab, mesti diperbetulkan.

Saya cukup yakin Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengambil tindakan dan keputusan yang amat wajar dan pendekatan kita adalah mengikut garis panduan undang-undang yang sebetulnya dan tidak kita boleh membiar mereka ini menjalankan fitnah mereka sewenang-wenangnya walaupun negara kita adalah negara kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya biarlah memberi peluang kepada kawan-kawan yang lain berhubung dengan undang-undang tentera ini jadi saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian menyelidik semula, melihat semula soalan pemotongan pencen dan sebagainya bagaimana boleh kita tidak mengenakan mereka ini bahkan saya boleh mencadangkan kenapa tidak askar ataupun jabatan-jabatan kerajaan tidak lagi menggunakan kerajaan sebagai insurans kepada apa-apa harta benda kerajaan, sekarang apabila berlaku kemalangan kerosakan dan sebagainya insurans kerajaan itulah akan membayar ganti-rugi kerosakan dan sebagainya.

Kenapa tidak kita gunakan insurans luaran, kalau benda lain kita boleh privatise kenapa tidak pasal penginsuransan ini kita tidak boleh privatise, umpamanya pemandu trak terlibat dalam satu kemalangan oleh sebab sebab-sebab yang tertentu mereka didapati bersalah kerana kecuaiian. Di bawah undang-undang ini mungkin boleh juga dipotong oleh sebab kerosakan kepada kereta-kereta tentera yang menjalankannya dan yang berlaku kepada jabatan-jabatan lain, kenapa tentera sahaja dikena kenapa tidak jabatan lain? Kenapa jabatan lain pun mempunyai pegawai-pegawai yang terlibat dengan memegang atau menjaga harta-harta kerajaan, kenapa mereka tidak dikenakan, kenapa tentera sahaja.

Sudahlah mereka ini sebagai benteng yang pertama yang mempertahankan negara, kalau tidak ada benda lain dada merekalah yang menjadi sambutan kepada peluru-peluru yang datang. Kenapa mereka ini kita gunakan sebagai scapegoat kepada kelemahan-kelemahan yang lain. Mungkin kita privatisekan kepada soalan jaminan kepada harta benda kita menerusi insurans dan dengan insurans itu nanti bebanan itu terus kepada pihak kerajaan. Walaupun saya mengetahui bahawa ada perkakas-perkakas yang tidak boleh diinsuranskan dengan pihak insurans oleh kerana sebab sebab-sebab yang tertentu ataupun dasar insurans itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena melihat keseluruhannya macam mana supaya *ketidakberkesanan* undang-undang ini begitu negatif kepada askar-askar dan tentera-tentera kita. Janganlah mereka pergi menjaga negara ini dan terfikir apa yang salah laku mereka akan juga terkena kepada gaji dan pencen mereka. Ini amat menyedihkan kerana semangat juang mereka akan turun dan semangat keprihatinan itu akan menyerlah walaupun baik tetapi sedikit sebanyak akan mengurangkan prestasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup mengetahui tidak ada seorang pun yang digelar *hero*, tidak ada seorang yang mendapat pingat gagah berani ataupun Victoria cross itu, tidak ada ataupun kebodohan dalam tindakannya, semua tindakan tersebut sedikit sebanyak ada kekurangan dan kelemahan kalau dipandang daripada segi ataupun prosedur peperangan dan sebagainya. Dalam keadaan sedemikian kalau berlaku kecuaiian dan kesalahan, kerosakan berlaku boleh mereka ini juga dikenakan oleh undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, saya ingat saya boleh bagi seorang sahaja bercakaplah. Lepas itu Menteri menjawab.

11.41 pg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972, Akta 77. Saya ingin merujuk kepada fasal 3 yang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 201 B dan 201 C ke dalam Akta 77 iaitu yang menghendaki majikan membenarkan pekerja mereka yang merupakan anggota angkatan sukarela menjalani latihan ataupun tugas tanpa menjejaskan pekerjaan mereka. Saya melihat cadangan pindaan tersebut adalah untuk memantapkan dan memperkemaskan usaha kerahan tenaga yang dijalankan oleh kerajaan khususnya dalam kerahan anggota Angkatan Sukarela Pasukan Wataniah atau Pasukan Simpanan Tentera Darat (STD).

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peluang untuk menjalankan tugas dari masa ke semasa dan latihan yang berjadual, anggota Pasukan Wataniah atau Sukarela bukan sahaja dikehendaki sentiasa berdisiplin, menjaga tata tertib kesinambungan latihan itu dapat meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pertahanan negara. Dalam pada itu, dari segi penyediaan pergerakan kesetiaan.....

Tuan Mohamed Shahrudin bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Lipis bangun.

Tuan Loh Seng Kok: Belum lagi, baru *start* ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Baik, teruskan.

Tuan Loh Seng Kok: Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Dari segi penyediaan gerakan, persediaan psikologi, mental dan fizikal. Anggota seharusnya menunjukkan perwatakan mereka dalam kenegaraan itu adalah bersemangat waja, berkeyakinan taat setia dan berpegang teguh kepada prinsip dengan izin *not only willing to serve, but also ever ready to serve*. Seseorang anggota Wataniah atau Angkatan Sukarela yang mempunyai nilai dan prinsip tersebut serta dapat mengamalkannya akan menjadi seorang pekerja ikhlas, baik dan jujur kepada majikan dan syarikatnya. Sehubungan itu, di samping menjalankan urusan niaga dan mencari keuntungan, pihak majikan juga dapat melaksanakan tanggungjawab dan obligasinya sekiranya mereka membenarkan pekerja mereka menjalankan latihan Wataniah yang berjadual itu. Untuk melaksanakan tanggungjawab dan obligasi sosialnya terhadap masyarakat dan bangsa dan secara langsung atau tidak majikan tersebut juga mengambil bahagian dalam aspek khidmat negara. Tuan Yang di-Pertua, bersesuaian tujuan Pindaan Akta 77, penubuhan.....

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kuala Terengganu

Tuan Loh Seng Kok: Silakan.

Tuan Mohamed Shahrudin bin Osman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Lipis. Yang mana satu Yang Berhormat?

Tuan Loh Seng Kok: Yang Berhormat bagi Lipis dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamed Shahrudin bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Ini berkait dengan perkhidmatan askar wataniah. Askar Wataniah ini sebenarnya adalah angkatan sukarela yang pada asalnya ada dua jenis, satu Askar Wataniah dan yang keduanya Pasukan Pertahanan Tempatan. Jadi Pasukan Pertahanan Tempatan ini sebenarnya telah berubah pada tahun 1980 an kepada Siri 500 dan pasukan pertahanan ini dibubarkan dan mereka tidak lagi menjalankan latihan. Kalau dahulu di kampung-kampung tetapi, di kem yang disediakan.

Kebanyakan daripada mereka dikerah membuat kerahan sepenuh masa dan pada satu masa dahulu ada 12 Battalion Infantry ke 12 dan Battalion Infantry ke 13 askar wataniah. Yang saya ingat satu di Seberang Takir satu lagi di *Penang*. Kedua-dua pasukan ini pada tahun juga 80an juga seingat saya, telah diserap - yang di Seberang Takir telah menjadi Rejimen Askar Melayu Diraja dan yang di *Penang* menjadi *Regiment Ranger* Diraja.

Di sini apa yang saya hendak tekankan ialah kebajikan anggota-anggota yang dikerah ini. Apabila kedua-dua *battalion* ini diserap tidak semua sebenarnya walaupun *battalion* telah berubah, tetapi tidak semua anggotanya diserap. Tiba-tiba dikenakan pula sekatan umur dan sebagainya, makna mereka yang berumur di bawah 37 tahun sahaja yang diambil di atas tidak seingat sayalah. Bagi mereka yang tidak dapat diserap itu mereka dihantar ke pasukan-pasukan lain dan mereka ini kekallah menjadi anggota yang dikerah. Jadi di sini setelah mereka rasa saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat minta penjelasan, bukan Yang Berhormat bagi ucapan.

Tuan Mohamed Shahrum bin Osman: Ok. Hendak beri penjelasan dahulu, baru hendak bertanya. Mereka ini dari segi kebajikan kalau kita lihat tidak dijaga. Begitu juga dengan askar-askar kerahan yang berada di Battalion 305 rasa saya siri 300 jadi mereka ini memang dikerah dan diletakkan di bawah aktiviti dan kadang-kadang peluang bercuti pun kurang, berjauhan daripada keluarga.

Bagi sayalah, di sini saya hendak mencadangkan supaya *treatment* dengan izin kepada anggota-anggota yang dikerah ini, apabila mereka dikerah sepenuh masa, bagilah peluang yang sama. Sekurang-kurangnya kalau Battalion 300 sekarang ini yang menjaga kawasan sempadan mereka ini, keluarga mereka ini boleh berdekatan, tidak berjauhan daripada mereka. Ini dari segi kebajikan keluarga juga harus dijaga walaupun mereka sebenarnya perlu duduk di kem sebagai aktiviti. Yang Berhormat bersetuju tidak dengan saya, kalau kiranya kepentingan Askar Wataniah ini bukan sahaja setakat kita hendak minta majikan melepaskannya, tetapi kebajikan mereka juga dilihat sepenuhnya.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis atas cadangan dan pandangan tersebut. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Lipis kerana dari segi kebajikan dan juga tanggungjawab yang dipikul oleh anggota-anggota tersebut, haruslah adanya keadilan dan adanya sama rata dari segi kebajikannya. Dari segi kerahannya saya, berpendapat, untuk menjaga kebajikan dari semua aspek, seharusnya anggota-anggota tersebut dipertanggungjawabkan mengambil giliran dalam menjalankan tugas, sama da di dalam kem ataupun di hantar ke mana-mana pun adanya giliran kerana negara kita bukan dalam keadaan berperang, tidak payah perang. Anggota kita tidak payah pergi ke tempat lain untuk perang. Maka perlunya ada giliran supaya anggota-anggota dapat digilirkan menjalankan gilirannya supaya masalah kebajikan, masalah hubungan di antara ahli-ahli keluarga dapat dijaga. Saya bersetuju. Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.....

Dato' Razali bin Ismail: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bangun.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertarik dan terpanggil tadi apabila Yang Berhormat tadi bercakap mengenai latihan dan juga kursus-kursus yang harus diberikan kepada tentera kita dan memang pun di sini objektif angkatan tentera kita sekarang adalah menjuruskan kepada *K-Force* ataupun *knowledge-force*. Dalam erti kata bahawa pegawai-pegawai tentera angkatan tentera terutamanya dalam *volunteer* yang dalam sukarelawan ataupun siri 500 ini harus diberi peluang dengan sepenuhnya. Saya amat bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu. Malah ini adalah perkara yang penting supaya seluruh angkatan tentera itu terutamanya yang dalam Askar Wataniah dan semua macam lagi itu, mereka benar- benar dapat melakukan kursus-kursus dalam perkhidmatan supaya mereka memiliki apa yang disebut "*extended professionalism*" mereka itu dengan izin senantiasa berkembang tidak pula

dalam keadaan "*limited professionalism*" ertinya terhad kerana ada satu falsafah, "*in order to avoid war, we had got to prepare for war*".

Ertinya kita harus senantiasa siap siaga. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini, terutamanya dalam konteks sesetengah kedegilan ataupun ada pihak-pihak tertentu, majikan ini, yang tidak pula membuka ruang kepada staf dan pekerja mereka untuk terlibat dipanggil untuk kursus-kursus agar *extended professionalism* mereka itu dapat bertambah?

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa apabila majikan membenarkan pekerja-pekerjanya menjalani latihan dan juga tugasan di dalam pasukan angkatan sukarela, mereka menunjukkan ketaatsetiaan, prinsipnya *willing to serve* dan berkeyakinan inilah dan latihan yang dijalankan bukannya sepanjang minggu pada tiap-tiap hari. Latihan-latihan yang saya sebutkan ini adalah latihan berjadual iaitu *scheduled training*, maka ini tidak akan menjejaskan prestasi syarikat atau urus niaganya. Dengan itu majikan seharusnya membenarkan pekerja-pekerja mereka untuk menjalani latihan setiap hujung minggu dan ini dapat meyakinkan lagi pekerja-pekerjanya dari segi menghadapi cabaran-cabaran biarpun cabaran di dalam bidang urus niaga dan sebagainya.

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Mambong.

Tuan Loh Seng Kok: Saya setuju bahawa majikan yang degil itu harus diambil tindakan. Ya, Yang Berhormat bagi Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Saya sebenarnya menyertai askar wataniah dalam tempoh tujuh tahun berpangkat Mejar hinggalah tahun 2003. Apabila tugas wakil rakyat sudah banyak saya terpaksa berhenti. *Training* di dalam askar wataniah ini hanya satu bulan satu kali sahaja iaitu pada hari Sabtu dan hari minggu. Di dalam *training* ini hanya *training* yang berkaitan dengan ketenteraan termasuk kawad dan bagaimanakah hendak menyelenggarakan senjata-senjata sahaja yang ada.

Oleh yang demikian, saya juga pohon daripada kementerian agar melihat supaya jadual dan *syllabus* latihan askar wataniah ini diperbaiki termasuk dengan taktik peperangan yang terkini. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa lebih ramai lagi orang awam untuk menyertai askar wataniah kerana hanya dua hari sahaja sebulan mereka berlatih? Ini tidak akan menjejaskan tugas-tugas mereka di tempat-tempat yang lain, Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat bagi Mambong. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan saya juga mempunyai pengalaman yang sama kerana saya juga merupakan pegawai Palapes yang telah menjalani latihan selama empat tahun semasa saya membuat pengajian saya di universiti dan sememangnya kerajaan harus membuka pintu lebih luas kepada orang awam untuk menyertai latihan askar wataniah ini. Latihan-latihan ini seharusnya dijadualkan, disusun dan diaturkan bersesuaian dengan penduduk-penduduk tempatan di mana kem-kem yang berdekatan, bukan di tempat yang jauh supaya orang-orang tempatan dapat juga mengikuti latihan bukan hanya satu bulan atau satu dua hari, tetapi tiap-tiap hujung minggu di mana hari Ahad dan Sabtu kalau tidak ada kerja boleh mengikuti latihan tersebut.

Bagi mereka yang telah pun menjalani latihan, seharusnya pihak kementerian dapat menyediakan peluang sentiasa *keep in touch*, dengan izin, dengan askar wataniah atau pegawai-pegawai yang berkenaan supaya mereka lebih *well informed* dengan segala perkembangan di dalam angkatan tentera dan juga di dalam segala aspek yang berkaitan dengan pertahanan negara. Ini saya akan sentuh sedikit sekali lagi dalam akhir ucapan saya kerana saya mempunyai pengalaman yang sedemikian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, bersesuaian dengan tujuan pindaan Akta 77 ini, penubuhan dan latihan angkatan sukarela hendaklah dilihat dan dilaksanakan dalam perspektif yang lebih luas dan bernas. Saya ingin mengulangi cadangan saya yang pernah saya kemukakan di Dewan ini pada tahun lepas iaitu pada 20 September iaitu kerajaan

seharusnya mengembangkan latihan askar wataniah dan Program Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) tempatan yang sekian lama hanya dijalankan di IPTS sahaja.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa yang pertama, bagi golongan belia yang memperoleh kecemerlangan akademik yang memilih IPTS untuk melanjutkan pengajian, mereka mempunyai peluang menceburkan diri dalam program latihan yang lebih spesifik, lebih khusus dan lebih mencabar untuk berkhidmat kepada negara dengan adanya program pengembangan program Palapes dan wataniah ke IPTS.

Yang kedua, golongan graduan IPTS - ini ada berkaitan dengan soalan Yang Berhormat bagi Mambong, golongan graduan yang telah menjadi orang awam yang telah tamat pengajian dari IPTS yang sekarang bekerja di dalam sektor swasta merupakan bilangan yang teramat signifikan. Malangnya, dengan izin, *the human resources that could be easily found in IPTS and private sector are not being tapped for volunteer forces, not being tapped for national service.*

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita inginkan kerahan tenaga di kalangan rakyat, dengan itu kita mengadakan Program Latihan Khidmat Negara dan sebagainya tetapi platform dan ruang untuk kerahan tenaga jangka panjang yang secukupnya tidak disediakan seperti di IPTS. Maka adalah relevan, rasional dan tiba masanya untuk kerajaan mengembangkan program PALAPES dan pasukan wataniah ini ke IPTS tempatan.

Ketiga, kini hanya di IPTA sahaja yang mempunyai PALAPES dan semenjak tahun 1980 hingga ke bulan Ogos 2004, hanya seramai 11,793 orang kadet PALAPES telah ditauliahkan dan dimasukkan dalam Senarai Simpanan Pegawai Sukarela (SSPS) dan jumlah perbelanjaan operasi PALAPES di 11 buah IPTA ialah hanya RM38.5 juta setahun dan kalau kita bandingkan perbelanjaan untuk PALAPES dengan jumlah peruntukan yang diterima oleh Kementerian Pertahanan, memang angka ini amatlah kecil.

Di antara tahun 2001 hingga ke tahun 2005, Kementerian Pertahanan mendapat peruntukan mengurus dan pembangunan secara purata sebanyak RM9.26 bilion setahun. Ini termasuk peruntukan untuk membeli kelengkapan angkatan tentera dan peralatan senjata api yang canggih dan terkini. Adalah munasabah untuk kita membeli kelengkapan ketenteraan setakat untuk bertujuan mempertahankan negara tetapi bukannya persaingan senjata api di kalangan negara jiran kita.

Kita boleh ada *hardware*, dengan izin, tetapi kalau tidak ada *software* atau tidak ada *human resources* yang *competent* tidak ada gunanya banyak belanja beli kelengkapan, maka saya sekali lagi mengesyorkan agar Kementerian Pertahanan mengambil cadangan ini secara seriusnya untuk mengembangkan program PALAPES dan program askar wataniah ke IPTS tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melihat kejayaan dan keberkesanan penubuhan angkatan sukarela, saya ingin mengetahui dari jumlah anggota seramai 11,793 orang yang dimasukkan dalam Senarai Simpanan Pegawai Sukarela (SSPS), berapakah di antara mereka itu sentiasa di "*update*" atau sentiasa di "*keep in touch*" oleh pihak kementerian ataupun *always keep informed*, dengan izin, oleh pihak kementerian atau jabatan supaya mereka sentiasa mengetahui perkembangan dan teknologi yang baru, senjata yang baru yang hendak digunakan ataupun taktik-taktik peperangan, *warfare strategy* yang akan digunakan di negara kita supaya kita sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang cabaran dan ancaman.

Apakah pegawai simpanan dalam SSPS sentiasa diberi maklumat tentang perkembangan semasa dalam angkatan tentera dan beberapa orang yang masih aktif dan mengikuti program latihan dalam PSTD? Berapa ramaikah anggota sukarela yang dijemput melibatkan diri dalam Program Latihan Khidmat Negara supaya berkongsi pengalaman mereka dengan pelatih-pelatih di dalam PLKN?

Tahun lepas, semasa saya membentangkan cadangan saya ini, saya diberi jawapan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan tentang pengembangan Program Palapes ke IPTS ini dan diberi alasan bahawa tempatnya tidak sesuai kerana kebanyakan IPTS adalah menyewa kawasan dan juga menghadapi kekurangan anggota jurulatih.

Saya harap pada hari ini pihak kementerian ada hubung kait yang menyediakan jawapan kepada Menteri. Jangan memberi alasan yang sama kerana

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: *[Bangun]*

Tuan Loh Seng Kok: Ya, okey Yang Berhormat bagi Gerik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Gerik.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Ya, minta laluan. Ke belakang sedikit sahaja mengenai kedudukan tentera wataniah di mana mereka adalah tentera simpanan tetapi di perbatasan di Kelantan, Hulu Perak dan di Kedah, mereka bertugas sepenuh masa dan sebilangan besar antara mereka adalah pengundi saya di Gerik. Sudah ada rayuan untuk saya membawa ke Dewan yang mulia ini, kepada Kementerian Pertahanan bahawa disebabkan mereka ini bertugas sepenuh masa mengawal sempadan –enam bulan mereka diperlukan untuk masuk ke hutan bertugas dan kemudian enam bulan baru di kem. Mereka menganggap mereka diletakkan sebagai tentera kelas kedua.

Cadangan dari mereka, terutama dari pegawai-pegawainya, masalahnya mereka tidak ada persaraan, tidak diberi pencen selepas perkhidmatan. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kenapa tidak kita pertimbangkan satu skim baru kepada mereka bagi mereka yang berkhidmat untuk selama 21 tahun secara terus menerus, kita berikan mereka ganjaran bersara, pencen, sama ada untuk kesemuanya atau sekurang-kurangnya kepada pegawai-pegawai mereka. Apa pandangan Yang Berhormat tentang cadangan ini?

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Gerik. Yang Berhormat bagi Gerik merupakan pensyarah saya semasa di universiti. Saya mesti menerima tunjuk ajar daripada pensyarah saya. Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Gerik, saya memang setuju kerana bagi mereka yang berkhidmat di sempadan dan mereka adalah pasukan simpanan tetapi ditugaskan sebagai pekerja tetap. Maka, ini tidak adil kepada mereka dan gaji ataupun elaun yang diterima oleh mereka itu begitu kurang sekali. Mungkin kalau mereka selepas bersara dan berpindah balik ke kampung mereka ataupun berpindah ke bandar, elaun itu tidak cukup untuk menyara hidup sekeluarga, Tuan Yang di-Pertua.

Saya setuju agar satu skim yang baru dapat dikaji oleh pihak kementerian supaya mereka yang telah pun berkhidmat dengan angkatan tentera secara sukarela ini, sebagai pasukan simpanan diberi perhatian yang serius. Kalau tidak diberi satu skim yang baru, bagi mereka yang telah pun berkhidmat begitu lama, diserap masuk ke dalam *regular* unit. Itulah pandangan saya dan saya setuju serta berkongsi prihatin terhadap pengundi-pengundi Yang Berhormat bagi Gerik ini.

Berbalik kepada apa yang saya sebutkan dengan alasan yang diberi oleh pihak kementerian tentang tempat yang tidak sesuai, yang disewakan dan sebagainya, saya rasa ini perkara yang remeh sahaja kerana dahulu apabila saya menjalankan latihan PALAPES, saya masih ingat lagi, apabila berkawad, kita berkawad di padang tempat letak kereta dan latihan yang dijalankan hanya pada hujung minggu, hari Ahad sahaja. Maka, di IPTS pun sama juga. Kebanyakan IPTS pun ada ruang yang besar untuk tempat letak kereta dan untuk menjalankan latihan di dalam kelas seperti kursus ketenteraan. Saya masih ingat kita masuk ke dewan kuliah atau masuk ke bilik tutorial untuk menjalani kursus latihan di dalam kelas. Apabila perlunya praktikal, kita masuk hutan dan pada hujung cuti semester, tiap-tiap tahun saya dihantar ke PULADA, Kota Tinggi- Pusat Latihan Tentera Darat untuk menjalankan latihan ketenteraan sebulan dua di sana.

Saya rasa tempat itu tidak ada masalah dan bukan semua IPTS yang menyewa tempat untuk menjalankan kursus pengajian kerana walaupun mereka menyewa pun, mereka tidak sewa dua, bulan, tiga bulan, mereka sewa tempat itu, satu hingga tiga tahun dan lebih daripada itu. Maka, ada masa yang cukup untuk membenarkan mereka menjalankan program-program lain termasuklah PALAPES ataupun askar wataniah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam Yang Berhormat, Sabak Bernam.

Tuan Loh Seng Kok: Okey, silakan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya bersetuju supaya latihan ketenteraan seperti wataniah ini dibawa ke IPTS tetapi saya lebih bersetuju, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Kita sangat ramai lepasan SPM, mereka menjadi belia dan ini golongan yang kalau dibiarkan tidak ada program dan aktiviti yang maknanya didekatkan dengan unsur disiplin, maka mereka boleh terjebak dalam gejala yang negatif.

Oleh kerana itu, apakah pandangan Yang Berhormat supaya diwujudkan satu bentuk briged wataniah belia, mungkin ringkasnya 'Briwat' dan pihak kementerian ini bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan supaya belia-belia ini, sementara mereka menunggu pekerjaan, ramai apabila perkataan menunggu pekerjaan pun, sangat lama tempohnya, sampai dua, tiga hingga empat tahun dan kita lihat mereka ini kalau tidak didedahkan dengan unsur disiplin, seperti unsur ketenteraan ini, kalau dapat kita dedahkan, ini akan memberikan satu gambaran yang cukup baik.

Saya hendak gambarkan begini umpamanya, dari segi tentera ataupun askar wataniah yang sekarang ini sedia ada. Jadi kalau mereka saban minggu, umpamanya dua minggu sekali di luar bandar atau di kawasan tertentu, mereka berkawad dengan uniform, dengan penuh disiplin, ini akan memberikan satu gambaran yang cukup positif di kalangan belia yang sekarang ini selalu disebutkan di sana sini sebagai lesu dalam aktiviti ini. Apa pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya? Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Tuan Yang di-Pertua, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam memang juga bernas dan betul. Untuk belia-belia, kalau tidak dapat dimasukkan atau tidak dapat dipilih menyertai Program Latihan Khidmat Negara kerana jumlahnya adalah begitu ramai. Jumlah belia sebaya adalah 480 ribu dan hanya 85 ribu sahaja yang dipilih untuk PLKN, maka pakej-pakej latihan yang lain sepatutnya diwujudkan dan bukan hanya terhad kepada Kementerian Pertahanan.

Mungkin Pakej Briged Wataniah Belia ini adalah satu program yang boleh diperkenalkan dan saya rasa bagi kementerian-kementerian lain juga perlu dipertanggungjawabkan untuk melihat masalah yang dihadapi oleh belia-belia tersebut, misalnya Kementerian Keselamatan Dalam Negeri boleh membuat satu pakej Program Latihan Khidmat Negara yang mirip kepada kepolisan. Mereka yang menunggu keputusan peperiksaan juga diserap masuk untuk menjalankan latihan supaya mereka diexpose kepada profesion kepolisan itu.

Bagi wanita, Kementerian Kesihatan menyediakan satu pakej yang baru dalam Program Latihan Khidmat Negara, iaitu mereka diserapkan masuk atau dipilih masuk untuk menjalankan latihan kejururawatan yang juga merupakan satu disiplin dan seperti mana pernah saya cadangkan. Untuk kepolisan dan kejururawatan, kita dapat juga merangsang minat mereka dalam kepolisan dan kejururawatan dan lama-lama kita juga mungkin dapat menangani masalah kekurangan polis dan kekurangan jururawat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tentang alasan yang pernah diberikan oleh pihak kementerian mengenai kekurangan atau tidak ada tenaga tambahan dalam Kementerian Pertahanan untuk mengendalikan latihan PALAPES, wataniah dan sebagainya. Saya rasa ini pun tidak dapat diterima dengan sepenuhnya kerana kalau kita lihat, polis sentiasa, *on the ground*, dengan izin.

Bilangan anggota polis adalah begitu kurang berbanding dengan anggota di dalam angkatan tentera. Seperti mana yang telah kita katakan angkatan tentera kita sekarang ini tidak perlu menghadapi peperangan. Kalau mereka tidak menjalankan latihan, tidak ada *revision* di dalam angkatan tentera, otak dan badan mereka akan karat juga dan kita tidak boleh mengharap pegawai-pegawai di dalam angkatan tentera hanya sentiasa duduk di dalam bilik *air-cond*. Di dalam bilik *air-cond* membuat perancangan peperangan, bagaimana hendak berperang. Dalam pepatah Cina ada mengatakan dengan izin, [*Bercakap dalam bahasa Cina*], hendak memenangi peperangan dalam hanya di atas kertas sahaja tidak jadi, anggota-anggota seharusnya *go to the ground* dengan izin, oleh itu

kalau tidak ada peperangan maka anggota-anggota dalam Kementerian Pertahanan, di dalam angkatan tentera seharusnya diberi peluang untuk menjalankan latihan.

Kalau tidak menjalani latihan maka apabila mereka dipilih atau diberi jawatan, diberi tugas untuk menjadi jurulatih, tenaga pengajar dan sebagainya, mereka seolah-olah adalah menjalankan *revision* di dalam latihan yang pernah mereka lalui. Maka ini akan dapat membantu mereka sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi ke Yang Berhormat?

Tuan Loh Seng Kok: Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, yang saya nak berikan, dengan itu saya berharap pada hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat membawakan perkara ini balik kepada kementerian agar cadangan-cadangan kita itu dapat diterima baik dan dilaksanakan dengan segera. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya bagi Tanjong, selepas itu Timbalan Menteri menjawab.

12.02 tgh.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan ini untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-Undang untuk meminda Akta dengan tujuan berhubung dengan pampasan kerana kehilangan yang disebabkan oleh perbuatan yang salah atau kecuaiannya seseorang pegawai atau askar angkatan tetap.

Saya amat mengalu-alukan pindaan ini sejajar dengan semangat pentadbiran baru untuk memupuk ketulusan dan integriti serta tanggungjawab di dalam pentadbiran dan Angkatan Tentera juga tidak ketinggalan dalam segi ini untuk memupuk ketelusan integriti dan tanggungjawab. Seajar dengan semangat untuk memupuk ketelusan dan integriti serta tanggungjawab, Saya ingin membangkitkan masalah yang berhubung dengan pembinaan 27 buah kapal peronda luar pesisir atau dengan izin *offshore patrol vessel* (OPV) yang berharga RM24.3 bilion yang merupakan satu masalah pada masa ini, kalau tidak ditangani ia akan menjadi satu skandal kewangan yang terbesar dalam sejarah Malaysia. Begitu juga ia juga akan menjejaskan keberkesanan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dalam menangani ancaman serangan lanun di Selat Melaka, Sabah dan Sarawak serta menghadapi suasana ketegangan di antara Malaysia dan Indonesia baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua pada 11 Disember 1995, Kerajaan Persekutuan telah menandatangani perjanjian penswastaaan dengan Ning Shipyard, Never Ordyard Sdn Bhd untuk membina 27 buah OPV. Syarikat ini juga diberikan kontrak untuk membina infrastruktur Dermaga Lumut di Perak serta kerja-kerja penyelenggaraan dan memberi khidmat kepada semua kelengkapan dan kapal-kapal TLDM dalam tempoh masa selama 15 tahun kontrak itu. Surat tawaran diberikan pada 5 September 1998 untuk memperakukan mereka untuk membina dan menghantar 6 buah OPV pertama dari 27 buah kesemuanya dan dijadualkan siap pada tahun 2004.

Masalah yang kita dengar dan disiarkan dalam akhbar dan di kalangan sektor pertahanan dan sektor korporat ialah OPV ini sepatutnya siap pada tahun 2004 dihantar lewat. Ia juga mendapat perhatian bila Panglima TLDM Laksamana Dato' Seri Mohd Anuar Mohd Noor menyatakan pada akhir bulan Februari tahun ini bahawa penyerahan OPV *batch* pertama ini telah ditunda kerana gagal ujian akibat kesilapan teknikal dalam sistem elektronik serta latihan untuk pegawai dan kakitangan yang mengendalikan OPV ini sudah ketinggalan zaman. Ini satu pendedahan yang amat serius dan membabitkan wang yang begitu banyak. Kritikan secara terbuka Laksamana TLDM ini, seperti saya katakan tadi adalah serius kerana bererti Kementerian Pertahanan telah membelanjakan berbilion-bilion ringgit untuk sesuatu kapal yang tidak berkesan dan tidak dapat berfungsi dengan sepenuhnya.

Setakat ini kerajaan telah melabur sebanyak RM2.5 bilion tanpa mendapat sebarang pulangan yang setimpal. OPV adalah kapal peronda generasi baru dan sepatutnya beroperasi sepenuhnya untuk mempertahankan perairan Malaysia yang sering diancam oleh serangan lanun. Kegagalan OPV menjalankan tugasnya bukan saja membazirkan berbilion-bilion ringgit yang dibelanjakan tetapi juga mendedahkan negara kita ke atas risiko menghadapi ancaman musuh-musuh baik daripada negara jiran mahupun daripada lanun. Ini mungkin sebabnya Amerika Syarikat cuba mengambil alih peranan TLDM untuk mengawal Selat Melaka dengan alasannya lebih mempunyai kemampuan untuk menyekat serangan ini.

Ataupun Tentera Laut Indonesia begitu gagah menunjukkan belang di Laut Sulawesi kerana ketiadaan OPV yang canggih dan yang dapat mempertahankan kedaulatan negara kita. Penyerahan yang lewat kapal TLDM merupakan satu tradisi bila dua buah 'free jet' peluru berpandu KD Lekir dan KD Jebat hanya dihantar pada tahun 1999 iaitu tiga tahun lewat dari jadual. OPV adalah kapal yang canggih dan dilengkapi dengan peluru berpandu. Kalau spesifikasi yang dijanjikan dapat disempurnakan maka OPV kita patut boleh menangani sebarang cabaran daripada tentera laut asing. Malangnya kritikan terbuka oleh Laksamana TLDM terhadap OPV menunjukkan perlunya satu penyelesaian yang dapat menguntungkan TLDM dan negara kita.

Sekiranya syarikat membina OPV berkenaan gagal menjalankan tugas dan tanggungjawab maka kepentingan negara memerlukan tindakan diambil terhadapnya dengan segera. Oleh itu, kami ingin mencadangkan satu suruhanjaya siasatan ditubuhkan ke atas masalah pembinaan OPV ini yang membabitkan perbelanjaan RM24.3 bilion dan juga haruslah disegerakan kerana isu ini adalah isu kepentingan awam yang melibatkan kewangan negara dan kedaulatan negara.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan perkara berhubung dengan mengapa kawalan kem tentera begitu longgar sehingga senang dicerobohi oleh penduduk-penduduk tempatan.

Baru-baru ini iaitu pada hari Sabtu yang lalu di Kem Asahan Melaka seorang lelaki mati dan dua orang lagi cedera parah apabila mereka ceroboh masuk ke kem itu menerusi satu jalan tikus untuk mengutip besi buruk di lapang sasar akibat letupan sebiji peluru mortar jenis M406 yang ditemui oleh mereka. Apa yang menghairankan Tuan Yang di-Pertua ialah kem ini adalah kawasan larangan. Macam mana lima orang lelaki ini boleh mencerobohi masuk ke Kem Asahan ini dengan begitu senangnya. Sebagai kawasan lapang sasar seluas 15,000 hektar ini yang merupakan kawasan latihan bagi kem tentera di Gemas dan juga di Asahan Melaka ia adalah satu kawasan larangan dan pihak polis sudah mengatakan bahawa kelima-lima lelaki ini dipercayai mencerobohi masuk ke kem ini melalui jalan tikus kerana ia tidak berpagar.

Pertanyaan yang timbul ialah adakah pihak tentera tahu tentang jalan tikus ini. Kalau ya, mengapa tidak bertindak untuk menutupnya dari diceroboh oleh orang awam kerana ia dalam kawasan larangan. Kementerian Pertahanan harus menjelaskan mengapa kawalan kem tentera begitu longgar sehingga senang dicerobohi oleh penduduk tempatan. Ini menunjukkan bahawa kawalan keselamatan oleh tentera di kawasan kem sendiri begitu kurang rapi sehingga orang awam boleh masuk keluar dengan senangnya.

Saya difahamkan bahawa perkara ini juga berlaku di Kem Terendak di Sungai Udang Melaka sehingga orang tempatan boleh keluar masuk dengan senang menerusi jalan-jalan tikus. Standard kawalan keselamatan sedemikian yang longgar ini tidak dapat diterima, Tuan Yang di-Pertua dan perlulah satu penilaian dan kajian semula diadakan untuk meningkatkan kawalan di kem-kem ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Ya. Saya berharap dengan membangkitkan kedua-dua isu ini kementerian dapat memberi jawapan yang rapi kerana masalah yang saya bangkitkan ini amatlah mendesak dan penting untuk menjaga kedaulatan negara kita. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan daripada Kementerian Pertahanan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

12.22 tgh.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas penyertaan dan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam pembentangan Akta Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2005 pada hari Khamis yang lalu dan disambung sehingga hari Isnin ini.

Terutama sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bentong, Jerai, Batu Kawan, Santubong, Kelana Jaya, Tanjong dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang bangun untuk mencelah dan bersoal jawab untuk mendapat keterangan yang lebih lanjut daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah saya sebutkan tadi iaitu Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, Sepang, Seremban, Tampin, Maran, Rembau, Putrajaya, Bahau, Pendang, Padang Terap, Langkawi, juga Bentong, Pengkalan Chepa, Kuala Terengganu, Jerai, Muar dan Santubong sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini dikaitkan sekali dua perkara iaitu Rang Undang-undang mengenai pindaan dan dimasukkan Peraturan 161 di dalam rang undang-undang dalam bahagian kuasa dan kewangan, dan yang keduanya ialah mengenai Angkatan atau Pasukan Simpanan Askar Wataniah iaitu 201B dan 201C. Yang Berhormat, sudah tentulah perkara-perkara berkaitan dengan angkatan tentera maka saya berpendapat bahawa perkara ini yang patut menjadi mauduk perbincangan, tetapi terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengaitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan angkatan tentera ini luar daripada rang undang-undang yang telah dibentangkan.

Yang terakhir yang dibincangkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong masuk mengenai Angkatan Tentera Laut dan pembelian kapal, pembaikan dan penyelenggaraan dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang luar itu tidak payah jawab Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai pindaan seksyen 161 Angkatan Tentera 1972 iaitu Akta 77 melalui pindaan yang dicadangkan, seksyen 161 Akta 77 digantikan dengan seksyen 161 yang baru. Seksyen 161 sedia ada hanya memperuntukkan satu kesalahan ke atas mana-mana anggota tentera yang dibuktikan telah melakukan, kehilangan atau kerosakan harta perkhidmatan atau harta awam.

Kementerian telah mengesan terdapat kehilangan kalangan anggota tentera yang dipertanggungjawab dengan pengurusan dan pentadbiran kewangan kerajaan, tidak mengikut arahan dan peraturan Perbendaharaan, kecuaiannya atau salah laku ini tidak dinyatakan secara spesifik melalui seksyen 161 yang sedia ada iaitu seksyen awal yang menyukarkan tindakan diambil terhadap mereka. Bukan seksyen ini tidak ada tetapi seksyen sudah ada cuma digantikan oleh sebab perkara-perkara yang telah disebutkan. Untuk membanteras salah laku dan kelalaian, perkara yang telah disebut itu keseluruhan seksyen 161 Akta 77 perlu dipinda dengan memasukkan segala kecuaiannya dan kesalahan seperti mana yang terdapat dalam seksyen 18 Akta Tatacara Kewangan 1957.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan ini juga selain dari menyenaraikan kesalahan dengan lebih terperinci cara pampasan yang perlu dibayar oleh anggota tentera yang telah didapati bersalah dalam perkataan angkatan tentera *surcharge* kita kata pampasan, dijelaskan dan diselaraskan supaya selari dengan peruntukan seksyen 18 Akta Tatacara Kewangan 1957.

Perkara ini terdapat tindakan yang boleh dikenakan kepada pegawai pentadbiran awam tetapi tidak terdapat kuasa untuk dikenakan kepada pegawai ataupun anggota angkatan tentera sedangkan kesalahan berlaku dalam para perkara yang sama. Sebab itulah perkara ini harus digantikan di sini Akta Tatacara Kewangan 1957 tidak terpakai kepada anggota angkatan tentera yang disebutkan tadi.

Mengenai seksyen 201B dan 201C yang diperkenalkan melalui rang undang-undang ini akan memperuntukkan secara khusus kewajipan majikan dan perundangan yang diberikan kepada mereka kepada pekerja-pekerja yang menganggotai angkatan sukarela iaitu Wataniah. Perbicaraan kita dalam perkara ini adalah dengan tentera bahagian pentadbiran dan kewangan dan satu penyertaan rakyat kepada anggota pasukan Wataniah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bentong berkenaan dengan penubuhan PALAPES di IPTS dan Ahli Yang Berhormat bagi Putera Jaya juga membangkitkan isu mengenai IPTS.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bangun Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum masuk tentang IPTS dan PALAPES tadi itu, saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan berhubung dengan *provisions* di mana perkara-perkara baru itu diperkenalkan dan seolah-olah mahu diperketat segala tata cara prosedur dan tindakan-tindakan yang bakal diambil. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah dari segi penguatkuasaannya, jangan pula kita memperketatkan tata cara dan aturannya sedangkan dari segi implikasi penguatkuasaannya itu akan terabai. Barangkali ada mekanismenya yang sudah tersedia. Saya mohon sedikit penjelasan. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, akta ini dipinda sekali gus dengan peraturan dan undang-undang serta dengan hukuman dan tindakan-tindakan yang perlu diambil di samping menjaga atas kepentingan undang-undang dan atas kepentingan individu yang terjebak dengan kesalahan undang-undang ini. Maka dengan itu tidak berbangkit sama ada kita akan menghadapi satu kelalaian ataupun satu kecacatan sudah diambil kira pada keseluruhannya.

Dewasa ini kementerian hanya memberi tumpuan untuk menubuhkan PALAPES di IPTA sahaja dan setakat ini sebanyak 12 PALAPES di IPTA telah ditubuhkan. Mengenai penubuhan IPTS, kementerian akan memberi pertimbangan sekiranya IPTS memenuhi keperluan kriteria-kriteria seperti berikut:

- i) IPTS mempunyai penuntut melebihi 10,000 orang, maka pertimbangan boleh diberi;
- ii) segala kos perbelanjaan PALAPES seperti kos pengurusan logistik elaun dan rangsum ditanggung sendiri oleh IPTS; dan
- iii) mempunyai infrastruktur tetap iaitu tidak menyewa di premis-premis awam agar aspek keselamatan kepada aset tentera seperti senjata dan peralatan; pasti akan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bentong juga menyatakan bahawa kadar elaun askar wataniah sekarang terlalu rendah. Kementerian sememangnya mengakui kadar elaun semasa yang diterima oleh anggota askar wataniah adalah rendah. Bagi pegawai RM4.50 sejam sementara bagi yang berpangkat rendah hanya RM3.00 sejam. Cadangan telah dimajukan kepada pihak JPA pada 8 Jun 2004 untuk menaikkan elaun latihan tempatan daripada RM3.00 sejam kepada RM5.00 sejam bukan sehari tetapi sejam. Kadar RM5.00 ini bagi semua peringkat dan ini bagi latihan tempatan tetapi bagi latihan di tempat-tempat yang tertentu... di kem dan sebagainya ada perbezaan dari segi anggota tentera biasa dengan pegawai di dalam askar wataniah.

Berkenaan cadangan Yang Berhormat yang sama supaya latihan anggota askar wataniah dilakukan secara berjadual

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh tentang askar wataniah dan juga PALAPES tadi. Meskipun banyak mahasiswa kita terlibat dalam kegiatan PALAPES tetapi dari segi keberterusannya - dari segi aktiviti-aktiviti berterusan selepas meninggalkan kampus, sejauh manakah mereka ini terus

berhubung dan menyambung kegiatan-kegiatan ketenteraan dalam usaha kita menyiapkan satu generasi yang siap siaga dalam kegiatan-kegiatan ketenteraan ini? Demikian juga dengan askar wataniah, kita mempunyai strategi untuk memastikan askar wataniah ini juga *sustainable* ertinya bukan sekadar ikut kursus, selepas itu terbiar begitu sahaja, ini merupakan satu pembaziran.

Sekali lagi saya membangkitkan soal *the execution gap* dengan izin, iaitu kawasan lompong pelaksanaannya sebagai mana yang saya timbulkan yang awal tadi, masih belum saya mendapat jawapan yang memuaskan dari segi lompong pelaksanaannya. Demikian juga dengan PALAPES dan kes yang sedang ditimbulkan sebentar tadi tentang askar wataniah. Sejauh manakah ia terus berkembang, menyumbang tenaganya dan dapat diperkasakan angkatan tentera ini seperti mana yang dinyatakan ada *targetnya*, *target* kalau tidak silap saya daripada *the literature* yang saya buat hampir 55,000 orang yang kita kehendaki di kalangan sukarelawan dalam tentera ini. Mohon penjelasan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, kita mengetahui bahawa askar wataniah ini ialah badan sukarela di mana dia boleh masuk dan dia boleh keluar, dia boleh menjadi PALAPES di peringkat IPTA, dia boleh memohon untuk menyambung ketika dia berada di kawasan ataupun di mana-mana sahaja asalkan dia berada di Malaysia. Tetapi kalau ada di kalangan v terutamanya tidak berminat untuk menyambung khidmat mereka sebagai anggota sukarela askar wataniah, tidak ada paksaan yang boleh kita beri tetapi bagi anggota sukarelawan askar wataniah yang sudah berkhidmat ataupun yang bersama menyertai askar wataniah ini biasanya ada dua kategori. Sama ada dia akan diserap ataupun dia memohon untuk diserap menjadi *regular* atau anggota tetap ataupun dia tinggal sebagai anggota askar wataniah yang akan mengikuti latihan ataupun kerja-kerja yang biasa diberikan kepada mereka mengikut akta dan keperluan sebagai seorang askar sukarela dalam askar wataniah.

Kesinambungan ini bukan bermakna bahawa kerajaan tidak memperuntukkan strategi dan latihan aktiviti yang ada tetapi sekiranya berlaku kekosongan ataupun kecacatan dalam kesinambungan tugas ini adalah kerana individu itu sendiri. Tetapi oleh sebab kerajaan telah melihat bahawa akan berlaku juga ataupun sudah berlaku kecacatan kesinambungan yang tidak sempurna kerana tindakan oleh sebahagian daripada majikan-majikan yang tertentu yang menyebabkan mereka tidak boleh terus berkhidmat ini, maka akta ini dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya pertimbangan oleh Dewan yang mulia ini boleh memberi ruang dan lompong yang lebih selesa kepada anggota sukarela ini berkhidmat dalam pasukan askar wataniah.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bentong bangun Yang Berhormat.

Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan kos dan elaun untuk penubuhan pasukan PALAPES di IPTS perlu ditanggung oleh pihak IPTS, saya ingin mendapatkan penjelasan adakah kerajaan akan mengkaji semula syarat-syarat ini kerana kita tahu bahawa kerajaan sentiasa menggalakkan belia kita untuk melibatkan diri dalam pasukan askar dan juga tentera.

Kita faham juga bahawa melalui latihan ketenteraan kita dapat meningkatkan disiplin belia kita. Kita telah menghabiskan beratus juta ringgit dalam Program Latihan Khidmat Negara dan saya rasa sekiranya kita dapat membantu Program Latihan Khidmat Negara, program inilah - program pasukan PALAPES dan pasukan wataniah inilah yang paling sesuai untuk membina satu masyarakat majmuk yang lebih berdisiplin dan patriotik. Sudikah kerajaan untuk mengkaji balik kerana kalau kita beri syarat yang begitu ketat iaitu memastikan kos ditanggung oleh IPTS saya rasa tidak mungkin IPTS akan menganjurkan latihan PALAPES ini. Saya berharap dan yakin Ahli-ahli Parlimen di sini akan menyokong penuh kerajaan untuk menanggung kos ini kerana ia adalah untuk masa depan anak-anak muda kita. Minta penjelasan

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa melihat pertimbangan yang boleh kita beri sekiranya kita mampu untuk menyelesaikan pertimbangan itu. Sementara ini kita telah mempertimbangkan untuk membenarkan IPTS

menubuhkan pasukan simpanannya dengan fakta-fakta yang telah saya sebutkan tadi sehingga ini dan untuk membiayai dalam kelulusan bagi penubuhan ini kita belum pertimbangkan lagi. Kita hendak lihat berapa banyak penglibatan rakyat dan kerajaan, penglibatan rakyat dengan kerajaan, penglibatan pihak swasta dan *corporate sector* seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai berkali-kali, dalam masa hendak memungut wang Hari Pahlawan dan sebagainya tidak ada korporat yang datang untuk beri derma.

Ini sebelum kita meminta, kita telah memberi, kita mahu melihat sektor swasta ini, IPTS adalah sektor swasta yang ada mampu untuk mendirikan institusi pengajian tinggi dengan perbelanjaan yang besar, dengan kemudahan infrastruktur yang baik dan canggih. Tidak salah *private sector* dalam bentuk ini untuk menunjukkan sikap kepada mereka boleh melatih anak-anak pelajar mendapat disiplin yang sempurna melalui penubuhan simpanan ini di kolej ataupun universiti mereka dan apa salahnya sebahagian daripada keuntungan itu dicarumkan untuk membuktikan kesungguhan bahawa tugas mempertahankan negara ini, tugas membina insan yang berdisiplin dan patriotik ini bukan hanya mesti dibuat oleh kerajaan.

Ini adalah contoh yang paling baik dan itu yang kita tawarkan. Saya berharap Yang Berhormat akan memberi sokongan, lonjakan dan rangsangan kepada *private sector* ini untuk bersama mencarum tenaga, kekuatan, kewangan dan ekonomi serta merangsangkan semangat disiplin dan patriotik ini, kita jalinkan bersama untuk mencapai kejayaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri panjangkah jawapan?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya hendak bagi Yang Berhormat menjawab yang berkaitan dengan akta sahaja, boleh?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ini pasal IPTS memang, wataniah memang yang berkaitan dengan askar, dengan akta ini, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat yang sama suka latihan askar wataniah dilakukan secara berjadual dan sememangnya ini kita jadualkan, ini tidak menyusahkan pihak majikan. Terutama sekali kalau latihan tempatan yang mana kita pilih pada waktu hujung minggu supaya ia tidak terlibat dengan pekerjaan, dengan syarikat-syarikat ataupun dengan jabatan-jabatan kerajaan ataupun swasta.

Latihan tempatan selama 240 jam setahun dilaksanakan pada hujung minggu, Sabtu dan Ahad. Latihan berterusan dilaksanakan selama 14 hari setahun. Latihan kemaharian dilaksanakan hujung tahun selama 15 hari sahaja. Kalau keseluruhan ini, ia tidak memakankan dan tidak menjadikan kesusahan kepada jabatan-jabatan kerajaan, swasta dan kepada pihak-pihak lain sekiranya mereka mahu terus memberi kerjasama.

Yang Berhormat bagi Jerai telah mencadangkan supaya kelengkapan pertahanan negara terus diperkuatkan agar mampu mempertahankan negara ini. Persoalan pagi tadi telah sepatutnya timbul dalam perkara yang sama yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai ini, iaitu kita sebenarnya bukan sahaja mahu melihat pertahanan negara ini lengkap dan sempurna, kita juga mahu melihat anggota tentera kita dilatih dengan lebih terjamin dengan kepakaran dan mental kekuatan disiplin dan kemampuan untuk mengguna pakai persenjataan dalam teknologi yang moden dan canggih ini.

Oleh sebab itu, kita telah berbelanja dalam Rancangan Malaysia yang Kelapan dan kita *commit* dalam Rancangan Malaysia Kesembilan hampir RM20 bilion dan kita telah menghantar lebih daripada 1000 orang untuk mengikuti keperluan dalam penggunaan menghadapi persediaan, peperangan teknologi moden dengan persenjataan yang canggih untuk negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kita kata kita ada mempunyai kekuatan dan kita ada mempunyai kemampuan dan kita diam tidak bermakna kita tunduk kepala untuk minta pijak. Bagi kawan-kawan, jiran-jiran yang berdekatan dalam persefahaman di rantau ini, Angkatan Tentera Malaysia ada kemampuan dan Angkatan

Tentera Malaysia tidak suka maruah ketahanan negara kita ini diperkotak-katikkan dan jangan kita persendakan sehingga membangkit rasa segan dan kecil hati.

Adalah amat menyedihkan seperti apa yang telah berlaku di Ambalat. Tambah lagi kita sedih dan kita rasa amat tersinggung dengan tindakan yang dibuat oleh pihak akhbar Indonesia yang telah menuduh ataupun melemparkan satu kenyataan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan telah memohon ampun kepada Indonesia. Perkara ini tidak berlaku dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekali gus telah menyarankan kepada masyarakat kita dan Indonesia bahawa tindakan akan diambil dan kita tidak akan berhenti dalam perkara ini sekiranya penyelesaian tidak dapat diputuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan ATM menangani kegiatan lanun di Selat Melaka yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, juga yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjung. Pasukan kita mampu walaupun pihak Tentera Laut Indonesia, minta maaf, Tentera Laut Amerika Syarikat telah menyarankan untuk melihat bersama keselamatan laluan Selat Melaka yang sepanjang 900 kilometer dan selebar 34 kilometer. Angkatan tentera laut kita dan kerajaan kita mampu mengawasi perkara ini.

Tetapi tuan-tuan, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam melihat keselamatan perairan kita seperti kata pepatah Melayu, "*Tidak ada bumi yang tidak pernah ditimpa hujan*", sudah tentulah terdapat sedikit sebanyak kesempatan yang digunakan oleh pihak-pihak ialah mencari makan di dalam kesempurnaan di perairan kita. Tetapi kita telah memaklumkan kepada pedagang-pedagang yang menggunakan laluan perairan Selat Melaka supaya memberitahu kepada kita, Tentera Laut Diraja Malaysia ataupun Polis Marin kita kalau terdapat kesusahan, lanun dan laluan dalam laluan di perairan ini.

Bagi kita, bersedia untuk memberi bantuan dan sokongan supaya kesempurnaan mereka menggunakan perairan kita ini sebagai satu kesempatan yang menjamin laluan dan aktiviti ekonomi di persekitaran ini berjalan dengan baik dan sempurna. Berhubung penempatan panglima perkhidmatan di bawah satu bumbung yang mengandungi kecelakaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, ingin kita maklumkan, seperti yang disarankan oleh banyak Ahli Yang Berhormat, kekuatan kita sepatutnya kita tidak dedahkan untuk menunjukkan kemampuan kita. Tetapi ingin saya maklumkan kepada Dewan ini walaupun kita bersedia untuk menghadapi peperangan yang terbuka, kita juga bersedia untuk mengadakan teknik bagi peperangan yang boleh berselindung dan keselamatan pejabat kementerian dan panglima-panglima tentera daripada semua lapisan adalah sentiasa diawasi dan diberi kepercayaan.

Saya berharap ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat jangan terkeliru dengan apa yang berlaku di Asahan umpamanya ataupun yang berlaku di Gerik, seperti saya katakan tadi tidak ada bumi yang tidak kena hujan. Tetapi ini tidak bermakna bahawa kelalaian akan berterusan. Angkatan Tentera kita yang melakukan kesalahan, yang cacat dalam mengendalikan tugas, tindakan diambil dan kita sentiasa memberikan pengawasan dan *upgrade* semua kekurangan yang ada bagi menjadikan kekuatan dan keselamatan bukan sahaja kepada negara bahkan kepada anggota tentera, kem tentera ini boleh dijamin, ini menjadi kebiasaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun seperti di Kem Asahan, kita sentiasa ada yang kita tandakan kawasan larangan, ada orang tembak dan orang lari, mungkin mereka tersalah baca. Bila ada tembak, ada lari, ini semua tembak gempur saja maka mereka masuk kawasan ini. Tetapi ini adalah satu kesilapan, akhirnya mereka mencari satu perkara untuk mendapat keuntungan tetapi bala yang mereka terima. Sebab itu saya mengambil kesempatan ini untuk maklumkan kepada rakyat, "jangan mencari jalan susah ketika ada kemudahan dan jangan terasa amat senang untuk menjadikan orang lain susah".

Oleh sebab itu, pada masa yang akan datang, mana-mana mereka yang melalui jalan-jalan yang seperti ini, kalau dikatakan ada jalan tikus, Angkatan Tentera Malaysia akan mengawasi dengan sepenuhnya. Mereka yang mencerooboh masuk di kawasan angkatan tentera, mereka tidak akan dibiarkan lagi daripada tarikh ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya cadangan daripada Yang Berhormat bagi Jerai supaya perolehan sistem pengawasan ruang udara, perkara ini telah didaftarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kadang-kadang kita tidak boleh mengatakan ada terdapat kuasa lain melalui ruang udara kita, begitu juga kuasa lain melalui perairan kita. Biasanya untuk menjadikan keadaan lebih selamat dan persefahaman lebih terjalin, kebenaran untuk orang asing menggunakan ruang udara kita dan perairan kita mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada pihak kerajaan kita ataupun pihak yang tertentu yang telah diberi tugas untuk melihat perkara yang berbangkit.

Bagi memperkukuhkan kekuatan dan keselamatan ruang udara kita, peruntukan telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, perkara-perkara ini dapat dijalankan dan strategi bagi mengawal ruang udara kita adalah lebih terjamin pada masa yang akan datang.

Cadangan Yang Berhormat juga berbangkit dengan penubuhan Askar Wataniah di sekolah-sekolah menengah seperti juga penubuhan Askar Wataniah di IPTS. Pasukan Kadet Bersatu Malaysia yang sedia ada di sekolah-sekolah sudah mencukupi untuk memberi pendedahan awal dalam bidang ketenteraan di kalangan penuntut-penuntut di sekolah menengah pada hari ini. Bukan kita sahaja daripada pertahanan, pihak polis juga ada menjalankan usaha ini bagi menubuhkan Kadet Polis dan sebagainya. Saya sangat bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Lipis kalau tidak salah saya, semua beban ini jangan hanya diberi kepada pihak Kementerian Pertahanan, jangan hanya diberi kepada pihak Kementerian Dalam Negeri bagi menubuhkan kadet ataupun pasukan sukarela bagi menjayakan Program Cinta Kepada Negara dan Tanah Air ini, hanya melalui dua kementerian sahaja seperti Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri.

Suntikan ini mestilah digandingkan bersama dengan pihak-pihak yang ada, yang bertanggungjawab dan perbelanjaan ini mestilah dikongsi bersama untuk kejayaan yang akan dirasai oleh semua rakyat yang ada di dalam negara kita.

Ahli Yang Berhormat Jerai dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat lain membangkitkan bahawa penubuhan Askar Wataniah ini mesti dipercepatkan ataupun diadakan di semua peringkat. Saya ingin maklumkan bahawa ketika ini, anggota Askar Wataniah sudah ada lebih kurang 450 ribu di seluruh tanah air dan kita bercadang untuk mengadakan Kompeni Wataniah di tiap-tiap Parlimen. Kita telah mengadakan penubuhan-penubuhan ini termasuk di Sabah dan Sarawak, di Sabah yang akhir sekali kita lakukan di Kudat.

Kompeni Wataniah ini akan ada lebih kurang 140 orang dan kalau kita dapat menubuhkan sehingga tahun 2020, kita akan mencapai *target* Askar Wataniah dalam bilangan yang besar. Satu, hendaklah diingatkan bahawa kemampuan kita menubuhkan mestilah ada *response* daripada anggota rakyat seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putrajaya ataupun Yang Berhormat Kuala Terengganu, kesinambungan ini pasti ada, keinginan mesti ada, semangat ke sukarelawan mesti ada. Dalam semangat ke sukarelawan, semangat ingin ramai menyertai, ahli Yang Berhormat juga membangkitkan bahawa sambutan tidak ada kerana elaun sedikit. Dia cacat semangat kesukarelawan itu kerana elaun sikit. Kita cuba cadangkan supaya elaun ini dinaikkan supaya semangat kesukarelawan ini boleh berlaku. Dalam masa yang sama, Yang Berhormat juga membangkitkan dalam Dewan ini bagaimana ahli-ahli Yang Berhormat yang akan menyertai dalam pasukan Askar Wataniah ini. Apa pangkat yang akan diberi?

Tuan Yang di-Pertua, saya demam, saya minum air sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: [Batuk] Kalau ahli Yang Berhormat tidak dapat pangkat, Yang Berhormat tidak akan menyertai sebagai anggota wataniah, biasa. Bagaimana pula yang lain, rakyat biasa, *graduates*, DO, Penghulu? Banyak dah Penghulu yang lulusan universiti, kenapa saya hendak menyertai Askar Wataniah dan saya ada lulusan dalam bidang ataupun diploma undang-undang. Saya pakai Prebet, Yang Berhormat pakai Mejar umpamanya. Ini ada konflik, saya minta ahli-ahli Yang Berhormat selesaikan konflik senilai ini supaya semangat yang di mana kita perlukan, penubuhan untuk peringkat Parlimen, satu Kompeni dapat diadakan.

Kita telah senaraikan lebih kurang 54 Parlimen dalam tahun ini agar kita dapat terus mendapat sokongan, mendapat *respond* dan mendapat kerjasama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan saranan yang dibuat oleh Timbalan Menteri berhubung dengan kesukarelawan. Saya bersetuju, kalau tidak ada semangat kesukarelawan memang kita tidak boleh membawa orang ini terlibat sama dengan apa sahaja badan sukarela. Dalam masa yang sama kita juga tidak boleh memonopoli kan pangkat-pangkat yang tertentu, tidak melihat latar belakang seseorang. Kalau saya umpamanya ada seorang Wakil Rakyat yang lain pula, oleh sebab dia *connection* dengan *State Secretary* itu baik, dia jadi Leftenan Kolonel, kalau saya mempunyai pengalaman 5 tahun berperang dengan komunis, dia bagi Kapten saja, mana saya hendak. Saya mempunyai cukup latar belakang umpamanya, bukan saya mungkin banyak lagi yang macam saya yang diberi oleh sebab dia bukan wakil rakyat, bukan Datuk.

Ini mesti dinilai secara *holistik*, latar belakang, kemampuan, kebolehan dia berbanding dengan dia kalau ini boleh dipertimbangkan nescaya tidaklah *teritorial army* ataupun wataniah ini menjadi wallflower sahaja. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Santubong itu dan sememangnya kriteria-kriteria ini digabung-jalin untuk menjadi dasar pertimbangan pemberian pangkat-pangkat di dalam askar wataniah bahkan di dalam Angkatan Tentera sendiri. Kita.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya tahu tidak cukup masa.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Setuju? Setuju? Setuju?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya hendak tanya penjelasan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kita, tadi kata 54 kawasan Parlimen telah dikenal pasti untuk membentuk kesukarelawan ini. Di kawasan Cameron Highland ada dua DUN, satu lebih kurang tiga setengah jam jauh daripada Tanah Rata iaitu Jelai dan Tanah Rata. Bolehkah Yang Berhormat mempertimbangkan supaya kedua-dua kawasan ini dapat diberi pasukan kesukarelawan ini. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan bahawa 54 yang dikenal pasti, itu dalam tinjauan kita mendapat kerjasama dengan Ahli-ahli Parlimen dan kita telah mengenal pasti peserta-peserta rakyat yang akan menyertai penubuhan Askar Wataniah di kawasan yang berkenaan. Beri peluang kepada kita untuk menyelesaikan 54 ini dahulu ya? Kalau kawasan Parlimen Cameron Highland hanya tinggal dua DUN, itu juga bernasib baik. Banyak juga kawasan Parlimen yang ada empat DUN atau lima DUN, ada kawasan Parlimen yang tiada DUN. Wilayah tiada DUN. Insya-Allah kita akan melihat perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa lama lagi Yang Berhormat hendak menjawab?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kalau untuk hendak sampai pukul satu dah sampai dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak tanya berapa lama lagi nak habiskan?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya ingat kita sambung petang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya setuju Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang jam satu. Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri dijemput menyambung ucapan. Yang Berhormat ucapan, jawapan perlukan lebih kurang berapa lama?

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: 20 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 20 minit. Baik.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua. Cadangan Yang Berhormat bagi Batu Kawan menyentuh kebajikan dasar anggota tentera dan cadangan supaya ditubuhkan Exco di setiap negeri supaya bertanggungjawab kebajikan bekas-bekas anggota tentera. Maklum Yang Berhormat, pengendalian mengenai masalah ini, di peringkat negeri pun ada mempunyai pelbagai Exco...

Tuan Teng Boon Soon: Penjelasan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya tidak jawab lagipun.....[Disampuk]

Tuan Teng Boon Soon: Tadi punya. Tadi pagi tentang Askar Wataniah. Boleh minta penjelasan sedikit tentang Askar Wataniah.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri kerana kawasan saya dipilih sebagai salah satu kawasan untuk menubuhkan Askar Wataniah dan saya pun sudah tetapkan tarikh untuk mengadakan kempen besar-besaran untuk menarik belia-belia keturunan Cina untuk menyertai Askar Wataniah di kawasan saya.

Saya amat bersetuju tentang kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang semangat *volunteerism*, dengan izin. Walau bagaimanapun, saya minta perhatian kementerian tentang perlunya bagi peserta-peserta Askar Wataniah yang bekerja, apabila mereka di suruh menghadiri kursus-kursus yang diadakan oleh Askar Wataniah kadang-kadang mereka perlukan cuti.

Adakah kementerian mengambil langkah untuk meyakinkan majikan untuk memberikan kemudahan cuti itu kepada mereka yang ingin menghadiri kursus-kursus Askar Wataniah yang akan dilaksanakan? Minta penjelasan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, perkara yang dibangkitkan dan pendirian yang telah diberikan adalah satu yang amat memberangsangkan. Yang Berhormat sendiri telah menjalankan usaha untuk membuat semangat *recruitment* terhadap penubuhan Kompeni Askar Wataniah di kawasan Parlimen Yang Berhormat sendiri. Untuk ingatan dan kesedaran, pindaan 161 ini adalah di antara perkara yang kita perdebatkan ini untuk mendapatkan kelulusan supaya memudahkan sukarelawan Askar Wataniah ini boleh menghadiri kursus yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Saya berharap bahawa perkara ini apabila diluluskan dan kuat kuasanya akan berjalan apabila keputusan tarikh dan dibuat pengisytiharan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan, kemungkinan terlanjur cakap saya tadi. Saya mengatakan mengikut pegawai saya, saya menyebut 450,000 sebenarnya saya hendak menyebut 45,000 dan hari ini. Pada masa ini ahli Askar Wataniah yang berada menjadi anggota sukarelawan ialah sebanyak 45,000 dan kita bercadang untuk menambahkan lagi.

Dalam hal ehwal kebajikan anggota tentera, sama ada daripada kalangan yang telah dalam simpanan ataupun dalam servis, Jabatan Hal Ehwal Veteran akan mengendalikan semua ini untuk perkara-perkara yang begitu juga dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Bermula daripada pungutan yang dibuat dalam Hari Pahlawan melalui Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara kemudiannya memberi

bantuan kepada anggota pasukan keselamatan yang tercedera dan kepada para-para anggota yang meninggal dunia semasa menjalankan tugas operasi.

Jenis-jenis sagu hati adalah seperti berikut; sagu hati kepada anggota tercedera, sagu hati kepada waris-waris anggota keselamatan yang meninggal dunia; bantuan nafkah kepada balu-balau, ibu bapa dan anak-anak; bantuan persekolahan kepada anak-anak; bantuan untuk membeli dan menyelenggarakan anggota palsu - tongkat, tangan dan kerusi roda, dan berbagai-bagai yang diperlukan oleh anggota yang telah tercedera ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin telah mencadangkan supaya kursus peralihan yang diadakan oleh angkatan tentera boleh memberi faedah kepada peluang pekerjaan yang lebih baik kepada para peserta. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah diambil tindakan oleh kumpulan yang mengendalikan bekas-bekas anggota tentera ini supaya latihan-latihan dapat dijalankan sebelum mereka berakhir tugas mereka sebagai anggota tentera untuk menjalankan latihan-latihan termasuk latihan-latihan mekanikal dan sebagainya. Hanya bukan latihan amalan ataupun kerja praktikal sahaja tetapi sampai ke peringkat untuk mendapat kelulusan diploma dalam bidang-bidang yang tertentu, dikelolakan oleh jabatan ataupun pasukan bekas tentera ini.

Kita harap yang menjadi masalah ialah sambutan daripada kalangan bekas-bekas tentera untuk menyertai dan mendapat kelulusan dan kepakaran dalam bidang-bidang yang diberi ini. Bidang-bidang yang diberi sebelum mereka bersara adalah luas dan ini terpulang kepada pilihan mereka sendiri. Cuma ada mereka yang telah memilih bidang *construction*, tetapi apabila mereka balik, mereka membuat bidang perniagaan. Ini yang agak bercanggah daripada kepakaran dan latihan yang telah diberikan oleh bekas-bekas ataupun anggota tentera yang mengikut latihan sebelum mereka balik berkhidmat di dalam hidup selepas menjadi anggota tentera yang ada di dalam negara kita.

Yang Berhormat bagi Langkawi membangkitkan tentang kem. Berapa orang anggota tentera lain telah membangkitkan di dalam Dewan ini bahawa kem-kem yang tidak tersusun. Kita telah pun memaklumkan kepada anggota tentera kita khasnya pegawai-pegawai pemerintah supaya melihat perkara-perkara ini dapat disusun dan dapat dijalankan dengan sempurna. Saya percaya perkara ini dari sehari demi sehari dan dengan kekuatan kewangan yang ada, keindahan dan kesempurnaan di dalam kem dan rumah-rumah kakitangan anggota tentera dapat di perbaiki daripada sehari ke sehari.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong membangkitkan masalah yang boleh diambil tindakan di bawah seksyen 161 yang baru. Untuk makluman bahawa Seksyen 161 yang dibawa dalam pindaan ini ataupun yang akan dimasukkan sebagai satu seksyen yang akan dikuatkuasakan tidak bertujuan untuk menindas tetapi adalah untuk menjaga, bukan sahaja menjaga harta kerajaan tetapi menjaga ahli-ahli anggota tentera sama ada daripada pegawai atasan sampai kepada pegawai atau kaki tangan anggota tentera yang berada di bawah supaya kredibiliti mereka ini yang mengendalikan dan mengelolakan dan mengawas harta-harta kerajaan tidak terjebak dengan kesilapan dan kesalahan yang boleh mengaibkan pentadbiran dan profesional mereka dan merosakkan kekuatan kewangan anggota tentera sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong telah membangkitkan bahawa adakah undang-undang ini bertujuan untuk memberi penindasan dan kesusahan kepada anggota-anggota tentera. Pindaan akta ini tidak bertujuan untuk menjadi satu pendekatan OPRES ataupun satu peningkatan penindasan kepada anggota tentera yang telah diberi tanggungjawab tetapi adalah untuk melatih dan memaklumkan kepada mereka bahawa apabila mereka diberi tanggungjawab untuk mengendalikan, menggunakan dan menyelenggarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab mereka, mereka mestilah mengambil tanggungjawab yang sempurna dan mereka mestilah mengetahui risikonya adalah tinggi kalau etika kerja dan disiplin mereka tidak dijaga dengan baik. Kita berharap bukan sahaja anggota yang terlibat dalam perkara itu pada masa yang lepas dan pada masa yang akan datang boleh sewenang-wenangnya lalai dan mengambil tanggungjawab ini dengan sempurna tetapi ia menjadi satu garis panduan supaya mereka menjaga tanggungjawab mereka, mereka menjaga harta dan keperluan angkatan tentera dan mereka menjaga imej angkatan tentera di seluruh negara pada masa kini dan masa yang akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bangkitkan perkara ini adalah untuk memaklumkan seksyen 161 tidak bertujuan bahawa yang kena tuduh tidak boleh dibela. Yang kena tuduh ini akan dihakamkan oleh satu kumpulan yang dinamakan lembaga yang dipilih dari anggota tentera sendiri iaitu daripada pangkat yang tertentu untuk melihat kesilapan-kesilapan dan kesalahan-kesalahan serta kelalaian-kelalaian yang telah berlaku tetapi anggota yang tertuduh ini boleh membela diri dan inilah kelonggaran dan kesempurnaan (*privilege*) yang ada di dalam mengendalikan seksyen 161 ini ia tidak memberatkan kepada yang kena tuduh dan tidak memberi kemudahan kepada yang membawa tuduhan. Kedua-dua golongan ini mestilah membuktikan keluhuran, kepakaran dan keikhlasan mereka dalam mengendalikan tanggungjawab mereka sebagai yang menjalankan pendekatan tuduhan dan membela diri daripada masa ke semasa.

Dalam lapisan yang kedua bukan sahaja akan diambil kuasa mengambil tindakan ini dibuat di dalam angkatan tentera sekiranya perkara ini akan berlaku pada report ataupun sampai kepada pihak anggota polis dan sekiranya dalam pemeriksaan polis, polis akan membawa kes ini ke mahkamah. Maka lembaga tidak boleh mengambil sebarang tindakan apabila perkara ini di bawa oleh polis dan akan dibuktikan dalam mahkamah. Setelah mahkamah mengambil tindakan, maka lembaga ini mesti akur dengan keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, apakah bahawa penyiasatan terhadap sesuatu kecuaiian atau sesuatu kesalahan yang sejauh mana kecuaiian ini didaftarkan kepada anggota yang berkenaan - Tuan Yang di-Pertua, dalam teknikal dan *mechanical fault*, ia bersandarkan kepada kepakaran pakar yang boleh dibuktikan oleh lembaga dengan kepakaran dan kemahiran yang mereka ada dan pihak yang tertuduh juga boleh membuktikan, apakah kesalahan itu boleh dilakukan oleh beliau sendiri, kelalaian beliau sendiri, ketidakhadiran beliau sendiri atau kerana perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Santubong tentang *mechanical fault* yang berlaku itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengendalikan Akta 161 ini, kita memberi kebebasan dan peluang kepada yang akan membicarakan dan kepada individu yang dibicarakan atas kes ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat bagi Santubong dan ahli Yang Berhormat dari beberapa kawasan yang lain tentang apakah yang dilakukan oleh kementerian dan pasukan tentera tentang kebajikan anggota tentera ini, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kebajikan pasukan tentera ini akan telah diambil dan diberi tugas kepada pasukan Jabatan Hal Ehwal Veteran. Bermula daripada pungutan Rayuan Hari Pahlawan.....

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Petra Jaya bangun.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya, sila.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin kembali kepada seksyen 161(2), saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sebab dalam pemahaman saya apa yang berlaku di sini ialah kalau sesuatu kecuaiian ataupun sesuatu kesalahan yang dilakukan, pihak berkuasa layak dan berkehendakkan orang yang bertanggungjawab itu memberikan penjelasan tentang perbuatan salah atau kecuaiian yang telah berlaku dan jika penjelasan yang memuaskan tidak diberikan dalam tempoh yang ditentukan oleh pihak yang berkuasa yang layak itu, pihak berkuasa yang layak itu boleh memerintahkan orang yang bertanggungjawab itu untuk membayar wang seterusnya yang dikatakan dalam seksyen 161(2).

Apa yang tidak jelas di sini ialah tentang proses dan prosedur untuk memberi penjelasan tersebut. Sebab ia melibatkan suatu hukuman yang amat berat yang terkeluar daripada kebiasaan tatacara kerajaan iaitu kalau satu kesalahan dalam pentadbiran, ia akan dihukum dalam konteks pentadbiran sama ada digantung, diturun pangkat dan sebagainya tetapi ini anggota tersebut terpaksa membayar pampasan. Kita memerlukan satu proses atau prosedur yang jelas supaya tidak berlaku seseorang itu teraniaya sebagaimana yang diujahkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong. Kita lihat dalam

konteks perundangan sivil mengatakan bahawa kalau konteks kecuaihan, berapakah darjah (degree) kecuaihan seharusnya baru orang itu akan dikenakan membayar pampasan.

Kalau dalam konteks perundangan tersebut banyak perkara yang harus kita telitikan. Sebab itu saya ingin mendapat penjelasan bagaimana perkara ini akan dilaksanakan. Adakah kalau 10% misal kata, kecuaihan ditentukan adalah disebabkan kecuaihan manusia, 90% disebabkan kesalahan mekanikal, adakah orang ini mesti membayar dan berapa peratuskah dia mesti membayar? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, persoalan Yang Berhormat sering menjelaskan bahawa kecuaihan manusia kalau didapati 10%, maka penghakiman itu mesti berdasarkan 10%, ia tidak meliputi 100% sebab itu lembaga ini bukan hanya terdiri daripada lembaga yang ditugaskan untuk melihat di mana salah. Lembaga ini juga mesti membuktikan peratus kesalahannya, peratus kecuaiannya, peratus di mana kesilapan yang berlaku bukan daripada individu itu sendiri. Saya percaya bahawa praktikal atau pun tugas yang diberi tanggungjawab kepada lembaga ini bukan hanya untuk menindas tetapi untuk memberi satu penghakiman, keputusan yang setimpal dengan tugas mereka, setimpal dengan kesalahan individu yang dihadapi ataupun yang menghadapi tuduhan ini.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, kriteria-kriteria the *guidelines* dalam penubuhan lembaga ini adalah satu lanjutan daripada praktikal Lembaga Angkatan Tentera bagi mengendalikan kesalahan-kesalahan anggota tentera pada masa-masa yang lepas. Sekarang ianya dikanunkan untuk dijadikan tanggungjawab bagi mengendalikan kes dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kesalahan ataupun tuduhan yang akan dibawa terhadap *seksyen*161 ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong tentang ingatan kepada kerja-kerja yang telah dijalankan oleh anggota tentera dan perkara-perkara yang mesti diamalkan supaya anggota tentera yang tercemar, anggota tentera yang tercedera, anggota tentera yang telah menjalankan servis kepada negara ini tidak diperbaiki ataupun dilupakan. Oleh sebab itulah maka kementerian telah memutuskan dengan persetujuan Kabinet bahawa Jabatan Hal Ehwal Veteran akan mengendalikan semua keperluan-keperluan yang dikehendaki dan bantuan-bantuan yang diperlukan ataupun yang boleh diluluskan kepada anggota-anggota tentera yang terdapat, yang telah dikanunkan sebagai golongan yang akan mendapat kemudahan-kemudahan bantuan-bantuan ini pada masa ini dan masa yang akan datang. Ini bukan kepada anggota tentera sahaja, ia termasuk keluarga dan anak-anak mengikut peraturan-peraturan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengendalikan perkara ini saya telah melihat pada dua tahun yang lepas dan terutama sekali pada tahun ini kerana saya telah melihat pada dua tahun yang lepas dan terutama sekali pada tahun ini kerana saya terlibat untuk menyampaikan beberapa peruntukan dan bantuan kepada anggota-anggota tentera dan keluarganya yang berkenaan, ianya adalah memuaskan tetapi sudah tentulah saya ingin menyatakan kadang-kadang terdapat kecacatan tentang sokongan-sokongan yang datang daripada bawah kerana kita mempunyai bekas-bekas anggota tentera yang begitu ramai dan mereka sekarang pada masa ini sedang *upgraden* atau *updatekan* dia punya rekod seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batu Kawan.

Adakah anggota tentera mempunyai rekod *background* dan perkara-perkara yang patut diketahui oleh pasukan tentera dalam rekod bekas angkatan tentera yang ada dalam negara kita. Insya-Allah dengan kerjasama yang kita dapati, Jabatan Hal Ehwal Veteran akan dapat mengendalikan perkara ini dan boleh memberi pertolongan kepada mereka yang telah menghadapi kesusahan dan memerlukan bantuan. Dalam masa yang sama, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu membangkitkan tentang sedia ada atau tidak memperuntukkan ataupun maksimum penguatkuasaannya. Saya setuju perkara ini, sebab itu maka pindaan ini dan gantian ini kita buat. Kalau ianya sudah menjadi satu peraturan *seksyen* yang cukup, maka kita tidak perlu lagi mengadakan gantian ataupun mengadakan satu pindaan.

Perkara ini oleh sebab ianya tidak ada sedangkan dalam pentadbiran awam, anggota pentadbiran awam boleh dikenakan tuduhan, boleh dikenakan pengadilan, boleh dikenakan bayaran ataupun pampasan ini, sedangkan dalam anggota tentera *Clause* ini

ataupun seksyen ini tidak ada, maka kita bawa seksyen ini hendak kita ketengahkan, kita jadikan sebagai satu peraturan di dalam angkatan tentera supaya sama seperti apa yang terdapat dalam masalah yang dihadapi oleh pentadbiran awam. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berharap mungkin terdapat peninggalan sebahagian daripada perkara yang dicakapkan sebahagian daripada Ahli Yang Berhormat telah bercakap dan ditambah lagi oleh Ahli Yang Berhormat lain dan kemungkinannya ada yang tertinggal. Maka saya yakin pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan telah mengambil catatan perkara-perkara yang berkaitan untuk diberi ingatan atau untuk diambil semakan.

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua,.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada isu yang saya bangkitkan sedang pun diberi perhatian yang serius oleh kementerian sebab membabitkan keselamatan dalam negara, membabitkan wang ringgit yang begitu banyak. Saya berharaplah, sekurang-kurangnya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapatlah memaklumkan kepada Dewan ini, kedudukan yang terkini, sama ada kerana masalah yang membabitkan enam buah *vesse*l ini, sama ada wujud juga masalah sedemikian dan mempengaruhi siapnya kapal-kapal yang lain mengikut kontrak yang ditandatangani oleh pihak kerajaan dengan syarikat itu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Tanjong, saya telah mengupas dan menjawab banyak persoalan. Saya percaya Yang Berhormat juga mengetahui bahawa apa yang diambil tindakan oleh Kementerian Dalam Negeri seperti amalan perkara-perkara yang berkaitan dengan kementerian akan dibawa oleh pegawai dan kadang-kadang telah dibawa di dalam Kabinet dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan akan mengemukakan balik di dalam Mesyuarat *PostCabinet*. Perkara ini bukan perkara kecil, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat sedangkan Yang Berhormat sendiri telah maklumkan Panglima Angkatan Tentera Laut telah mengemukakan secara terbuka ketidakpuasan hati oleh angkatan laut dalam perkara ini.

Sudah tentulah ia menjadi satu tanda tanya apakah ini sebagai satu pameran ataupun sebagai satu jawapan superficial, maka tindakan tidak diambil. Yang Berhormat Menteri dan kerajaan khususnya akan melihat perkara ini berterusan dan apa-apa yang diperlukan melalui undang-undang dan peraturan tindakannya akan terus diambil. Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dalam mengendalikan dalam mengetahui yang jelas perkara-perkara yang telah dibangkitkan tadi dan saya berjanji akan melihat perkara ini proses pengendalian dan peraturan-peraturan yang ada mesti diamalkan. 161 tidak hanya terikat dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong. 161 juga akan terikat dengan mana-mana kaitan dengan pengendalian peraturan dan tanggungjawab yang diberi oleh kerajaan kepada pegawai.

Tuan Loh Seng Kok: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, bangun.

Tuan Loh Seng Kok: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perkara yang saya bangkitkan tentang senarai simpanan pegawai sukarela itu dapat dijawab. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Minta penjelasan apa?

Tuan Loh Seng Kok: Perkara yang saya bangkitkan tentang SSPS - Senarai Simpanan Pegawai Sukarela.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: SSPS - Pegawai.....

Tuan Loh Seng Kok: Senarai Simpanan Pegawai Sukarela di mana adanya tercatat 11,793 anggota yang telah disenaraikan. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Supaya ianya lebih jelas, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kita menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Demikian sahaja penjelasan yang dapat diberikan ke atas beberapa isu dan cadangan yang menyentuh berkaitan Akta Angkatan Tentera Pindaan 2005 serta bidang tugas Kementerian Pertahanan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Sekiranya terdapat cadangan-cadangan atau kenyataan-kenyataan secara langsung.....

Tuan Loh Seng Kok: Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Zainal Abidin bin Zin:ataupun tidak oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya tidak sempat sepenuhnya....

Tuan Loh Seng Kok: Sekejap, minta juga kalau tidak dapat jawab sekarang tentang Palapes dan askar wataniah di IPTS dan juga sektor swasta. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya ingat Yang Berhormat tidak berada di dalam Dewan ini apabila saya menjawab bahawa IPTS dan cara-cara penubuhan IPTS serta perbelanjaan di IPTS saya telah menjelaskan dengan jelas. Sayangnya Yang Berhormat, saya telah bercakap Yang Berhormat meninggalkan Dewan ini. Yang Berhormat membiarkan saya menjawab tanpa orang yang bersoal. Terima kasih atas soalan membangkit. Para pegawai kementerian yang berada di dalam Dewan pada hari ini akan mengambil maklum dan menentukan supaya perkara-perkara yang dibangkitkan itu diambil perhatian dan tindakan selanjutnya akan disusul jika perlu. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KONVENSYEN SENJATA KIMIA 2004**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

3.00 ptg.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk menguatkuasakan konvensyen tentang larangan penghasilan, pengeluaran, pengumpulan stok dan penggunaan senjata kimia dan tentang pemusnahannya dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya bagi bacaan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia telah menandatangani Konvensyen Senjata Kimia ataupun pendeknya, KSK, pada 13 Januari 1993 dan meratifikasikannya pada bulan April 2000. Tindakan ini adalah sejajar dengan keputusan dan dasar kerajaan mengenai isu perlucutan senjata, dengan izin, *disarmament* dan ketakcambahan senjata pemusnah besar-besaran, dengan izin, *non-preparation of weapons of mass destruction*.

Antara matlamat KSK adalah untuk menghapuskan semua senjata kimia daripada muka bumi ini menjelang 29 April 2007 iaitu 10 tahun selepas KSK diperkuat kuasa. Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004 dibentangkan untuk kelulusan Dewan yang mulia ini bagi membolehkan Malaysia mematuhi peruntukan-peruntukan di dalam KSK.

Tuan Yang di-Pertua, KSK telah berkuat kuasa pada 29 April 1997 dan sehingga 19 November 2004 sebanyak 167 negara telah menjadi negara pihak. Sebuah pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh kesemua negara-negara pihak KSK dan beribu pejabat di The Hague, Belanda telah ditubuhkan iaitu *Organization For The Prohibition of the Chemical Weapons* atau dengan pendeknya, OPCW. Pertubuhan ini bertanggungjawab memastikan konvensyen ini dikuatkuasakan dengan berkesan agar matlamatnya tercapai.

Tujuan utama KSK adalah pemusnahan dan ketakcambahan senjata-senjata kimia di samping memupuk kerjasama dan bantuan antarabangsa dalam penggunaan bahan-bahan kimia secara aman. KSK mengawal semua bahan kimia toksik termasuk *precursor* yang boleh digunakan sebagai senjata kimia. Bahan-bahan kimia ini dan *precursors* disenaraikan dalam Jadual I, II dan III KSK mengikut tahap toksik, risiko dan potensi. Ia digunakan sebagai senjata kimia.

Jadual I merupakan senarai bahan-bahan kimia yang paling toksik, berisiko dan berpotensi tinggi untuk digunakan sebagai senjata kimia. Manakala Jadual II adalah senarai bahan-bahan kimia yang mana tahap toksik, risiko dan potensi adalah rendah untuk digunakan sebagai senjata kimia berbanding dengan bahan-bahan kimia dalam Jadual I.

Bahan-bahan kimia dalam Jadual III pula mempunyai tahap toksik, risiko dan potensi lebih rendah untuk digunakan sebagai senjata kimia berbanding dengan bahan-bahan yang terkandung dalam Jadual I dan II. Selain daripada bahan-bahan kimia yang disenaraikan dalam Jadual I, II dan III, bahan kimia organik diskrit ataupun dengan izin, *discrete organic chemical* (DOC) turut dikawal di bawah KSK. Ini adalah kerana bahan-bahan kimia tersebut boleh juga melalui tindak balas kimia dengan bahan-bahan kimia lain bertukar menjadi bahan kimia lain yang boleh digunakan sebagai senjata kimia.

Kebanyakan negara di dunia termasuk Malaysia tidak memiliki senjata kimia mahupun kemudahan-kemudahan yang berupaya mengeluarkan senjata kimia. Walau bagaimanapun KSK menuntut setiap negara pihak mengawasi dan memantau industri-industri kimia serta industri-industri yang mengendalikan bahan-bahan kimia tersenarai dalam Jadual I, II dan III KSK serta bahan-bahan kimia organik diskrit.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memenuhi kewajipan sebagai negara pihak KSK, antara perkara-perkara di bawah peruntukan dalam KSK perlu dilaksanakan oleh negara kita adalah seperti berikut:

- (i) menubuhkan Pihak Berkuasa Kebangsaan ataupun *national authority* sebagai *focal point* bagi tujuan menjalin perhubungan berkesan dengan OPCW dan negara-negara pihak lain;
- (ii) menggubal rang undang-undang kebangsaan supaya KSK dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan;
- (iii) menyedia dan mengemukakan deklarasi tahunan kepada OPCW mengenai aktiviti-aktiviti pengeluaran, pemrosesan, penggunaan pemindahan termasuk import dan eksport daripada industri-industri kimia dan industri-industri yang mengendalikan bahan-bahan kimia tersenarai dalam jadual-jadual KSK serta bahan kimia organik diskrit;
- (iv) membuat persediaan untuk menerima pemeriksaan daripada pemeriksa antarabangsa; dan
- (v) mengadakan program untuk memberi bantuan dan perlindungan kepada orang awam sekiranya terdapat penggunaan senjata kimia ataupun ugutan untuk menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri melalui mesyuaratnya pada 8 Mac 2000 telah antara lain bersetuju supaya Kementerian Luar Negeri menerajui isu KSK. Pada 19 April 2000 pula, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Malaysia meratifikasikan KSK dan selanjutnya mengadakan sistem pelesenan sebagai *interim major* bagi mengawal pengimportan atau pengeksportan bahan kimia terjadual dalam konvensyen sementara menunggu rang undang-undang digubal dan diluluskan oleh Parlimen yang mulia.

Tindakan yang telah diambil adalah menyenaraikan bahan-bahan kimia toksik yang terdapat dalam Jadual I, II dan III KSK dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import 1998) dan Pindaan 2000 serta Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport 1998) dan Pindaan 2000 kecuali bahan-bahan kimia yang di bawah kawalan Jabatan Farmasi dan Lembaga Makhluh Racun Perosak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004 mempunyai tujuh bahagian seperti berikut:

Bahagian I bertajuk Permulaan mengandungi lima fasal. Fasal 1 sehingga 5 yang menyatakan tajuk ringkas Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004, kebenaran bagi menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta dan takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004. Ia juga menggariskan hubungan undang-undang sedia ada dengan akta serta kuasa menteri melantik Inspektor Kebangsaan dari kalangan pegawai-pegawai awam dan mengeluarkan kad kuasa kepada mereka.

Sedangkan Bahagian II bertajuk Pihak Berkuasa Kebangsaan mengandungi 12 fasal (Fasal 6 sehingga 17) yang menyatakan keanggotaan Pihak Berkuasa Kebangsaan ataupun PBK. Fungsi dan kuasa PBK, kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa tertentu di bawah PBK serta perwakilan fungsi dan kuasa. Selain itu bahagian ini turut menyatakan kuasa menteri untuk mengeluarkan arahan kepada PBK tempoh jawatan Pengerusi PBK dan syarat-syarat berkaitan pelantikan Pengerusi Sementara dan Setiausaha PBK, pengendalian mesyuarat PBK serta kuasa PBK menjemput mana-mana orang untuk menghadiri PBK sebagai penasihat dalam perkara-perkara tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Bahagian III bertajuk Larangan Mengenai Senjata Kimia dan Ejen Kawalan Rusuhan terdapat dua fasal sahaja di bahagian ini iaitu Fasal 18 menyenaraikan perbuatan yang dilarang mengenai senjata kimia. Jika larangan ini dilanggar dan kesalahan disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 30 tahun atau denda tidak melebihi RM1 juta atau kedua-duanya sekali.

Fasal 19 pula menjelaskan perbuatan yang dilarang mengenai agen kawalan rusuhan. Agen berkenaan hanya boleh digunakan bagi tujuan mengekalkan dan

memelihara ketenteraman awam, manakala penggunaan sebagai kaedah perang adalah dilarang. Jika larangan ini dilanggar dan kesalahan disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 30 tahun atau denda tidak melebihi RM1 juta atau kedua-duanya sekali.

Sedangkan Bahagian IV bertajuk, Bahan Kimia Toksik terbahagi kepada empat bab seperti berikut;

Bab Pertama mengandungi hanya satu fasal iaitu Fasal 20 yang menjelaskan aktiviti yang tidak dilarang di bawah Konvensyen seperti mana telah disebut di awal Rang Undang-Undang Konvensyen Senjata Kimia 2004.

Bab Kedua pula mengandungi sepuluh fasal; Fasal 21 sehingga 30 yang memperkatakan perkara-perkara berkenaan; bahan-bahan kimia toksik yang tersenarai dalam Jadual Satu bab ini. Antara lain menerangkan juga aktiviti yang dilarang dan dikecualikan. Sekiranya kesalahan disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM150 ribu atau penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali. Selain itu, bab ini juga menerangkan bagaimana aktiviti sedia ada dapat diteruskan hatta setelah akta ini berkuat kuasa. Cara memohon kebenaran untuk meneruskan aktiviti dijelaskan dengan terperinci di bawah Fasal 23(1) hingga 23(4) sementara itu kuasa untuk mengeluarkan kebenaran atau sebaliknya dijelaskan dengan terperinci di Fasal 24(1).

Tuan Yang di-Pertua, di bahagian ini juga terdapat peruntukan yang memberi kuasa kepada PBK untuk menarik balik kebenaran jika perkara-perkara tertentu tersebut yang tersebut di bawah Fasal 25(1) tidak dipenuhi atau dipatuhi. Terdapat juga peruntukan Fasal 26 yang membolehkan rayuan dikemukakan kepada Menteri jika seseorang tidak berpuas hati dengan keputusan PBK.

Fasal 27 memperkatakan tentang kebenaran pemindahan bahan-bahan kimia toksik dalam Jadual Satu memandangkan bahan kimia tersebut adalah yang paling toksik, berisiko dan berpotensi tinggi untuk digunakan sebagai senjata kimia. Bagi mereka yang memperoleh kebenaran untuk melakukan pemindahan bahan kimia toksik dalam Jadual Satu, mereka hendaklah memastikan bahawa ia tidak dipindahkan ke mana-mana negara bukan pihak kepada KSK. Mereka juga hendaklah memastikan ia tidak dipindahkan semula ke negara ketiga iaitu bermaksud, bahawa jika bahan-bahan kimia toksik dieksport ke negara A, negara ini tidak boleh mengeksportkannya ke negara lain termasuk negara pihak dan juga negara bukan pihak KSK disebut sebagai negara ketiga. Mereka yang disabitkan kesalahan di bawah peruntukan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM150 ribu atau penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, aktiviti yang membabitkan bahan kimia toksik dalam Jadual Satu perlu diisytiharkan kepada PBK. Pengisytiharan ini akan membantu PBK bagi memenuhi obligasi Malaysia sebagai negara pihak kepada KSK kerana maklumat yang diterima tersebut perlu dipanjangkan kepada OPCW. Maklumat mengenai perubahan kepada sesuatu kemudahan sebagaimana yang ditakrifkan di permulaan rang undang-undang hendaklah juga dikemukakan kepada PBK. Kegagalan mengisytiharkan maklumat tersebut boleh menyebabkan seseorang yang disabitkan kesalahan dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM100 ribu atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dokumen dan pendaftaran tentang operasi kemudahan perlu disenggara dengan baik dan hendaklah dikemaskinikan dengan teratur dan disimpan bagi tempoh yang ditetapkan. Dokumen dan daftar ini hendaklah tersedia bagi pemeriksaan apabila dikehendaki oleh PBK dan Inspektor Kebangsaan. Kegagalan berbuat demikian merupakan suatu kesalahan dan bila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100 ribu atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Manakala bab ketiga mengandungi lima fasal; Fasal 31 hingga 35 mengenai rejim bagi bahan kimia toksik dalam Jadual Dua dan Tiga. Seperti bab kedua, bab ini juga menjelaskan perkara mengenai pengisytiharan perubahan kepada suatu kemudahan dan penyenggaraan dokumen dan pendaftaran kesalahan-kesalahan dan hukuman yang

dikenakan bagi kesalahan yang disabitkan adalah sama juga seperti di bab kedua. Walau bagaimanapun, perbezaan pendapat antara bab kedua dan bab ketiga adalah mengenai peruntukan tentang pengeksporan ataupun pengimportan bahan kimia toksik dalam Jadual Dua dan Tiga KSK. Bahan kimia toksik dalam Jadual Dua tidak boleh diekspor atau diimport kepada atau dari negara bukan pihak kepada KSK. Manakala suatu perakuan pengguna akhir dengan izin, End User Certificate (EUC) diperlukan untuk mengekspor atau mengimport bahan kimia toksik dalam Jadual Tiga ke atau dari negara dari bukan pihak. Kegagalan mematuhi syarat ini merupakan satu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan hukuman RM100 ribu atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, bab keempat pula mengandungi dua fasal; Fasal 36 dan 37 mengenai rejim bagi bahan kimia organik *discrete*. Rejim ini seperti dalam bab kedua dan ketiga memerlukan pengisytiharan kepada PBK dan penyenggaraan dokumen dan daftar. Selain itu terdapat peruntukan hukuman yang sama bagi kesalahan-kesalahan yang disabitkan.

Bahagian kelima bertajuk Pemeriksaan Antarabangsa. Di sini terkandung 5 fasal; dari Fasal 38 sehingga Fasal 42 yang menjelaskan tentang pemeriksaan antarabangsa dan cara ia boleh dilaksanakan. Ia menggariskan tatacara bagaimana pasukan pemeriksa dari urus setia teknikal OPCW menjalankan pemeriksaan di Malaysia, kuasa-kuasa pemeriksa berkaitan dan keperluan untuk mendapatkan waran sekiranya permohonan memasuki premis ditolak.

Adalah penting ditegaskan di sini bahawa Inspektor Antarabangsa hanya boleh menjalankan pemeriksaan di Malaysia dengan diiringi oleh seorang anggota PBK atau Inspektor Kebangsaan. Adalah menjadi suatu kesalahan sekiranya tuan punya kemudahan atau mereka yang bertanggungjawab bagi kemudahan tersebut menghalang pemeriksaan dijalankan. Kesalahan ini jika disabitkan boleh dikenakan hukuman tidak melebihi RM100 ribu atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. *forfeiture*

Bahagian keenam bertajuk penguatkuasaan mempunyai lapan fasal; 43 sehingga 50 dan bahagian ini menjelaskan kuasa penguatkuasaan, kuasa penyiasatan, penggeledahan dan penyitaan ataupun dengan izin, *seizer* tanpa waran, akses kepada data berkomputer, pelucuthakan (*forfeiture*) senjata kimia, kos memegang senjata kimia sementara menunggu penyelesaian prosiding mahkamah, ketiadaan kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan dan perlindungan kepada pemberi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahagian ketujuh bertajuk pelbagai mempunyai 12 fasal; 51 hingga 62. Di sini dijelaskan tentang notis bagi pendedahan maklumat, status maklumat yang dikemukakan kepada PBK, perlindungan kepada pegawai yang menjalankan tugas dan kesalahan berkenaan maklumat palsu atau maklumat yang mengelirukan dalam permohonan serta laporan atau dokumen lain berkaitan. Bahagian ini juga mempunyai peruntukan untuk meminda jadual kepada Akta Konvensyen Senjata Kimia 2004 kelak. Selain itu, bahagian ini juga mengandungi peruntukan tentang kesalahan oleh pertubuhan, perbadanan, pekerja atau agen bagi kesalahan di luar Malaysia. Ia juga menggariskan peraturan-peraturan yang boleh dibuat oleh Menteri iaitu di bawah Fasal 62 untuk memberikan penguatkuasaan penuh kepada peruntukan Akta Konvensyen Senjata Kimia 2004.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, ingin saya tegaskan juga bahawa di peringkat persediaan rang undang-undang ini, kerajaan telah mengadakan beberapa sesi dialog dengan pihak industri melalui Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) pada taun 2003 dan 2004 sebanyak lima sesi dialog telah diadakan iaitu pada 17 April dan 19 Jun 2003 serta 19 Februari, 8 April dan 29 April 2004. Tujuan kita mengadakan sesi ini ialah supaya untuk mendapatkan maklum balas dari pihak industri di samping membincangkan dan menjelaskan implikasi rang undang-undang bila ia dilaksanakan dan dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri juga dengan kerjasama *Organization For The Prohibition Of Chemical Weapon* telah mengadakan dua bengkel mengenai KSK di Malaysia iaitu pada 25 dan 26 Jun 1996 dan pada 2 hingga 5 September

2003. peserta-peserta bengkel adalah terdiri daripada pegawai kerajaan dan agensi berkaitan serta wakil-wakil industri. Tujuan utama bengkel ini adalah untuk mengukuhkan lagi pengetahuan dan pemahaman tentang KSK. Di samping itu, pihak FMM dengan kerjasama OPCW telah mengadakan bengkel teknikal khusus bagi ahli-ahlinya pada 22 dan 24 Jun 2004. Kementerian Luar Negeri turut di undang untuk memberi taklimat mengenai pelaksanaan KSK di Malaysia kepada ahli-ahli FMM pada 16 Januari 2004 dan kepada pihak industri *Malaysian Petrochemicals Association* dan *Malaysian Polio Chemicals Manufacturers Group* pada 24 Januari 2005 dan 28 Februari 2005.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan kata lain, kerajaan telah mengadakan perundingan dengan pihak-pihak berkenaan dan berusaha meningkatkan kefahaman dan kesedaran mereka tentang KSK dan implikasi penguatkuasaannya di Malaysia. Oleh itu, mereka yang berkenaan sedar dan faham akan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan serta implikasi penguatkuasaan Akta Konvensyen Senjata Kimia 2004. Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Luar Negeri merancang untuk terus mengadakan perbincangan bersama dengan pihak industri berkenaan bagi memperjelaskan lagi kepada mereka tentang perkara-perkara tertentu, terutamanya berkaitan dengan borang pengisytiharan.

Program *outrage* juga akan dilaksanakan dari masa ke semasa. Kerajaan telah bersetuju dengan kerjasama OPCW untuk mengadakan mesyuarat serantau mengenai isu bantuan dan perlindungan kepada orang awam, akibat daripada penggunaan atau ugutan untuk mengguna sebarang senjata kimia pada 16 hingga 19 Mei 2005. Kerajaan juga telah bersetuju dengan kerjasama OPCW untuk mengadakan beberapa bengkel dalam jangka masa dua tahun mengenai pembinaan keupayaan dalam isu bantuan dan perlindungan, khusus bagi pegawai-pegawai daripada agensi-agensi berkaitan. Bengkel pertama dijangka akan diadakan pada 11 sehingga 14 Julai 2005.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman Dewan yang mulia ini, eksport barangan kimia dan bahan kimia Malaysia pada tahun 2004 adalah sebanyak RM46.54 bilion atau 12.4% dari jumlah keseluruhan eksport barangan siap. Sementara import barangan kimia dan bahan-bahan kimia pula adalah RM35.51 bilion atau 10.3% dari jumlah keseluruhan import barangan siap. Kerajaan juga sedar dan amat prihatin tentang implikasi KSK ke atas industri kimia negara kita. Kesedaran kepentingan industri inilah yang telah mendorong kerajaan menjadi negara pihak kepada KSK dan selanjutnya menggubal suatu rang undang-undang kebangsaan bagi penguatkuasaannya di Malaysia.

Rakan dagangan utama kita bagi barangan kimia dan bahan-bahan kimia antara lain merangkumi Amerika Syarikat, Jepun dan negara-negara Kesatuan Eropah yang merupakan negara pihak kepada KSK. Sekiranya Malaysia merupakan sebuah negara bukan pihak, perdagangan Malaysia dengan negara-negara pihak menjadi terhad. Ini adalah kerana mengikut peruntukan A(1), bahagian VI lampiran berkenaan - verifikasi KSK, negara pihak kepada KSK tidak boleh mengeluarkan, memperoleh, menyimpan atau menggunakan bahan-bahan kimia dalam Jadual Satu KSK di luar wilayah negara pihak dan tidak boleh memindahkan, termasuk eksport dan import bahan-bahan kimia tersebut ke mana-mana negara bukan pihak. Bagi bahan-bahan kimia dalam Jadual Dua KSK, pemindahan ke negara bukan pihak juga tidak dibenarkan. Ini adalah selaras dengan peruntukan C(31) bahagian VII lampiran berkenaan - verifikasi KSK.

Sementara itu, selaras dengan peruntukan C(26) bahagian VII lampiran berkenaan - verifikasi KSK, pemindahan bahan-bahan kimia dalam Jadual Tiga KSK kepada negara bukan pihak memerlukan perakuan pengguna akhir ataupun *end users certificate*. Terdapat juga peruntukan di bawah Artikel 12 KSK di mana tindakan boleh diambil terhadap mana-mana negara pihak sekiranya negara tersebut gagal memenuhi obligasi-obligasi di bawah konvensyen. Dalam hal lain, sukatan perdagangan ataupun *trade sanctions* mungkin akan dikenakan. Oleh itu, demi menjaga kepentingan industri kita, kerajaan telah memutuskan bahawa adalah lebih bermanfaat sekiranya Malaysia menjadi negara pihak kepada KSK. Tanggungjawab utama bagi negara pihak adalah untuk mengawal pengeluaran, penggunaan, perolehan, penyimpanan dan pemindahan bahan-bahan kimia toksik yang tersenarai dalam Jadual Satu, Jadual Dua dan Jadual Tiga dan juga bahan kimia *organic discrete* dan Malaysia.

Di samping itu, Malaysia juga dikehendaki membuat pengisytiharan tahunan kepada EOPCW. Dalam hal ini, kerjasama penuh pihak industri amat diperlukan bagi membolehkan kerajaan memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab antarabangsanya. Saya juga ingin menekankan bahawa Akta KSK 2004 bukan bertujuan menghalang pengeluaran, penggunaan, perolehan, penyimpanan dan pergerakan bahan-bahan kimia berkenaan tetapi adalah bagi tujuan pengawalan untuk memastikan ia tidak disalahgunakan dan tidak jatuh ke tangan mereka yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, pihak industri tidak perlu bimbang sekiranya peruntukan-peruntukan berkenaan di dalam Akta KSK 2004 dipatuhi. Kerajaan tidak akan mengambil apa-apa tindakan terhadap mereka .

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa terdapat beberapa pindaan kepada fasal-fasal tertentu dalam Rang Undang-undang KSK 2004. Fasal-fasal yang dimaksudkan adalah Fasal 21(1)(c), Fasal 21(1)(d), Fasal 22(4) serta Fasal 24. Bagi teks bahasa kebangsaan sahaja, pindaan adalah kepada Fasal 28(3). Pindaan ini adalah perlu bagi membetul dan memperjelaskan lagi fasal-fasal ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, masyarakat dunia telah dan masih giat berusaha ke arah memastikan satu rejim undang-undang berkaitan semua isu perlucutan senjata iaitu *disarmament* dan ketakcambahan senjata pemusnah besar-besaran, *non-provision of weapons of mass destruction* diwujudkan. Usaha ini tidak terhad kepada senjata kimia sahaja tetapi, termasuk senjata biologi, senjata nuklear dan senjata-senjata konvensional ataupun *conventional arms* di mana konvensyen-konvensyen mengenainya telah diterima.

Selain itu, usaha ke arah memastikan negara-negara mempunyai undang-undang kawalan eksport yang efektif sedang dipergiatkan. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa sesetengah negara akan memastikan perkara-perkara tertentu tidak dimasukkan dalam konvensyen-konvensyen berkenaan kerana ia tidak akan memanfaatkan mereka . Sebaliknya, mereka akan memastikan perkara-perkara yang memanfaatkan mereka dimasukkan termasuk peruntukan yang memberi kuasa untuk mengenakan sekatan ekonomi ke atas negara-negara pihak yang tidak memenuhi tanggungjawab mereka .

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia sebagai negara perdagangan hendaklah peka tentang perkembangan semasa ini dengan mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan perdagangan dan kedaulatan negara tidak akan terjejas. Kesimpulannya Rang Undang-undang KSK 2004 ini adalah satu langkah penting untuk kerajaan memenuhi tanggungjawab sebagai negara pihak kepada KSK. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong?

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk menguatkuasakan Rang Undang-Undang Konvensyen Senjata Kimia 2004, konvensyen tentang dagangan penghasilan, pengeluaran, pengumpulan stok dan penggunaan senjata kimia dan tentang pemusnahannya dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat bagi Muar, silakan.

3.28 ptg.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah bersungguh-sungguh membawa suatu Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004 yang antara lain menyentuh tentang konvensyen larangan penghasilan pengeluaran pengumpulan stok dan penggunaan senjata kimia dan tentang pemusnahannya.

Saya sebagai rekod, ingin menyatakan di Dewan ini, telah berkesempatan untuk menghadiri persidangan kali keenam KSK yang diadakan di Netherland pada 26 November

2004 yang lalu. Terima kasih kepada pihak kerajaan kerana memberi peluang Ahli Parlimen yang terlibat dalam persidangan tersebut yang secara kebetulan pada tahun 2004 tema KSK - kita di sana dipanggil CWC, dia sama. Konvensyen Senjata Kimia ini adalah mengenai peranan Ahli-ahli Parlimen di dalam negara-negara peserta. Bagaimana kita boleh menguatkuasakan tentang betapa pentingnya perkara ini untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkembangan dunia dalam persaingan untuk mengembangkan kuasa pengaruh, negara-negara telah mula menghasilkan senjata pada peringkat awalnya untuk pertahanan daripada dikuasai atau dijajah. Ini sejarah dahulu, tetapi hari ini penghasilan senjata-senjata tersebut, sama ada senjata konvensional, senjata nuklear dan hari ini seperti yang kita katakan senjata kimia telah pula menjadi ancaman kepada dunia.

Konvensyen ini bersesuaian dan saya cukup bangga kerana dalam perjumpaan bulan November itu saya telah pun menyatakan selepas berbincang dengan pihak kerajaan bahawa rang undang-undang ini akan dikemukakan dan hari ini telah pun dikemukakan dan saya tidak ada masalah untuk menerima tentang rang undang-undang ini cuma saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara.

Sejak tersebarnya antraks, sejak 1919 apabila senjata kimia ini pertama kali digunakan di negara Rusia dan yang terbaru pada 26 Oktober 2002, yang melihat lebih daripada 118 orang terbunuh di Rusia dan ramai lagi dimasukkan ke hospital. Saya diminta pergi ke Hague, Netherland, pada masa itu saya beranggapan bahawa KSK ini adalah perbincangan mengenai senjata kimia semata-mata.

Rupa-rupanya seperti yang diperjelaskan dengan panjang lebar oleh pihak menteri, KSK ini sebenarnya adalah juga tentang kawalan pengumpulan dan penghapusan yang pada pemerhatian saya orang ramai merupakan pengguna ataupun terdedah kepada pembangunan dunia, pembangunan negara terhadap bahan-bahan industri yang disebut dalam jadual dua dan tiga.

Saya mungkin tidak berminat untuk menyentuh jadual satu seperti yang disebut oleh pihak Menteri di mana Jadual I ini memerlukan pemerhatian khusus kerana ia melibatkan ketenteraan yang mungkin diletakkan di bawah Kementerian Pertahanan. Tetapi Jadual II dan III ini merupakan bahan toksik dan bahan kimia yang mungkin Yang Berhormat bagi Mambong boleh memberikan penjelasan lebih lanjut tentang kestabilannya di mananya, yang mana turut digunakan dalam industri-industri tertentu di dalam negara. Akta ini memperuntukkan sebegitu banyak peraturan dan denda kepada pergerakan bahan-bahan kimia ini.

Kerisauan saya, yang pertama kerjasama pihak industri di dalam menjalankan tanggungjawab dan kesedaran mereka untuk mengisytiharkan pembawakan masuk bahan-bahan dan pengeluaran bahan-bahan ini kepada negara-negara peserta. Saya ingin menarik perkara ini kerana pada Oktober tahun 2003, negara digemparkan dengan penglibatan atau tuduhan masyarakat antarabangsa terhadap Malaysia yang dikatakan menjadi pusat pengeluaran senjata nuklear, yang mana kita tahu di negara kita ini tidak ada kemahiran untuk mengeluarkan senjata nuklear ini.

Sebuah syarikat telah didakwa dan mengatakan didalangi oleh seorang yang mendapat taraf penduduk tetap Malaysia, BSA Tahir, yang mengatakan Malaysia sebagai pusat pengedaran barang-barang atau senjata nuklear ini. Di negara kita, saya pertama kali untuk rekod juga saya berasa kita bernasib baik kita ada apa yang dipanggil ISA. Dengan ISA kita dapat menahan orang ini yang telah meletakkan Malaysia kepada keadaan yang cukup getir ketika itu. Paling berbahaya. Kita di Malaysia tidak menyangka kita boleh buat tetapi masyarakat antarabangsa menuduh. Persoalannya sama ada kita tahu atau tidak.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ibrahim: Saya akan sambung, saya beri laluan kepada Yang Berhormat bagi Larut dahulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri yang begitu bersabar pada persidangan

hari ini. Soalan saya tentang ISA ini. Adakah Yang Berhormat ingin mengatakan atau ingin menjelaskan bahawa Malaysia sebenarnya tidak menyalahgunakan Akta ISA ini untuk mengekalkan keselamatan sebagaimana yang digambarkan oleh sesetengah pihak terutama sekali pembangkang yang sering kali bising tentang masalah ISA ini. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim: Allahu Akbar! Kalau tidak kerana ISA ini mungkin kita akan dikenakan dengan pelbagai sekatan. Mungkin kita terpaksa mengambil masa yang panjang untuk membuktikan atau menunjukkan bahawa aktiviti pengeluaran nuklear ini sebenarnya tidak betul. Tetapi dengan undang-undang ini kita dapat dengan kecekapan kerajaan dengan penggunaan yang tepat pada masa dan ketika kita tidak perlu mengambil masa yang panjang untuk membersihkan nama negara dan bahawasanya Malaysia tidak mampu mengeluarkan senjata nuklear tetapi telah digunakan oleh pihak-pihak tertentu.

Saya amat bersetuju dan rakyat kena diberitahu, kerajaan kena memberitahu bahawa kita sebenarnya menggunakan akta tersebut untuk kebaikan ramai kerana saya percaya kalau kita bayangkan tidak adanya ISA tersebut perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku seperti yang dilakukan ke atas negara-negara Asia Barat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Bermakna kita kena beritahu kepada negara-negara supaya negara-negara lain ataupun pihak-pihak yang lain supaya tidak memandang serong ke atas tindakan Malaysia ini berhubung dengan penggunaan akta tersebut kerana begitu adilnya apa yang dilakukan oleh kerajaan. Yang Berhormat mungkin setuju akta ini telah pun digunakan ke atas sesiapa juga termasuk Exco Pemuda pun pernah diambil tindakan ISA, betul atau tidak? Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim: Ya, masalah sebab kejayaan kerajaan menggunakan akta dalam membendung sesuatu jenayah yang dijangka akan berlaku. Mereka yang tidak berpuas hati ini kata kita menganiaya orang. Tapi saya setuju digunakan kerana saya tidak sanggup sampai satu perlakuan itu telah terbukti berlaku baru kita hendak ambil tindakan. Ini kadang-kadang masyarakat sering kali disalahertikan sehingga membawa kepada polemik politik. Saya setuju sangat.

Saya beralih sebab kita sedang bercerita tentang Konvensyen Senjata Kimia. Kenapa saya bangkitkan tentang salah faham ini atau kedudukan ini kerana saya khuatir. Saya rasa Yang Berhormat Menteri mungkin boleh memberi penjelasan. Jikalau kerjasama pemahaman daripada industri yang membawa masuk atau menghantar keluar barang-barang yang disenaraikan di dalam Jadual II dan III ini tidak diisytiharkan atau seperti yang disebutkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri diisytiharkan tetapi terdapat unsur pemalsuan, maka sekali lagi negara kita Malaysia akan didakwa sebagai pusat pengedaran bahan-bahan yang boleh ditukarkan bentuknya kepada senjata kimia.

Tanpa kita sedari atas kepentingan untuk keuntungan maka industri-industri mengambil kesempatan, pihak awam akan menjadi mangsa dan negara kita juga turut akan dituduh sebagai pusat pengedaran senjata kimia. Saya rasa perkara ini perlu di perhebatkan walaupun tadi Yang Berhormat Menteri meletakkan begitu banyak bengkel penerangan kepada pihak industri tetapi semasa di Hague, Netherland saya dibawa kepada tumpuan mesyuarat tentang bagaimana setiap negara yang mengimport, saya khuatir, Malaysia menerima sekian banyak bahan terlarang dari negara Australia. Negara Australia mengisytiharkan penghantaran keluar barang tersebut tetapi pihak industri kita tidak mengisytiharkan menerima di Malaysia dan pihak kastam pula mengambil tindakan atau tidak mengambil berat tentang pergerakan bahan-bahan ini menyebabkan kesan kepada negara.

Saya ingin tambah tentang perkara yang disebut ini kepada pengetahuan orang ramai. Sebelum saya pergi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada gambaran sebegini seperti yang saya ucapkan kerana yang saya katakan awal tadi saya ingat konvensyen senjata kimia ini melibatkan senjata, rupanya ia lebih daripada itu. Saya rasa pertubuhan bukan kerajaan dan orang ramai perlu dimaklumkan tentang usaha kerajaan yang baik ini kerana mereka adalah orang yang terlibat dan yang akan melaporkan kalau tidak dibuat oleh pihak-pihak penguat kuasa seperti yang kita lihat di Pulau Pinang pada tahun 1999 dan di Ayer Hitam, Johor baru-baru ini.

Maklumat orang ramai ini harus diperhebat supaya mereka tahu bahan-bahan yang terkawal dalam jadual 2 dan 3 ini boleh bertukar menjadi bahan yang cukup berbahaya kepada kesihatan dan nyawa manusia. Sebab itu saya rasa orang ramai turut berhak mengetahui tentang bahaya bahan-bahan kimia ini bukan hanya untuk penganas tetapi jika berlaku kecuaiian industri. Bahan yang dibawa melalui trak-trak dan lori-lori pengangkutan terdedah melalui jalan awam, kita kena wujudkan kesedaran bagaimana orang ramai boleh disedarkan tentang bagaimana mereka boleh memberi reaksi apabila perkara-perkara kecemasan ini boleh berlaku dan bagaimana mereka boleh bertindak balas kepada bahan kimia kerana tidak semua bahan api perlu dipadamkan dengan air. Ada yang hanya dengan buih dan sebagainya. Kesedaran bagaimana kita dapat menyedarkan orang ramai tentang pentingnya pengetahuan untuk mengendalikan keadaan-keadaan ini dalam waktu-waktu kecemasan dapat kita ambil kira dalam kita melaksanakan akta ini.

Begitu juga dengan pihak penguatkuasaan kerana saya difahamkan Pihak Berkuasa Kebangsaan kita di bawah Wisma Putera turut terdiri daripada MITI, MOSTI, Kementerian Kesihatan, pihak polis, kastam dan pelbagai lagi yang saya rasa perlu memainkan peranan masing-masing untuk kita menguatkuasakan akta ini untuk memudahkan Menteri yang disebutkan dalam akta ini memainkan peranan supaya Malaysia sebagai negara peserta kepada OPCW ini dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab sehingga terbentuknya Akta Konvensyen Senjata Kimia Tahun 2002.

Saya juga ingin dalam ucapan ini mengalu-alukan penubuhan Unit NBCD *Nuclear, Biology and Chemical Defense* dengan izin oleh angkatan tentera Malaysia yang juga turut dibentuk untuk menangani ancaman senjata nuklear, kimia dan biologi. Saya rasa unit ini boleh kita manfaatkan dan kita kembangkan dalam kita melaksanakan tugas kita di bawah rang undang-undang yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya nyatakan dalam perbahasan ini ialah mengenai betapa perlunya kita memberi sedikit penekanan kepada pengetahuan yang saya sebutkan tadi. Saya hendak membacakan satu dapatan tentang kesan gas *mustard* yang dikesan dalam peperangan Teluk (Iran dan Iraq) pada tahun 1985-1988 yang mana analisis air mani, pengukuran hormon dan *testicular pipesy* telah dijalankan ke atas 81 orang setelah pendedahan selama 3 tahun bagi penentuan ketidaksuburan. Dalam keputusan ujian itu didapati bahawa 34 orang tidak mempunyai sperma langsung dalam air maninya dan 47 orang mengalami kekurangan bilangan sperma.

Saintis telah mengaitkan insiden tersebut kepada pendedahan ke atas gas ini dalam satu jangka masa yang tidak perlu lama. Ini merupakan satu perkara yang serius dalam kita mengejar kemajuan dan dalam kita mengejar nikmat hidup. Kita perlu juga memberi penekanan kepada keperluan perlunya kita meluluskan satu akta yang boleh membendung gejala-gejala yang tidak dapat dielakkan ini.

Saya mengharapkan semua pihak yang terlibat atau yang akan dilantik di dalam pihak penguasa berkuasa kebangsaan dapat memainkan peranan masing-masing dan saya berharap usaha kita akan dapat sekali lagi meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang sentiasa menyokong usaha-usaha antarabangsa dalam mengekang penganas, peperangan dan dalam mengekalkan keamanan dan kesejahteraan sejagat. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian dan lepas itu Mambong. Menteri boleh jawablah.

3.43 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang insya-Allah sekitar 10 hingga 15 minit. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyentuh tentang Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004 ini sebagai mana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar sebentar tadi adalah harapan untuk melihat dunia ini hidup dalam keadaan aman sejahtera tanpa diganggu gugat oleh mana-aman elemen ataupun mana-mana pihak

yang cuba untuk mengeksploitasi khususnya senjata kimia terhadap jiwa manusia dan makhluk Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang timbul di sini adalah apabila Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menandatangani konvensyen ini, kita dapati bahawa kadang-kadang kita melihat berlaku satu sandiwara di peringkat antarabangsa di mana badan-badan seperti PBB, kuasa-kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat, Britain dan lain-lain semacam mewujudkan satu pemaksaan terhadap negara-negara luar khususnya negara-negara dunia ketiga. Kita dipaksa, kita galakkan, kita diberikan petunjuk yang kononnya dengan menandatangani konvensyen ini bahawa dunia akan melihat satu bentuk keamanan sedangkan mereka sendiri adalah merupakan pembuat, pelaksana dan yang lebih serius lagi merekalah yang telah menggunakan senjata kimia ini untuk membunuh puluhan ribu jiwa manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh kita melihat apa yang berlaku bagaimana kuman *anthrax* yang disebut oleh sahabat saya daripada Muar tadi dan begitu juga kita melihat tentang bagaimana berpuluh-puluh tan malah beratus-ratus tan sisa-sisa *toksik* yang sudah tentu memiliki bahan kimia yang berbahaya yang kita masih ingat berlaku di Pulau Pangkor pada tahun 1999 yang mampu membebaskan *hidrogen cyneda* yang boleh membunuh seluruh penduduk Pulau Pinang sebagai contoh dalam masa yang singkat. Begitu juga yang berlaku baru-baru ini kehadiran berpuluh-puluh tan sisa *toksik* yang diletakkan di sebuah kilang di Kulai, Johor. Bagaimana kita melihat bahan sisa *toksik* yang dalam jumlah yang banyak ini boleh masuk ke dalam negara kita dan kita mendapati bahawa perkara-perkara yang saya sebutkan tadi merupakan satu ancaman baru yang sedang dihadapi oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam saya cuba untuk memberikan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa konvensyen ini cuma mengelabui mata masyarakat dunia dan mungkin kita harus berhati-hati agar negara kita dengan penyertaan konvensyen ini kita tidak menjadi alat sebab pada ketika ini juga dalam pelaksanaan konvensyen senjata kimia negara-negara besar sesuka hati menggunakan apa juga bahan-bahan yang terlarang ini untuk memerangi negara-negara orang lain.

Apakah Yang Berhormat ingin menggesa kepada pihak kerajaan supaya kita berhati-hati dalam menangani isu seumpama ini sebab kita diminta diregulasi tetapi mereka memperlakukannya sesuka hati mereka. Tidakkah ini mungkin satu hari nanti ini sebagai perangkap kepada negara-negara dunia ketiga, sebab kita dilarang sama sekali tetapi terdapat negara-negara lain yang mempunyai senjata yang berbahaya dibiarkan pula seperti di India, Pakistan tetapi negara-negara yang tidak menyokong negara-negara besar seperti Iran, Korea Utara diancam. Apakah pandangan Yang Berhormat dengan tentang pendirian PBB pada ketika ini dan juga kuasa besar. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Kinabatangan. Saya sudah sebut asal tadi bahawa ini merupakan suatu lanjutan satu dari sandiwara yang mereka lakonkan di peringkat antarabangsa yang sentiasa menuding jari terhadap negara-negara ketiga dan khususnya untuk mengukuhkan hujah Kinabatangan tadi saya suka untuk memberikan beberapa contoh Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana Amerika Syarikat sendiri yang menjadi tonggak kononnya dan pejuang kononnya yang kadang-kadang memaksa negara-negara lain supaya tunduk mematuhi konvensyen ini.

Sebagai contoh tahun 1990, mereka telah mengebom menggunakan senjata kimia *chemical bom* ini di mana 109 orang telah mati dan sejumlah 1,645 orang yang daripada ini hilang, hilang daya pendengaran, hilang daya penglihatan dan dalam masa sebagai contoh 10 tahun kebelakangan ini di mana Amerika mendakwa Iraq sebagai contoh negara yang sangat-sangat mereka musuh, ini sikap *double standard*, sewaktu Iran berperang dengan Iraq pada waktu itu mereka telah memberikan segala kemudahan kepada kerajaan Saddam.

Mereka memberikan kepada kerajaan Saddam pada waktu itu senjata kimia, senjata biologi dan apabila hari ini kita melihat Iraq tidak lagi menyokong Amerika Syarikat maka hari ini mereka telah melakukan penaklukan dan penawanan ke atas umat Islam Iraq yang ada pada hari ini. Ini sebagai contoh yang *empirical* yang disebut dalam Dewan yang mulia ini bagaimana kuasa besar dunia sentiasa menggunakan platform mana-mana *convention* ini untuk menunjukkan seolah-olahnya merekalah yang menjadi juara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh saya hendak sebut lagi, dalam tahun 1919, Russia telah menggunakan tiga kali penggunaan bom kimia ini. Tahun 1923 hingga tahun 1926. Kemudian kita melihat lagi daripada tahun 1935 tahun 1940, tahun 1937 negara China pula menggunakan senjata kimia ini hingga tahun 1945 dan dalam perang Vietnam juga disyaki penggunaan senjata kimia yang berleluasa yang mengakibatkan rakyat Vietnam, Vietnam sampai pada hari ini mengalami satu masalah yang hidup pun pada hari ini menghadapi satu masalah yang sangat serius. Mereka mengalami apa yang disebut oleh sahabat saya daripada Muar tadi tentang bagaimana kandungan kesuburan air mani mereka ini tahap yang *zero*, yang tidak boleh lagi melahirkan baka manusia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks kita membicarakan tentang senjata kimia ini, saya melihat bahawa di antara perkara yang mesti diberikan perhatian oleh pihak kerajaan ialah bagaimana negara-negara jiran sebagai contoh, Singapura yang ada pada hari ini.

Kita didedahkan dengan begitu bangganya dulu Menteri Kanan, Lee Kuan Yew yang mengatakan bahawa negara Singapura yang ada pada hari ini telah memiliki senjata nuklear. Mereka memiliki segala bentuk kekuatan dan pernah dalam satu sidang akhbar, tiga tahun yang lalu pada bulan Mac tahun 2001 di mana dengan begitu angkuh dan sombong Lee Kuan Yew mengatakan bahawa Singapura hari ini memiliki segala bentuk kecanggihan dari segi penyertaan dan mengatakan dan mencabar dalam Parlimen Singapura bahawa sila serang negara Singapura. Adakah ini kita melihat bahawa ucapan-ucapan yang seperti ini yang pada saya sangat bertentangan dengan *the spirit of convention, the spirit of ASEAN* sebagai sebuah negara yang berjiran dan menteri yang disifatkan sebagai menteri kanan ini boleh mengeluarkan ucapan-ucapan yang pada saya yang sangat berbahaya bagi keselamatan kita dirantau ini.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin melanjutkan sedikit apa yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Muar tadi tentang dikatakan ada percubaan-percubaan mana-mana pihak untuk menjadikan Malaysia ini sebagai pangkalan yang kononnya cuba dilabelkan lagi oleh Barat sebagai suatu ancaman, sebagai suatu negara yang kononnya negara kita sangat subur untuk berlakunya ancaman keganasan.

Sahabat saya daripada Muar tadi telah mengungkit suatu peristiwa yang sangat penting iaitulah bagaimana penahanan seorang warganegara asing, BSA Tahir di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, yang pada awalnya Amerika Syarikat telah menuduh syarikat ini, syarikat yang dimiliki oleh Kamaluddin bin Abdullah ini iaitu seorang tokoh yang tidak perlu saya perkenalkan yang memiliki Syarikat SCOMI ini yang Amerika Syarikat memberikan satu ancaman bahawa syarikat ini membuat komponen-komponen yang boleh membuat senjata kimia ataupun senjata nuklear.

Tetapi alhamdulillah, saya membaca laporan akhbar dengan begitu cepat sekali, dengan begitu pantas sekali dalam masa tidak sampai seminggu Ketua Polis Negara telah menjalankan penyiasatan dan akhirnya telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa syarikat ini, syarikat yang dimiliki oleh Kamaluddin ini tidak sekali-sekali menjalankan operasi ini. Tetapi yang *irony*nya, Tuan Yang di-Pertua, yang suka saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini, kalaulah Pasukan Polis Diraja Malaysia, Ketua Polis Negara Malaysia telah memberikan satu jaminan bahawa syarikat ini tidak membuat mana-mana bahan komponen seperti mana didakwa oleh Amerika Syarikat mengapa pula BSA Tahir ini ditahan di bawah akta keselamatan di dalam negeri. *What when wrong?* Kalau tidak ada bukti - polis telah menjalankan satu bentuk penyiasatan, Bukit Aman telah mengerahkan seluruh kepakaran yang ada, tidak ada sebarang bukti kenapa BSA Tahir pula ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang saya lihat penahanannya juga agak luar biasa.

Bahawa setahu saya yang saya kaji undang-undang ISA ini mereka ditangkap ini mesti ditahan di bawah penjagaan polis selama 60 hari, *60 days under the police custody*,

kemudian barulah menteri akan rekomen sama ada dibebaskan ataupun diletakkan di Kem Kemunting. Tetapi dalam kes BSA Tahir ini, perkara yang pelik berlaku tidak ditahan di bawah 60 hari, di bawah *under the police custody* dengan izin, tetapi dihantar terus ke Kem Kemunting yang saya juga difahamkan mendapat tempat dan layanan yang istimewa dalam Kem Kemunting.

Tuan Yang di-Pertua, isunya di sini saya ingin menyatakan bahawa sama ada benar atau tidak kerajaan mesti bertanggungjawab, kerajaan mesti membuat satu *clearance*, kerajaan mesti membuat suatu penegasan bahawa demi keselamatan negara kita bahawa tidak ada mana-mana pihak, mana-mana individu ataupun mana-mana syarikat ataupun mana-mana kuasa luar yang cuba menjadikan negara kita ini sebagai pusat yang boleh dikaitkan, dipergunakan oleh Amerika Syarikat, oleh kuasa luar yang sudah tentu mereka mencari *loophole*, mereka mencari apa jua kesilapan untuk mengaitkan Malaysia sebagai pusat ataupun boleh dilabelkan ataupun boleh diugut pada hari kemudian besok sebagai negara yang mempunyai tapak yang subur untuk bermulanya aktiviti keganasan dirantau ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang saya hendak sebut pada petang ini. Terima kasih pada pihak Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri, Terima kasih.

3.53 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahas rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sekejap, tadi Yang Berhormat bagi Kepong hendak berucap, lama. Sebenarnya saya sudah membuat keputusan selepas Yang Berhormat bagi Mambong cuba menjawab tadi. Tetapi Yang Berhormat tidak panjang kan? Baiklah, Mambong silakan. Selepas itu Yang Berhormat Kepong ya.

Dr. James Dawos Mamit: Negara kita adalah sebuah negara di mana sektor industri kimia menyumbang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Penghasilan bahan-bahan kimia ataupun *chemical* dan barangan kimia dipasarkan di seluruh dunia dan juga di dalam negara kita sendiri. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi pada tahun 2004 sahaja, nilai eksport bahan-bahan kimia dan barangan kimia berjumlah RM46.5 billion ringgit iaitu 12.4% daripada nilai keseluruhan barangan yang diekspor daripada negara kita.

Kalau dibandingkan dengan nilai import bahan-bahan dan barangan kimia yang berjumlah RM35.51 bilion, negara kita mendapat *surplus* yang banyak dengan nilai RM11.03 bilion. Ini amat menguntungkan jika dinilai dengan ROI. Oleh itu, saya menyokong Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004 atas beberapa sebab:-

- (i) konvensyen antarabangsa tentang larangan penghasilan, pengeluaran, pengumpulan stok dan penggunaan senjata kimia dan tentang pemusnahannya iaitu dengan perkataan pendek KSK telah ditandatangani di Paris pada 13 Januari 1993 dan diratifikasikan pada 20 April oleh negara kita. Sebagai ahli negara pihak kepada konvensyen ini, adalah wajib bagi negara kita mewujudkan satu akta sendiri yang berkaitan dengan KSK bagi menyelaraskan bidang tugas dan pentadbiran tertentu;
- (ii) apabila saya teliti bahan-bahan kimia dan bahan-bahan *precursor* yang tersenarai dalam Jadual Tiga di dalam rang undang-undang ini, tidak terdapat bahan-bahan yang diguna pakai dengan meluasnya di industri kimia di negara kita. Oleh itu, saya berpendapat bahawa industri kimia kita tidak terancam

- oleh konvensyen antarabangsa itu dan tidak akan tergugat oleh akta kita sendiri;
- (iii) tujuan perindustrian pertanian, kajian perubatan dan pharmaceutical tidak dilarang di bawah KSK. Maka, bidang-bidang tersebut yang menjana pertumbuhan ekonomi negara kita tidak terancam dan ia juga boleh diteruskan;
 - (iv) negara kita akan terus mendapat sokongan daripada negara-negara maju kerana komitmen kita dalam menyokong menghapus senjata kimia. Ini memudahkan dagangan bahan-bahan dan produk-produk kimia dilakukan di peringkat global;
 - (v) tambah lagi di negara kita, Majlis Industri Kimia Malaysia iaitu *Chemical Industries Counsel of Malaysia* dengan izin, giat mempromosi kemajuan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar untuk meningkatkan prestasi industri mengikut kaedah-kaedah terkini dan selamat.

Oleh itu, saya amat yakin bahawa rang undang-undang ini tidak akan menjejaskan operasi industri kimia kita. Setakat ini, CACM ada 109 ahli yang mana 90% daripada keahlian ini adalah pengilang besar. Bagi kita untuk memahami kenapa konvensyen ini wujud, kita seharusnya melihat daripada segi sejarah penggunaan senjata kimia. Berdasarkan kepada rekod sejarah, negara China adalah negara yang pertama di dunia mengguna pakai senjata kimia. Pada abad ke-7 *b.c* iaitu sebelum Masihi, negara China mula mengkaji cara-cara untuk menghasilkan asap beracun dan terus menggunakannya untuk menyembur kutu-kutu dalam rumah pada abad ke-7. Pada tahun 178 *a.d*, asap beracun ini diguna untuk menindas kaum petani yang memberontak di negara China. Maharaja-maharaja di Rom juga menggunakan asap kimia untuk menewaskan musuh di medan-medan perang. Pada abad ke-67 *b.c* hingga tahun 187 *a.d*.

Namun, di Sarawak sebuah negeri di negara kita sendiri, rakyat peribumi yang dikenali sebagai bangsa Dayak menggunakan senjata kimia untuk berburu dan membunuh binatang-binatang liar untuk makanan sejak turun temurun. Hanya pada tahun 1839 dengan kehadiran pengembara British yang bernama James Brooke, yang kemudian menjadi *White Raja of Sarawak* pada bulan Ogos tahun 1840 dan kehadiran rakyat British yang lain selepas ini, maka kegunaan senjata kimia di Sarawak di perhati dan direkodkan oleh mereka. Senjata kimia yang saya maksudkan ialah peluru sumpitan. Peluru ini diperbuat daripada batang buluh ataupun batang pokok palma dan di hujung peluru yang tajam, dilumurkan dengan bahan kimia yang amat beracun. Bahan kimia ini diperolehi daripada getah sejenis pokok yang dikenali sebagai ipuh.

Getah pokok ini ialah bahan kimia organik tetapi dia bukan bahan kimia *organic discrete* dicampuri dengan venom ular tedung sebagai sebatian *precursor* untuk menghasilkan tindak balas kimia yang amat beracun. Senjata kimia yang digunakan oleh bangsa Dayak di Sarawak amat ditakuti oleh tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua kerana senjata ini tidak meletup dan tidak ada bunyi. Jika hujung peluru yang dilumurkan dengan getah pokok ipuh terkena dan masuk ke dalam isi, seseorang itu boleh mati dalam tempoh beberapa minit sahaja. Walaupun bangsa Dayak....

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Pendang minat ini.

Dr. James Dawos Mamit: Ooh, Pendang minat ya? Ya, silakan Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Walaupun Pendang tidak ada sumpit, tetapi minat ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Tadi, Yang Berhormat mengatakan digunakan untuk memburu binatang dan binatang terkena racun ini, dia akan mati dan dia punya racun itu cukup berbisa. Apakah sekiranya orang makan binatang yang diburu itu, yang telah mati kena racun itu, juga orang itu akan menemui kematian? Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Pendang, orang yang makan itu tidak mati kerana ini adalah satu racun organik dan ia adalah sebagai *nerve agent*. Orang itu mati apabila dia terkena sahaja, sebab dia *nerve agent*. Selepas itu, bahan kimia organik ini terus dilarutkan di dalam darah binatang dan dia tidak beracun lagi selepas itu. Ini adalah satu senjata yang amat baik kerana ia tidak beracun selepas itu. [Ketawa]

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat. Ada lagi Hulu Rajang.

Tuan Billy Abit Joo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sumpit ini, orang yang paling ramai menggunakan ini ialah di kawasan saya, iaitu Kampunan. [Ketawa] Setakat ini, di seluruh tempat kawasan saya, saya hanya satu kali berjumpa kayu ini, kayu ipuh. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kayu ini dibuat *protected species* dan adakah relevan kayu ipuh ini untuk angkatan tentera kita? [Ketawa]

Dr. James Dawos Mamit: Kayu ini sekarang sebenarnya adalah *protected species* di Sarawak, diwartakan dalam Ordinan Perhutanan. Ia memang sudah menjadi satu spesies yang terkawal dan diwartakan.

Untuk kegunaan tentera kita, kajian yang mendalam dan teliti haruslah dijalankan. Saya teruskan. Walaupun bangsa Dayak di Sarawak mempunyai senjata kimia sudah lama, namun ia tidak digunakan untuk berperang dengan Raja James Brooke dulu. Umpamanya di pertempuran di Beting Maru pada 31 Julai 1849, pertempuran di Sangkrang pada 26 April 1850 dan pertempuran di Bukit Sadong pada 2 Jun 1857. Ini disebabkan kaum Iban sebelum mereka menyerang, mereka memberitahu kepada musuh mereka bahawa mereka akan datang dan menyerang terlebih dahulu. Ini adalah satu etiket yang amat baik kerana walaupun kita berperang, kita mesti mahu memberitahu kepada musuh kita.

Senjata beracun ini, seperti yang dimaklumkan oleh Hulu Rajang tadi, masih digunakan oleh kaum Penan untuk menembak binatang liar dan burung untuk makanan. Kegunaan senjata kimia di dunia, mula diguna pakai dengan meluas semasa Perang Dunia Pertama oleh tentera Jerman. Tentera Jerman pada masa itu mengisi gas klorin di dalam 6,000 *pressurised cylinder*. Ia digunakan dengan membuka silinder-silinder tersebut agar gas terkeluar dan dibawa oleh angin ke pihak lawan. Mereka mengkaji arah angin dahulu. Gas klorin menyebabkan mata, hidung dan tekak seolah-olah terbakar dan selepas itu matilah musuh mereka.

Di Perang Dunia Pertama, sebenarnya kedua-dua pihak yang berperang, iaitu pihak Jerman dan pihak Bersekutu iaitu *British*, Amerika dan negara lain, telah pun menggunakan senjata kimia dalam bentuk gas klorin, gas mustard dan gas *forcegen*. Pada keseluruhannya 113,000 tan senjata kimia digunakan di perang itu. 92,000 anggota tentera Jerman dan Bersekutu telah mati akibat senjata kimia dan 1.3 juta anggota lain yang cedera.

Oleh kerana keburukan dan kedahsyatan kegunaan senjata kimia, maka pada tahun 1925, *The League of Nations*, sebelum pembentuk PBB, iaitu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu - pada 1925 *The League of Nations* mewujudkan *The Geneva Protocol* iaitu satu protokol untuk mengharamkan kegunaan senjata kimia dan ditangani oleh 130 buah negara setakat ini. Di dalam Perang Dunia Kedua, tidak ada senjata kimia digunakan. Namun, apabila perang ini tamat, pihak bersekutu terjumpa senjata kimia yang terkini, yang telah direka oleh pihak Jerman semasa peperangan tetapi tidak digunakan, berjumlah 20,000 hingga 30,000 tan dalam bentuk tabun, sarin dan tomat. Selepas perang ini, kilang pembuatan senjata kimia di *Germany* dipindah ke bandar Volgograd di Rusia. Dari situ pihak Rusialah yang membuat senjata kimia.

Pada tahun 1952, pakar-pakar kimia di UK pula telah membuat senjata kimia daripada racun makhluk perosak ataupun *Pesticide* yang dinamakan VX. Tetapi pada tahun 1961 usaha pihak UK ataupun United Kingdom diambil alih oleh Kerajaan Amerika Syarikat. Pada tahun 1968 kilang yang terletak di Dugway negeri Utah, Amerika Syarikat terpaksa ditutup kerana semasa kaji uji gas VX ini membunuh 60,000 kambing biri-biri di tempat-tempat sekeliling. Namun pihak Amerika menggunakan *Agent Orange* iaitu sejenis

racun makhluk perosak ataupun *Defoliant Herbicide* di Perang Vietnam pada tahun 1961 hingga tahun 1971.

Pada masa itu, 19 juta gelen bahan kimia ini telah pun digunakan. *Agent Orange* mengandungi bahan kimia TSSD iaitu bahan *dioxin* yang amat kuat. Di perang itu seperti mana yang kita tahu beratus-ratus ribu orang mati termasuk rakyat awam negara Vietnam dan anggota tentera Amerika Syarikat sendiri. Pada tahun 1980an pemusnahan senjata-senjata kimia telah mula dijalankan. Tetapi di Perang Teluk Pertama, pihak Amerika telah pun menggunakan senjata kimia lagi. Ini tidak diakui oleh Pentagon sehinggalah timbul *Gulf War Syndrome* di kalangan anggota tentera Amerika Syarikat, yang mana mereka telah diuji diagnostik dan di dapati mengidap satu penyakit yang berkaitan dengan pendedahan kepada agen-agen kimia. Senjata kimia juga diguna pakai oleh tentera Iraq di Perang Iran-Iraq pada tahun 1982 dan 1987.

Lima peratus mangsa peperangan yang dialami oleh pihak Iran ialah akibat senjata kimia yang digunakan oleh pihak Iraq. Pihak yang terakhir mengguna senjata kimia ialah dalam bulan Mac 1995 di Tokyo, negara Jepun. Pihak pelampau agama melepaskan gas sarin di stesen LRT semasa kesesakan *rush hour*, waktu pagi. Serangan ini membunuh 11 orang dan mencedera 5,500 rakyat Jepun.

Apabila kita melihat kekejaman penggunaan senjata kimia melalui sejarah, maka adalah wajar untuk kerajaan kita mewujudkan Akta Konvensyen Senjata Kimia, bagi memperkasakan peruntukkan-peruntukkan di dalam Konvensyen Antarabangsa termasuk pentadbiran bersepadu, ini adalah amat penting. Jenis-jenis senjata kimia yang telah pun digunakan oleh mana-mana pihak adalah berlainan. Beribu-ribu bahan kimia yang beracun boleh juga digunakan untuk menghasilkan senjata kimia. Teknologi pembuatan juga tidak rumit. Ini hanya bergantung kepada kegunaan, sama ada segera atau tidak. Inilah bahayanya kegunaan senjata kimia.

Oleh itu, kita sendiri dan kerajaan haruslah menyokong Konvensyen Antarabangsa agar dunia kita ini bebas daripada senjata kimia. Oleh kerana senjata kimia amat mudah dibuat, saya berpendapat bahawa senjata ini lebih bahaya daripada senjata nuklear. Oleh yang demikian, kawalan-kawalan bahan-bahan kimia yang boleh diguna pakai untuk membuat alat peperangan kimia haruslah diperketatkan oleh pihak PBB dan dikuatkuasakan oleh Konvensyen Antarabangsa dan juga diperketatkan.

Bahan-bahan kimia yang tersenarai di dalam Jadual I, II dan III di dalam konvensyen adalah bahan-bahan dan perikasa yang paling beracun dan bahaya. Kalau kita teliti bahan-bahan ini ia tergolong kepada tiga kategori berdasarkan kepada cara-cara ia merebak, membunuh, tercedera dan melemah seseorang.

Kategori tersebut ialah yang pertama *Nerve Agent*. *Nerve Agent* ialah bahan-bahan kimia di dalam kategori yang berfungsi tindak balas kimia sama seperti racun makhluk perosak. Racun makhluk perosak yang terkumpul di dalam kumpulan *Agano Frost-Free* adalah amat berbahaya dan ia boleh digunakan untuk senjata kimia. Bahan-bahan kimia ini diedarkan dalam bentuk wap. Walau sedikit pun diedarkan ke tempat-tempat di mana musuh hendak membunuh orang, ia memang boleh membunuh. Wapnya tidak berwarna dan jika di campur dengan bahan berwangi ia berbau sedemikian juga. Ini amat berbahaya kerana kita tidak dapat mengesan bahawa ia adalah satu *nerve agent*.

Bahan-bahan kimia yang tergolong dalam kategori ini termasuk tabun, sarin yang digunakan di Jepun dahulu, soman GF dan VX. VX adalah satu asid yang dinamakan Methyl 'Fosfonotiat' Asid. Yang kedua adalah 'blister agent'. 'Blister agent' ataupun 'Vesicant Tiny' adalah bahan kimia yang berbentuk cecair dan masa berperang ia digunakan untuk mencemar bukit-bukau, mencemar kapal, kapal terbang, kenderaan atau peralatan. Dengan dapat mengakibatkan hangus pakaian atau kulit seseorang. Ia boleh juga melecur kulit seseorang dan merosakkan mata, paru-paru dan blood forming organ. Bahan-bahan kimia yang tergolong dalam kumpulan blister agent ialah sulfur mustard, sulfur kita senang dapat, mustard kita senang dapat. Ini kita harus kawal ketat, nitrogen mustard, lewisite dan CX. CX adalah force gene ia dalam bentuk bedak, ini juga amat berbahaya.

Kumpulan yang ketiga adalah choking agent, bahan-bahan kimia dalam bentuk gas ini.....

Tuan Teng Boon Soon: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tebrau bangun.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Penjelasan Yang Berhormat, penjelasan.

Dr. James Dawos Mamit: Sila.

Tuan Teng Boon Soon: Ya, tadi Yang Berhormat bagi Mambong telah menyatakan begitu banyak jenis senjata-senjata kimia yang sangat menakutkan. Adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa adalah amat perlu bagi kerajaan mengambil langkah juga bagi melengkapkan pasukan-pasukan polis dan juga pasukan-pasukan bomba ataupun jabatan-jabatan yang berkaitan di lengkapkan dengan pengetahuan untuk mengesan senjata kimia sekiranya berlaku sesuatu serangan. Dia boleh diambil tindakan yang seawal-awalnya untuk mengurangkan kebinasaan yang mungkin dilakukan oleh serangan senjata kimia itu, minta penjelasan Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Memang betul anggota-anggota tentera kita, pihak polis dan pihak sekretariat yang lain haruslah berpengetahuan di dalam mengenal pasti bahan-bahan kimia ini, bagi mengesan awal kegunaannya. Tetapi apabila di waktu serangan ini adalah penting juga, nerve agent, kita tidak boleh mengesan kerana ia adalah colourless, tidak ada warna, jadi kita tidak tahu ia hanya di udara sahaja. Kita tidak tahu, kalau mereka bercampur ini dengan satu minyak pewangi umpamanya ia akan berbau minyak wangi dan kita pun tidak dapat mengesan bahawa ia sama ada nerve agent ataupun bukan.

Inilah masalahnya, untuk *nerve agent*, tetapi dengan adanya konvensyen ini Toman, Sarin dan sebagainya, nerve agent telah pun dihapuskan. Banyak nerve agent telah pun dihapuskan. Cuma kita tidak tahu sama ada negara-negara lain masih ada stok ataupun tidak kerana ada 11 lagi negara yang belum menandatangani konvensyen ini, jadi termasuk Demokratik Peoples Republic of Korea, Egypt, Iraq, Lubnan. Kita tidak tahu sama ada negara-negara ini ada menyimpan stockpile ataupun tidak, jadi inilah masalahnya.

Yang kedua, blister agent sekarang pun sudah banyak dan telah pun di musnah. Yang sebenarnya pihak Rusia telah banyak membuang tong-tong blister agent ke dalam laut, ini adalah satu masalah lagi yang harus pihak negara melihat apabila ada *conference of parties* dan sebagainya telah pun mencemar laut. *Blister agent* ini kalau dia terkena kulit kita, kita terasa hangus kulit itu tetapi kalau kita mencium baunya baru dia masuk ke dalam dan pada masa itulah dia memusnahkan kita. *Blister agent* ini juga ia boleh membakarkan pakaian, kalau pakaian macam ini yang diperbuat daripada cotton.

Oleh yang demikian pada masa dahulu, masa peperangan dunia pertama, pihak Jerman ada special uniform nya bagi mengelakkan blister agent ini. Yang ketiga choking agent, choking agent ini juga dalam bentuk gas jadi susahlah kita hendak tengok tetapi choking agent ini kalau dalam tempoh di antara 1 hingga 6 jam, kita boleh jumpa doktor, dia boleh diubatkan. Dia tidak begitu membahayakan kalau ada doktor pada masa itu. Jadi ini adalah penting untuk anggota-anggota tentera kita dan polis kita dan pasukan keselamatan yang lain untuk mengetahui tentang kategori-kategori senjata kimia ini dan juga bahan-bahan kimia toksik yang lain.

Dr. Mohd Hayati bin Othman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Pendang bangun Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Pendang, silakan.

Dr. Mohd Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang campuran-campuran bahan kimia untuk dijadikan senjata kimia, saya teringat tentang sulfur mustard ini iaitu Blister Agent kalau tidak silap saya, apakah jenis bahan-bahan kimia ini dia mempunyai antidot misalnya kalau dia ada percampuran berlaku, kita ada antidot untuk mengurangkan kesannya itu di dalam merosakkan tisu-tisu kulit kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Mambong, panjang lagikah, kalau tidak minta gulung.

Dr. James Dawos Mamit: 10 minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau boleh habiskan ya.

Dr. James Dawos Mamit: Okey, Blister Agent ini digunakan pada masa perang yang pertama sebenarnya tentera-tentera bersekutu dia lompat ke dalam sungai kerana badan mereka amat panas tetapi itu tidak boleh membantu juga. Seterusnya saya ingin menyentuh tentang kategori yang ketiga iaitu chocking agent. Bahan-bahan kimia ini adalah dalam bentuk gas dan ia menyerang tisu paru-paru yang mengakibatkan 'preliminary ordinama' iaitu kerosakan paru-paru. Kalau seseorang itu terkena chocking agent mangsa mula-mula batuk, sesak nafas, terasa hendak muntah dan sakit kepala. Selepas itu mangsa mati dalam tempoh 24 hingga 48 jam. Yang saya sebutkan tadi kalau ada doktor berhampiran dia boleh mengubatkan. Bahan-bahan kimia yang tergulung dalam kumpulan *chocking agent* ini ialah *force gen*, satu gas, *dyforce gene*, *clorin* dan '*chloropicrin*'. Chocking agent digunakan dengan meluaskan semasa perang dunia pertama iaitu 80% kematian diakibatkan oleh *chocking agent*.

Kita telah pun melihat berbentuk senjata kimia dan sejarah. Apakah kerajaan dan kita sendiri harus buat, banyak lagi bahan-bahan kimia yang kepunyaan banyak negara boleh diguna pakai untuk membuat senjata kimia. Ini termasuk racun-racun makhluk perosak yang memang boleh digunakan untuk senjata kimia.

Bahan-bahan kimia organik juga yang dapat diperolehi daripada pokok dan tumbuh-tumbuhan haruslah juga diawasi oleh kerajaan kerana jika ia disalahgunakan akibatnya nanti memang teruk. Pihak-pihak pelampau di negara kita boleh menggunakannya seperti ipoh tadi yang saya sebut dan saya harap pihak pelampau tidak boleh mengenal pasti pokok ini. Saya sebagai seorang *forester* saya boleh mengenal pasti, Yang Berhormat Menteri. Saya menyarankan agar konvensyen antarabangsa dan Akta kita ini diselaraskan penguatkuasaannya dengan Konvensyen *Basel*. *Basel Convention* ini yang mengawal kemasukan sisa-sisa toksik di negara pihak. Ini mengelakkan kegunaan sisa-sisa toksik di negara kita dengan sewenang-wenangnya.

Oleh yang demikian, penguatkuasaan semua undang-undang yang berkaitan haruslah diperketat dan diselaraskan. Untuk mengakhiri, saya berpendapat bahawa keupayaan negara kita dari segi kepakaran dan sumber manusia adalah amat penting bagi memastikan penguatkuasaan akta kita sendiri, kerana barang terlarang yang masuk yang disebutkan oleh sahabat saya tadi Yang Berhormat Kubang Kerian, barang terlarang yang masuk ke dalam negara kita seharusnya dikawal mengikut peruntukan-peruntukan *Basel Convention* dan kenapa ia boleh masuk ke dalam negara kita. Banyak lagi sisa-sisa industri, walaupun sisa-sisa industri yang masuk dari dalam negara kita tidak dilihat sebagai sisa-sisa toksik, namun ada juga bahan-bahan yang toksik walaupun sedikit di dalam itu dan boleh digunakan juga untuk membuat senjata kimia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perbahasan yang demikian, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya bagi Kepong, lepas itu Menteri menjawab. Kepong, berapa lama hendak bercakap? Tidak lebih 15 minit? Teruskan Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. James Dawos Mamit: Saya sudah janji setengah jam, setengah jamlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Kepong

4.33 ptg

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini sebab saya pun sokonglah perkara untuk menghalang, mengawal dan membanteras semua jenis senjata kimia. Sejak Malaysia menandatangani

Chemical Weapons Conventions (CWC) ini, pada 20 April 2000 genap lima tahun. Mungkin ambil lima tahun untuk menguatkuasakan Rang Undang-undang ini. Lima tahun, saya pun tidak tahu berapa tahun lagi dapat menguatkuasakan dengan berkesan. Ini cubalah kerana kita tidak ada pengalaman untuk menguatkuasakan bahkan juga, pihak CWC mula berkuatkuasakan pada 29 April 1997 sahaja. Mereka pun tidak begitu berpengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya dengar itu yang digunakan oleh pihak *Adolf Hitler* yang menggunakan *forced gene* dan sebagainya untuk memenangi Perang Dunia Kedua. Nasib baik dia kalah, kalau tidak mungkin senjata kimia ini akan digunakan dengan lebih luas dan kali yang terakhir yang kita dengar itu mengenai Saddam Hussein yang menggunakan senjata kimia terhadap Iran dan juga Kurd dan Amerika sendiri seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Mambong tadi, menggunakan agen *Orange dioxin* yang meracun orang-orang Vietnam dan juga orang Amerika sendiri.

Saya berpendapat bahawa mengadakan undang-undang seumpama ini adalah perlu untuk membanteraskan semua. Tetapi ada beberapa perkara yang hendak saya sentuh.....

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong, Gombak.

Dr. Tan Seng Giaw: Hah!.... Oh Gombak? Yang Berhormat baik. Sila, sila.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kepong. Selain daripada agen yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kepong tadi, adakah Yang Berhormat Kepong juga sedar bahawa ada juga agen yang dipanggil sebagai *sico-chemical agent*

Dr. Tan Seng Giaw: Ada. Ada.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: yang mana *sico-chemical agent* ini boleh menyebabkan kejadian-kejadian seperti boleh menghilangkan daya seksual contohnya. Agen-agen yang boleh menyebabkan hilang daya seksual, *sico-chemical agent* yang menyebabkan rasa letih longlai yang teramat dan juga boleh menyebabkan rasa sedih yang amat tersangat ataupun *severe depression* ada juga bahan kimia yang di dalam golongan *sico-chemical agent* yang juga boleh memberhentikan pemikiran waras. Ini juga *sico-chemical agent* yang telah wujud pada masa ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang betul-betul Yang Berhormat Gombak bahawa *sico-chemical agent* pun penting sekali untuk kita mengesan dan jangan dibiarkan dikeluarkan di Malaysia ataupun digunakan untuk apa sahaja kecuali untuk perubatan dengan sewajarnya. Itu betul, pelbagai jenis *chemical* yang boleh digunakan dan di sini saya hendak Yang Berhormat mengambil iktibar daripada masalah Amerika menakluki Iraq sekarang.

Sebenarnya Bush tidak ada bukti langsung bahawa pihak Saddam Hussein menggunakan senjata kimia sebelum Bush menyerang Iraq dan daripada peristiwa-peristiwa Iraq sehingga Amerika memerangi orang Iraq ini, memang berlaku banyak perkara dan kita mesti mendapat ikhtiar daripadanya. Jangan kita buat macam itu ataupun kita mesti memahami mengapa pihak Amerika mengambil tindakan sedemikian yang tidak munasabah dan kita Malaysia janganlah kita terjatuh kepada masalah yang dihadapi oleh Saddam Hussein.

Saya berharap Yang Berhormat dapat jawab macam mana kita di Malaysia ini dapat menguruskan semua ini dengan baik dan dengan adanya undang-undang ini kelak, kita dengan lebih telus lebih *accountable* sehingga pihak Amerika ataupun pihak mana pun tidak boleh menggunakan alasan ini untuk menyerang Malaysia, itu yang pertamanya.

Yang keduanya dengan cara untuk melantik Pihak Berkuasa Kebangsaan memang ini kerana kita buat kali yang pertama hendak menggubal dan menguatkuasakan undang-undang ini dan di sini kalau tidak silap ada 15 orang yang dilantik termasuk yang dilantik oleh pihak Yang Berhormat Menteri.. Yang Berhormat Menteri boleh melantik dua atau tiga orang untuk menganggotai Pihak Berkuasa Kebangsaan ini.

Di sini saya hendak menanya Yang Berhormat bagaimana dengan berkesan, dengan cepat Pihak Berkuasa Kebangsaan dapat bertindak dengan segera apabila kita dapat maklumat, adakah ini hanya melalui saluran yang ada sekarang dari pihak polis, kadangkala pihak polis pun tidak bertindak dengan begitu cepat dan ini semua orang yang penting, menjadi pengerusi, menjadi wakil dan sebagainya, yang kanan belaka termasuk Ketua Polis Negara dan dari masa ke semasa memang Pihak Berkuasa Kebangsaan akan mengadakan satu mesyuarat dan sebagainya, tetapi bagaimana dia dapat bertindak dengan segera kalau kita ada dapat maklumat.

Walaupun saya nampak Pihak Berkuasa Kebangsaan boleh dari masa ke semasa melantik apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu. Kalau ada dibuat sedemikian, memang mengambil masa juga, bukan satu, dua hari boleh kita adakan jawatankuasa, mungkin satu, dua minggu ataupun beberapa minggu diperlukan dan mungkin terlewatlah untuk mengambil tindakannya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya pun tertarik kepada ejen kawalan rusuhan, Fasal 19, "*Kecuali bagi tujuan mengekal dan memelihara ketenteraman awam, tiada seorang pun boleh menggunakan sesuatu ejen kawalan rusuhan sebagai kaedah perang*". Saya setuju, tetapi walau bagaimanapun apakah ejen-ejen yang digunakan pihak polis ataupun tentera sekarang untuk mengawal rusuhan, untuk memedihkan mata – kalau Yang Berhormat Menteri bagi Parlimen itu sekarang dia hendak kacau sangat itu, kita gunakan ejen kawalan rusuhan terhadap dia. Apakah ejen-ejen yang digunakan oleh pihak polis dan tentera sekarang? Saya hendak tahulah.

Saya ada satu lagi yang hendak disebutkan di sini, "*Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan sesuatu kesalahan apabila disabitkan, dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 30 tahun atau didenda tidak melebihi RM1 juta atau kedua-duanya.*" Ini memang saya hendak mengetahui apakah sebenarnya yang dimaksudkan oleh fasal ini, kita hendak tahu. Sebab saya takut pihak kerajaan kerana ghairah hendak mengawal rusuhan itu, gunakan ejen yang tidak sepatutnya digunakan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya nampak dari masa ke semasa ada dibawa masuk ke negara ini termasuklah kalau Yang Berhormat masih ingat iaitu dikeluarkan ataupun ada kilang, *factionaries* di Perak dan ada juga baru-baru ini bahan toksik ataupun bahan sisa yang dibiarkan masuk daripada haiwan dan sebagainya dan ini memang berlaku. Dengan adanya rang undang-undang ini, adakah ini termasuk undang-undang yang saya sebutkan tadi dan juga, Tuan Yang di-Pertua, dari masa ke semasa kita nampak bahan-bahan dan racun-racun yang dibawa masuk, misalnya daripada negara jiran kita untuk maksud racun makhluk perosak, bahan kimia, racun yang boleh memusnahkan makhluk-makhluk perosak dan ada yang sangat bisa, ini dilarang tetapi dibawa masuk juga daripada negara jiran ke negara ini. Apakah tindakan yang akan diambil?

Kita tidak sepatutnya membenarkan masuk bahan kimia seperti ini. Dan juga senjata kimia ini yang hendak dibuat bom, kita boleh buat menggunakan nitrat, baja seperti ammonia boleh digunakan untuk membuat bom. Bom yang canggih juga boleh dibuat.

Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab macam mana kita hendak mengelakkan anasir-anasir membuat bom melalui saluran yang sah, kita boleh beli nitrat dengan banyak, boleh ammonia dengan banyak juga untuk membuat bom. Itu bukan satu masalah mustahil berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Dan banyak lagi, di sinilah kita nampak halaman 19...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Gulung dah ini. Ini mengenai permohonan untuk mendapat kebenaran dan juga halaman 21, rayuan terhadap keputusan Pihak Berkuasa Kebangsaan. Di sini saya menyeru supaya pihak kerajaan mengadakan mekanisme yang berkesan, yang

tidak menghalang sesiapa pun yang akan menggunakan bahan-bahan untuk maksud, untuk tujuan bukan senjata.

Kalau kita ikut fasal-fasal yang ada di dalam rang undang-undang ini memang mengambil masa, Tuan Yang di-Pertua, untuk menguruskan semua ini dari segi permohonan kepada rayuan kalau ditolak dan sebagainya, dan kalau kita adakan mekanisme-mekanisme yang cukup berkesan, semua ini dapat diuruskan dengan baik. Maksud untuk mengadakan undang-undang seumpama ini ialah untuk menghalang daripada sesiapa pun membuat senjata kimia di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, kita nampak, saya sebagai seorang doktor – Yang Berhormat bagi Gombak pun tahulah – yang digunakan sekarang iaitu *botox* untuk mencantikkan dan sebagainya. *Botox* adalah bisa atau racun daripada '*clostridium botuliners*' iaitu toksik yang bisa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: '*Botulinum*'.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya? *Botulinum*. Apakah cara untuk menguruskannya? Dia doktor juga, dia tahu. [Ketawa] Dia doktor juga. [Disampuk] Saya ingat dia tidak ada guna. Dia gunakan racun ini untuk mematikan urat saraf, memusnahkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat,

Dr. Tan Seng Giaw: Hah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah. [Ketawa] Biar menteri jawablah.

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh, boleh. Saya berharaplah dengan adanya rang undang-undang bakal diluluskan, kita dapat melaksanakan semua prinsip yang ada dengan CWC ini supaya negara ini benar-benar selamat daripada senjata kimia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan daripada Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Menteri, sila, sila. Menteri Luar Negeri, minta maaf.

4.50 ptg.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti hendak bangkit ataupun tidak [Ketawa]. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi Muar, Kubang Kerian, Mambong dan juga Kepong dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan berkenaan rang undang-undang yang saya telah bentangkan sebentar tadi. Daripada perbincangan menunjukkan keprihatinan dan penghayatan terhadap peri pentingnya kita menentukan bahawa pemakaian rang undang-undang ini dapat membawa kebaikan kepada negara kita dan ianya akan menghasilkan sesuatu yang berfaedah untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa tiap-tiap Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian masing-masing mengetahui bidang ini dan saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana mereka telah menyentuh perkara-perkara yang bersabit dengan soal-soal yang terkandung dalam rang undang-undang ini ataupun akta ini dengan begitu teliti. Yang Berhormat bagi Mambong saya fikir adalah seorang pakar dalam bidang ini dan beliau menceritakan daripada sejarah sehinggalah kepada perkara-perkara yang lain dan saya fikir Dewan yang mulia ini mendapat manfaat daripada pengetahuan beliau dalam soal-soal berkenaan bahan-bahan toksik dan perkara-perkara yang mendatangkan bahaya kepada manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa persoalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Muar. Yang pertamanya berkenaan dengan apa

yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Muar, kerajaan telah menerima maklumat daripada OPCW. Tanpa undang-undang, Akta KSK 2000 tidak boleh memaksa pihak industri untuk membuat perisytiharan, sebab itu kita mengadakan undang-undang ini supaya pengisytiharan dapat dibuat. Walaupun begitu, kita usahakan dengan memujuk kuat sebelum ada rang undang-undang ini, untuk memujuk dan memaklumkan kerjasama diberikan kepada kerajaan untuk memanjangkan maklumat kepada OPCW. Dengan itu, dengan adanya rangkaian kerjasama, ia tidak menjejaskan ataupun prejudis industri kita yang telus bergerak dan memberikan banyak kebaikan untuk pembangunan ekonomi kita. Jadi ini semua sentiasa ada mekanisme untuk diwujudkan bagi tujuan kita dapat menjalankan perkara-perkara sebelum kita mempunyai undang-undang yang tersendiri.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kenapa kita perlu dapatkan pandangan ataupun nasihat daripada OPCW barulah kita membentangkan rang undang-undang ini untuk menguatkuasakan Konvensyen Senjata Kimia. Bukankah ini satu *matter of cause* di mana negara-negara lain kalau hendak menguatkuasakan konvensyen yang ditandatangani, perlulah undang-undang nasional masing-masing supaya ada rangka untuk melaksanakan dan menguatkuasakan konvensyen-konvensyen tersebut dan bukannya dari ini menunjukkan bahawa banyak konvensyen yang negara kita menandatangani perlu dibawa ke Dewan yang mulia ini supaya rang undang-undang *dienact* sebagai satu *legislation* supaya untuk menguatkuasakan obligasi-obligasi negara kita apabila kita menandatangani konvensyen-konvensyen antarabangsa itu?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dia ada beberapa proses di dalam konvensyen atau *treaty-treaty* antarabangsa yang mewujudkan mekanisme tertentu. Pertamanya, ditandatangani di dalam jangka masa yang ditetapkan untuk diratifikasikan. Habis diratifikasikan kemudiannya diperlukan untuk diadakan undang-undang di peringkat negara masing-masing. Proses ini telah kita ikut sebagaimana kita ketahui bahawa kita diperlukan dalam jangka masa yang ditetapkan undang-undang ini dibawa dan ia tidak terkeluar daripada apa yang diperlukan oleh konvensyen dan OPCW ini adalah satu organisasi yang ditubuhkan bagi memberi khidmat nasihat, untuk memberikan panduan dan oleh itu ia bukan sesuatu yang luar biasa yang berlaku. Semua negara menggunakan pertubuhan ini untuk tujuan menentukan pelaksanaan Konvensyen Senjata Kimia (KSK). Jadi saya fikir itu adalah satu perkara yang bermanfaat.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Bolehkah Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab mengenai konvensyen-konvensyen dalam Kabinet menjelaskan ada berapa konvensyen yang negara kita ada menandatangani, yang perlu dibawa ke Dewan ini sebagai rang undang-undang sebelum komitmen kita boleh menjadi undang-undang? Berapakah konvensyen itu dan bila semua ini akan dibawa ke Dewan yang mulia ini? Saya timbulkan ini oleh kerana pada Disember 2003, kita ada menandatangani *United Nations Convention Against Corruption* dan inilah antara satu konvensyen di mana setiap negara perlu mengadakan undang-undang masing-masing supaya negara yang menandatangani, komitmen mereka boleh menjadi undang-undang. Adakah ini....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah bercakap fasal hal lain.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, bukan, itu mengenai konvensyen.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Jangan bercakap pasal konvensyen. Ini adalah *Chemical Weapon* punya konvensyen, jangan terkeluar daripada tajuk, jadi susah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu, saya tahu, kenapa begitu lama dan ada konvensyen yang lain supaya tidak mengambil masa yang begitu panjang, lima tahun ini boleh diterjemah (*translate*) sebagai undang-undang supaya komitmen antarabangsa kita boleh bermakna dan bererti termasuk *Convention Against Corruption*?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya berharap, nanti saya bagi Yang Berhormat buku berkenaan OCPW – *Chemical Weapon Convention* ini. Rang

Undang-undang ini adalah diwujudkan kerana keperluan yang ditetapkan oleh konvensyen itu sendiri, maka kita mengambil tindakan berasaskan kepada kita punya komitmen apabila kita menjadi negara penandatangani kepada konvensyen tersebut. Jangan kita bercakap berkenaan konvensyen-konvensyen lain. Konvensyen-konvensyen lain mempunyai penguatkuasaan yang berbeza. Dalam ini, ia memerlukan ada satu perbadanan ataupun Jawatankuasa di peringkat kebangsaan, *national authority then* ini yang kita mengadakan undang-undang ini bagi tujuan mengawal untuk kita menentukan segala perkara yang kita telah persetujuan di bawah konvensyen akan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Yang lain itu, Yang Berhormat bercakap, di lain masa, bila kena pada tempatnya, nanti saya jawablah tetapi untuk tujuan ini, saya fikir Yang Berhormat adalah tidak tepat untuk Yang Berhormat bercakap berkenaan soal-soal lain kerana tiap-tiap konvensyen yang kita telah tandatangani atau ratifikasikan adalah di bawah kajian sama ada kita tandatangan, kita akan ratifikasikan ataupun tidak. Jangan kita campur aduk. Ini adalah konvensyen berkenaan *chemical weapon* dan ia tertakluk. Saya fikir itu sudah cukup untuk menjelaskan.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor bangun lagi, hendak bagi peluang?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu, saya bukan bahas mengenai konvensyen-konvensyen yang lain atau *Convention Anti Corruption* tetapi prinsipnya apabila kita menandatangani konvensyen di peringkat antarabangsa, kita adalah memikul tanggungjawab dan macam perlu datang ke Dewan yang mulia ini ke Parlimen masing-masing supaya mengadakan undang-undang untuk menguatkuasakan obligasinya termasuk seperti *Convention Anti Corruption*? Kita mahu tahu kenapa bukan sahaja konvensyen ini mengambil masa lima tahun, tetapi bolehkah kita ambil iktibar dari perkara ini supaya konvensyen-konvensyen yang lain lebih cepat dan mengambil masa yang lebih singkat untuk dikuatkuasakan dengan perundangan yang dibawa ke Parlimen yang mulia ini.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir Yang Berhormat ada salah faham. Konvensyen ini kita tidak mengambil masa, kita melaksanakan konvensyen ini dan membawa rang undang-undang ini sebagaimana diperuntukkan oleh konvensyen tersebut itu sendiri. Bukan kita mengambil masa untuk kita melengahkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, ada konvensyen yang memerlukan ada penubuhan Jawatankuasa ataupun badan di peringkat negara. Macam konvensyen berkenaan *corruption*, hendak buat apa kita ada satu akta sedangkan kita ada Akta Rasuah, kita ada Badan Pencegah Rasuah, sudah pun terlaksana dengan baik. Yang Berhormat, saya fikir ada terkeliru sedikit. Saya akan meneruskan Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah cukup bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, saya rasa untuk kenyataan yang benar. Adakah Yang Berhormat berkata bahawa daripada *Anti-Corruption Convention* tidak perlu satu undang-undang yang berlainan untuk menguatkuasakan *obligation* kita dalam konvensyen itu?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi]: Kita mempunyai rang undang-undang yang mencukupi untuk melaksanakan tanggungjawab kita dan untuk mentadbirkan negara kita sama ada Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Itu soal lain itu tidak benar

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini adalah *chemical weapon* punya konvensyen punya Akta, jangan campur aduk, faham?

Tuan Lim Kit Siang: Saya bersetuju tetapi jangan *mislead the House* mengenai *obligation* kita dalam anti

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan *mislead the House* dalam perkara itu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir Yang Berhormat, saya berasa sedih Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat main dalam perkara yang terkeluar dalam bidang tajuk perbincangan. Ini adalah terkeluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, Menteri Luar sila jawab yang lain. Ipoh Timor cukup.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Okey, Tuan Yang di-Pertua kadang kala saya fikir dia kena naik stim dia kerana dia nak hidupkan balik dia punya. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Muar juga bertanya berkenaan perkara yang melibatkan kesedaran kepada orang ramai, pengetahuan kepada orang ramai. Kerajaan memang berhasrat untuk terus menyedarkan orang awam mengenai implikasi salah gunanya bahan-bahan kimia tersebut. Ini akan dijalankan melalui *Out Reach Program* sebab itu dalam Akta itu tadi semasa saya bentangkan, saya sebutkan *Out Reach Program dan Out Reach Program* ini lebih berbentuk untuk mendatangkan manfaat dan kebaikan kepada orang ramai untuk mengetahui salah guna kesannya supaya kita lebih mengambil tindakan-tindakan yang sejajar dengan berbahayanya senjata-senjata ataupun alat-alat bahan-bahan kimia ini.

Selain itu saya juga telah sebutkan tadi ada bengkel yang akan diadakan pada bulan Julai tahun ini, 11 hingga 14 Julai mengenai isu bantuan dan perlindungan khusus bagi pegawai-pegawai dari agensi-agensi berkaitan. Ini bermakna kita sentiasa mahu mempertingkatkan keupayaan kita dan kepakaran kita dalam bidang ini sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat daripada Mambong tadi, kita mempunyai peruntukan yang berbagai-bagai, oleh itu kita perlu kepada peningkatan kepakaran dan keupayaan dalam kita hendak melaksanakan tugas kita.

Tadi Yang Berhormat daripada Mambong dan juga daripada Kubang Kerian telah menyebut berkenaan kes berkaitan dengan 'B H Tahir' adalah - ini biar saya jelaskan, kes B H Tahir ini adalah lebih berbentuk isu *eksport control*, lebih berbentuk *eksport control*, kerana barangannya diterima di atas kapal yang menuju ke Yaman adalah barangan yang mempunyai *dual users, dual purpose, it can be use* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, boleh digunakan untuk dwifungsi di dalam hal ini. Jadi ia berlainan langsung dengan kes senjata kimia ataupun bahan-bahan *toxic* berbahaya yang saya sebutkan di dalam pembentangan Akta tadi.

Selain daripada menggubal satu undang-undang mengenai *eksport control* yang berkesan, *additional protocol* Tuan Yang di-Pertua, *to save guard agreement* ada diwujudkan bagi mengawal pemindahan kimia, bukan pengeluaran barangan yang mempunyai *dual use, so* bermakna ia berbeza dari segi pemakaian Akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor Yang Berhormat, nak bagi laluan?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti biar saya habis dulu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat, dia belum.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya habiskan ini dulu. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menerima maklumat daripada OPCW, ini adalah yang diberikan kepada kita oleh OPCW. Tanpa undang-undang ataupun Akta KSK 2004, kita tidak boleh memaksa pihak industri untuk membuat pengisytiharan jadi ini penting sekali. Tadi kita ada kekhawatiran, kita takut sama ada negara kita boleh digunakan sebagai pangkalan dan ia boleh membahayakan kita. Oleh itu dengan kita menjadi ahli sebahagian daripada ahli konvensyen ini dan Akta KSK, maka ia boleh memaksa pihak industri dan ada tindakan kalau kegagalan, dengan itu ada keyakinan masyarakat antarabangsa bila berhubung soal perdagangan atau komersial yang melibatkan bahan-bahan kimia. Dengan

ini, ia memberi satu keyakinan yang lebih baik kepada apa yang berlaku di dalam negara kita secara telus dan terbuka untuk membolehkan orang berurus dagang dengan kita.

Walaupun begitu kita usahakan dengan sebagaimana saya katakan dari segi soal itu kita menggunakan melalui memujuk pada masa itu. Tadi Yang Berhormat bagi Mambong menyebut tentang Konvensyen Basel, adalah ini memang kita selaraskan, ia dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling dan untuk makluman Yang Berhormat Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling ialah salah seorang anggota PBK, oleh yang demikian penguatkuasaan Konvensyen Basel akan diselaraskan dengan penguatkuasaan Undang-Undang KSK, walau bagaimanapun saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menyebut perkara itu dan mengingatkan kita terhadap perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi, tadi, sebelum Yang Berhormat Menteri teruskan, tadi mengenai perkara yang Yang Berhormat Menteri ada menjawab ialah mengenai perkara senjata atau komponen untuk senjata nuklear yang dikatakan ada *dual*, dwi penggunaan yang melibatkan seorang Sri Lankan dan anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Scomi dan syarikatnya, bukankah ini sebenarnya menunjukkan bahawa kita tidak berupaya, tidak ada kepakaran untuk memantau masalah sama ada penghasilan, pengeluaran atau *distribution* senjata-senjata strategik semacam bersama ada nuklear atau *chemical* apabila kita meneruskan rang undang-undang ini, bagaimana kita boleh memastikan kita ada kebolehan itu dan adakah satu mekanisme yang *transparent* yang lebih telus oleh sebab dalam perkara ini kita sebenarnya tidak dapat satu *accountability* yang sebenarnya mengenai perkara sama Scomi, Tahir atau Kamaruddin.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ia bila kita bercakap berkenaan *dual use* atau *dual purpose* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh menjadi suatu perkara yang *innocent* yang boleh digunakan atau tidak digunakan. Ia boleh menjadi sebahagian daripada komponen-komponen yang banyak tetapi dalam hal ini penangkapan dan perkara itu ditahan berasaskan eksport *control* bukan kerana *dual purpose* punya penggunaan, *dual purpose*.

Saya berharap Yang Berhormat berkenaan tidak ada masalah untuk kita dari segi untuk mengawal eksport pihak-pihak yang diberikan kuasa seperti Kastam, pihak-pihak yang di bawah akta atau peraturan-peraturan diwujudkan adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan dari segi eksport *control*. Dari segi yang berkenaan *chemical weapon* ini dan bawah OPCW, perkara ini *Principle Organ, Conference of the State Parties* dengan izin, *Principle Organ* ini ia bertanggungjawab untuk menyelaras pelaksanaan konvensyen ini dan ia mengandungi negara pihak dan mereka bertemu tiap-tiap tahun dan lebih kerap jika difikirkan perlu untuk mengawal.

Selain daripada itu, ia menubuhkan juga Majlis Eksekutif. Majlis Eksekutif ini mengandungi 41 negara yang dipilih dalam tempoh dua tahun dan bertemu empat kali setahun ataupun lebih kerap jika difikirkan perlu. Di masa ini Malaysia adalah salah sebuah negara yang menjadi ahli di dalam Majlis Eksekutif ini dan kita bermula tempoh untuk memegang jawatan ini daripada 12 Mei 2004 sehingga 19 Mei 2006. Selain daripada itu untuk menentukan perkara-perkara teknikal dapat diselaraskan dan dilaksanakan dengan baik dan sempurna, ada satu lagi sekretariat ataupun urus setia yang ditubuhkan yang dipanggil Teknikal Sekretariat.

Teknikal Sekretariat ini mempunyai dua organ yang bekerja tiap hari dan untuk memantau, menyelaras penggunaan ataupun pelaksanaan konvensyen ini. Dan termasuk di dalam hal *inspection* ataupun memeriksa, dia boleh memeriksa dan boleh juga membantu badan-badan peringkat kebangsaan untuk melahirkan kepakaran dan pengetahuan yang lebih mendalam sama ada dari segi *registration* nya, dari segi dokumentasinya dan pihak tiap-tiap negara menjadi ahli, negara pihak dalam ini kena *submit annual written to the*, kepada dengan izin Tuan Yang di-Pertua kepada pihak OPCW.

Dia punya mekanisme ini cukup teliti dan dia mempunyai pergerakan-pergerakan yang tertentu supaya menjadi lebih *transparent* atau telus dan kita tidak perlu berasa khuatir. Kita perlu khuatir sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong ialah supaya kita tidak dibuat apa-apa alasan untuk negara lain menyerang atau mengambil tindakan ke atas kita semata-mata di atas kepentingan mereka sendiri sebagaimana Yang Berhormat bagi Kepong meminta kita mengambil iktibar daripada kejadian di Iraq. Saya berharap Yang Berhormat faham.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Cukuplah Tuan Yang di-Pertua berkenaan perkara.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Cukuplah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Cukuplah. Saya dah bagi itu. Nanti kalau ada apa-apa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:Yang Berhormat boleh berhubung dengan kita, kita akan bagi lagi maklumat kalau diperlukan. Berkenaan perkara ini tadi saya fikir Yang Berhormat bagi Muar dan Kubang Kerian sebutkan berkenaan antraks. Antraks ini *is under* Tuan Yang di-Pertua di bawah kawalan *Biological Convention* dan tidak di bawah kawalan *Chemical Convention*. Kimia yang dikawal hanyalah yang ada dalam jadual sebagaimana yang saya sebutkan tadi, satu dua dan tiga ataupun di bawah DOC yang saya sebutkan tadi. Kimia ini adalah kimia yang boleh digunakan sebagai senjata kimia. Bagi kimia toksik lain yang juga berbahaya kepada manusia tetapi tidak boleh dijadikan sebagai senjata kimia, bahan-bahan toksik ini adalah di bawah *Basel Convention* mengenai dengan izin *hazard wars waste*.

Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin kadangkala kita ada kekeliruan yang dibangkitkan adalah di bawah konvensyen lain. Banyak konvensyen PWC dan PT *Convention Weapon* dan lain-lain yang mempunyai hubung kait yang rapat dengan soal-soal yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, racun-racun yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kepong tadi walaupun dia memang memberi kita pengetahuan teknikal dan memberikan kita maklumat yang baik, dia tidak di bawah KSK. Tidak di bawah KSK. Mungkin di bawah kawalan akta lain. Saya menegaskan bahawa KSK 2004 mengawal kimia yang dalam Jadual 1, 2 dan 3 dan DOC kalau Yang Berhormat rujuk balik kepada akta yang baru saya bentangkan tadi.

Memang kerajaan prihatin bahawa dari segi pengeluaran kebenaran untuk kimia dalam Jadual 1 sememangnya kita akan adakan satu mekanisme yang berkesan terutamanya bukan untuk tujuan senjata kimia tetapi untuk menentukan kita memberikan kawalan yang akan membawa manfaat.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga berkenaan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat. Kepong dengan Kubang Kerian.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti saya habiskan ini dahulu. Hendakkan penguatkuasaan boleh dilaksanakan dengan pantas. Tadi yang bagi Kepong membangkitkan soal sama ada kepantasan ataupun berapa cepat berkenaan fasal 43 bawah akta ini. Seorang Inspektor Kebangsaan, pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor atau pegawai kanan kastam boleh menjalankan semua kuasa penguatkuasaan di bawah akta ini dengan tanpa perlu menunggu arahan spesifik daripada PBK. Pihak PBK tidak diwujudkan untuk melahirkan satu birokrasi yang akan melengahkan pelaksanaan penguatkuasaan yang memerlukan kecepatan ataupun kepantasan mengambil tindakan.

Oleh itu, pegawai kanan kastam dan inspektor boleh menjalankan dan membuat penyiasatan tanpa dia mendapat kebenaran dahulu kalau difikirkan ada sesuatu yang menimbulkan kecurigaan ataupun boleh membangkitkan satu pelanggaran terhadap akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong. Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Berkenaan dari segi kepantasan dan sebagainya Pihak Berkuasa Kebangsaan nampaknya tidak memainkan peranan langsung.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat kaji berkenaan ini, soalnya adalah soal pelaksanaan *daily*. Ini Pihak Berkuasa Kebangsaan melihat secara mikro keperluan-keperluan yang ditentukan dari segi *prescribe form* dengan izin, perkara-perkara yang perlu dilakukan dari segi kita berinteraksi dengan badan-badan antarabangsa, dari segi untuk kita melakukan pemeriksaan oleh badan antarabangsa. Ada badan di peringkat kebangsaan untuk menyelaraskan perkara itu. Tetapi untuk pelaksanaan undang-undang dari segi harian, maka ia diberikan kuasa kepada pihak polis yang pangkatnya ditentukan dan pihak kastam yang pangkatnya juga ditentukan bagi tujuan melaksanakan peruntukan rang undang-undang ini secara berkesan.

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian bangun Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengikut sumber *Public House Response to Biological and Chemical Weapon (WHO) Guide Second Edition November 2001*, menyatakan dengan jelas bahawa gas pemedih yang ada kandungan gas mustard dan force gene dan juga ada klorin ini. Gas pemedih mata atau bahan kimia lain ini yang dianggap mengawal ketenteraman awam juga akan dianggap sebagai senjata kimia juga digunakan bagi tujuan permusuhan dan persenketaan.

Walaupun bukan bidang kuasa Yang Berhormat Menteri, tetapi berdasarkan kepada *conferences* sejak tahun 1925 yang diadakan di Geneva mengenai *chemical weapon* dan seterusnya pelbagai konvensyen tentang senjata kimia ini, adakah pengalaman Yang Berhormat sendiri dalam *conferences* ini mengesyorkan kepada kerajaan penggunaan gas pemedih mata yang digunakan oleh FRU pada hari ini. Ini saya rasa sangat penting dan siapakah badan yang boleh mengawal selia kandungan-kandungan gas ataupun bahan kimia di dalam gas pemedih mata yang digunakan oleh pasukan polis kita.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu di bawah peruntukan seksyen 19(1) diperuntukkan dengan khusus hanya untuk menjaga keselamatan awam yang *right control agent* boleh dipakai untuk tujuan itu dan mempunyai prosedur-prosedur dan kaedah-kaedah yang tertentu. Kawalan daripada segi itu. Kalau di bawah akta dan konvensyen ini sendiri menerima bahawa dalam masa-masa tertentu untuk *public order* dengan izin perlu digunakan gas-gas yang sebegini ianya mempunyai prosedur untuk menentukan ia tidak memudaratkan kesihatan dari segi jangka panjang.

Kita mengambil kira kepentingan yang menggunakan, tadi Yang Berhormat Kepong bertanyakan berkenaan dengan bunyi gas untuk agen kawalan rusuhan. Itu hanya PDRM menggunakan asap dan dia ada *type* dengan dibaling dan mengeluarkan asap dan bagi *long range* dia menggunakan CS ataupun *water cannon* dalam masa-masa tertentu.

Tentera tidak ada apa-apa agen rusuhan yang digunakan kerana itu bukan di dalam bidang tugas tentera secara keseluruhannya dalam keadaan-keadaan tertentu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Kalau kita mengkaji *spirit* daripada semua konvensyen ini adalah jelas bahawa untuk ketenteraman. Kemudian konvensyen ini juga menjelaskan bahawa gas pemedih mata ini hanya digunakan untuk tujuan permusuhan ataupun persengketaan. Saya ambil spesifik kes contohnya sebulan yang lalu kami berhimpun di depan kedutaan Amerika membantah suatu tindakan Amerika yang menyerang Iraq iaitu satu peperangan yang tidak diizinkan oleh dunia. Peperangan yang hanya bermotifkan penaklukan minyak. Kita memperingati serangan itu tetapi kami dihadiahkan dengan gas pemedih mata. Apa justifikasinya?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat, kita ada dua perkara yang perlu kita sedar dan insaf bahawa kita boleh biarkan orang untuk membuat demonstrasi, membangkitkan dan mengacau ketenteraman awam. Tetapi apabila polis berpendapat bahawa mungkin ada melahirkan ketenteraman awam akan terjejas maka polis kena mengambil tindakan yang difikirkan wajar dalam suasana dan keadaan tersebut dan ianya tidak menyusahkan Yang Berhormat cuma *disperses* selepas itu. Ini bukan kerana soal perang Iraq tapi kalau kita berdemonstrasi untuk membantah perang Iraq tidak bermakna kita kena menjejaskan atau mencederakan harta atau kedudukan orang lain. Pada saya ini adalah soal yang diambil mengikut lunas dan peruntukan undang-undang yang ada di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh ahli Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun lagi.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang lain kalau saya tidak menjawab secara langsung, akan saya.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:telah diambil *notenya* dan kita akan mengambil.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak bagi Yang Berhormat bagi Kepong.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:pandangan-pandangan yang telah dikemukakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dengan itu saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak bagi, tidak bagi.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:mengakhirkan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terima kasih, sila duduk Yang Berhormat [*Meminta Yang Berhormat bagi Kepong duduk*] Yang Berhormat sudah bercakap juga.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 20 -

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya mahu bangkitkan hal dalam fasal 1, kita belum lepas fasal 1 bahagian pertama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: 1 hingga 20 Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, 1 hingga 20. Tadi saya mahu minta Yang Berhormat Menteri tetapi dia tidak mahu beri jalan. 19 mengenai agen kawalan rusuhan dan tafsiran yang pertama mengenai agen kawalan rusuhan ertinya "*Apa-apa bahan kimia yang tidak disenaraikan dalam jadual 1, 2 atau 3 yang boleh mengakibatkan deria atau kesan kehilangan upaya fizikal yang cepat kepada manusia yang hilang dalam masa yang singkat selepas pendedahan kepada bahan-bahan kimia ini berakhir*" dan oleh kerana 16 yang berbunyi, "*Bahawa agen kawalan rusuhan kecuali bagi satu tujuan mengekalkan dan memelihara ketenteraman awam tiada seorang pun boleh menggunakan agen kawalan sebagai kaedah perang*".

Saya timbulkan kerana ada timbul kontroversi mengenai peruntukan ini khususnya apa yang berlaku di Rusia pada bulan Oktober 2002 apabila pihak yang berkuasa menggunakan cara-cara untuk menghentikan atau mengawal satu *hostage taking* di *Opera House* di mana *chemical substance* digunakan yang dipercayai atau satu *chemical substance* yang kerap kali digunakan tetapi ia tidak benarkan sebagai satu *right control agent* dan sampai sekarang saya percaya apa agen yang sebenarnya yang digunakan tidak diumumkan. Bagaimana masalah ini boleh ditangani supaya tidak ada salah guna kuasa dalam perkara ini. Apakah mekanisme diadakan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu keterangan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, akta ini ialah berkenaan PDRM punya penggunaan. Kalau ada apa-apa perkara kalau tengok kepada peruntukan 19(2), "*Mana-mana orang yang melanggar subseksyen 1 melakukan satu kesalahan dan apabila disabit dengan hukuman penjara*" boleh kita buat laporan kalau kita fikir ada perkara yang dilakukan oleh pihak polis atau mana-mana pihak yang bertentangan dengan peruntukan undang-undang atau bertentangan dengan peruntukan konvensyen ini. Ini tidak menimbulkan apa-apa masalah terpulang kepada pihak yang mengatakan ada pelanggaran maka mereka kena membuat laporan yang diperlukan.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan satu ciptaan atau rekaan. Ini satu perkara yang sebenar berlaku dan sampai sekarang tiada orang yang boleh buat apa-apa laporan dalam kes Rusia oleh kerana mereka tidak tahu apa *substance chemical* yang sebenarnya digunakan. Oleh kerana apa yang digunakan ialah *temporary incapacitate* tetapi di sini bukan *temporary incapacitate* malah pembunuhan. Ini tentulah keluar daripada peruntukan sama ada - saya tahu bahawa ini keluar daripada konvensyen tetapi ini oleh kerana sekarang satu kontroversi apakah pendirian kita untuk mengatasi masalah semacam ini.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir Yang Berhormat merujuk kepada masalah yang khusus berlaku di negara lain. Perkara ini telah pun dikutip oleh masyarakat antarabangsa secara keseluruhan di atas tindakan yang menggunakan bahan kimia yang menyebabkan perkara itu berlaku, membunuh beberapa orang di dalam hal itu. Tetapi ia adalah di peringkat antarabangsa. Di peringkat kita apa agen yang kita pakai ataupun apa bahan yang kita pakai adalah sesuatu Yang Berhormat boleh tahu tidak menjadi masalah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak tahu oleh kerana kita tidak tahu apa *substance* yang digunakan *peppers spray* atau apa-apa bolehkah satu jaminan diberi di sini di mana semua *substances chemical* digunakan akan diumumkan oleh pihak polis kita.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir Yang Berhormat ini mempunyai sangkaan buruk terhadap tindakan pihak polis kita terhadap perkara ini. Dia tidak menimbulkan apa-apa masalah kalau perkara itu yang dikehendaki kita akan berikan. Saya ada maklumat-maklumat tetapi saya fikir ini bukan tempat untuk persoalan yang kita kemukakan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat *[Merujuk kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor]*.

Fasal-fasal 1 hingga 20 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 21 hingga 22 - Pindaan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri sila buat pindaan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, fasal 21 dipinda di subfasal 21(1) dalam perenggan c dengan menggantikan perkataan 'satu tan' dengan perkataan '10 kilogram' bagi setiap kemudahan dalam satu tahun kalendar.

Pindaan bertujuan untuk menggantikan peruntukan tentang amaun agregat bagi bahan kimia jadual 1 yang boleh dikeluarkan, diperolehi, disimpan, dipindahkan atau digunakan oleh mana-mana kemudahan itu selaras dengan peruntukan dalam konvensyen.

Fasal 21 juga dipinda di subfasal 21(1) dalam perenggan (d) dengan memasukkan selepas perkataan 'penyimpanan' perkataan 'pemindahan'. Pindaan bertujuan untuk memasukkan perkataan 'pemindahan' dalam teks bahasa kebangsaan.

Fasal 22 dipinda di subfasal 22(4) Rang Undang-undang dengan menggantikan perkataan '27' dengan perkataan '26'. Pindaan bertujuan untuk meminda fasal 22(4) bagi membetulkan bagi kesalahan taipan dalam teks bahasa kebangsaan dan teks bahasa Inggeris, Tuan Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan terbuka untuk dibahaskan.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 21 dan fasal 22 seperti yang dipinda diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 23 -

Fasal 23 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 24 – Pindaan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, sila kemukakan pindaan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, Fasal 24 dipinda dengan menggantikan subfasal (2) dengan subfasal yang berikut. (2), Pihak Berkuasa Kebangsaan dalam mengeluarkan suatu kebenaran di bawah subseksyen (1) boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana Pihak Berkuasa Kebangsaan sifatkan patut dan boleh menambah, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat dari semasa ke semasa.

Dengan memasukkan selepas subfasal (4) subfasal yang berikut. Subfasal (5) kebenaran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) telah habis tempoh, boleh dalam masa 30 hari sebelum tarikh habis tempoh memohon suatu kebenaran baru mengikut seksyen 23. (6), jika mana-mana orang yang dibenarkan untuk mengeluarkan, memperoleh, menyimpan, memindahkan atau menggunakan suatu bahan kimia toksik yang disenaraikan dalam Jadual Satu berhasrat untuk memberhentikan aktiviti itu, orang itu hendaklah dalam masa tujuh hari sebelum pemberian itu;

- (a) memberitahu Pihak Berkuasa Kebangsaan secara bertulis; dan
- (b) menyerahkan kebenaran itu kepada Pihak Berkuasa Kebangsaan. Apabila diterima pemberitahuan dan kebenaran itu, Pihak Berkuasa Kebangsaan hendaklah dengan segera membatalkan kebenaran itu.

Pindaan 24(2) bertujuan bagi menjelaskan bahawa Pihak Berkuasa Kebangsaan mempunyai kuasa bagi menambah, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat dalam kebenaran itu. Pindaan memasukkan selepas subfasal 24(4), subfasal baru 24(5) bertujuan untuk memperkatakan permohonan baru bagi kebenaran yang akan habis tempoh.

Sementara pindaan memasukkan selepas subfasal 24(4), subfasal baru 24(6) untuk memperkatakan pemberhentian aktiviti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam pindaan yang telah dibentangkan, sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 24 seperti yang dipinda diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 25 hingga 27 -

Fasal-fasal 25 hingga 27 diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 28 – Pindaan

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Pengerusi, Fasal 28 dipinda pada subfasal 28(3) rang undang-undang dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan 'lima puluh ribu ringgit' dengan perkataan 'satu ratus ribu ringgit'. Pindaan bertujuan untuk membetulkan kesalahan taipan dalam teks bahasa kebangsaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 28 seperti yang dipinda diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 29 hingga 62 –

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong.

5.34 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Fasal 36 dan juga Fasal 39 mengenai rejim bagi bahan kimia *organic discrete* dan juga mengenai pemeriksaan inspektor antarabangsa. Fasal 36, mana-mana orang yang melibatkan diri dalam pengeluaran bahan kimia *organic discrete* secara sintesis dalam amaun yang lebih daripada apa-apa amaun, ambang sebagaimana yang ditetapkan hendaklah membuat pengisytiharan berkala yang berikut dan sebagainya. Juga mengenai Fasal 39 tertakluk kepada akta ini, seseorang inspektor antarabangsa boleh pada bila-bila masa yang munasabah dan selaras dengan peruntukan akta ini dan konvensyen memasuki mana-mana kemudahan di dalam Malaysia dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hal ini kerana saya hendak tahulah rejim atau protokol *verification*, pengesahan yang memang susah hendak kita adakan satu rejim, *verification regime* ataupun protokol, memang susah. Ini kerana, misalnya di dalam satu industri pharmaceutical yang maju, ia dengan bahan-bahan *biological* yang sedikit sahaja boleh mengeluarkan senjata kimia dengan begitu mudah. Dengan itulah, saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan bagaimana kita dapat mewujudkan satu *verification regime* yang berkesan untuk maksud rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, di bawah rang undang-undang ini, akan dilantik pihak inspektor tempatan yang akan melaksanakan verifikasi untuk menentukan *compliance* dengan izin kepada CLKSK dan begitu juga ianya seterusnya diadakan pemantauan dan kawalan melalui inspektor antarabangsa dan dengan adanya pendaftaran dokumentasi, dengan adanya perkara-perkara itu disebutkan dengan begitu terang, verifikasi boleh dilakukan dan ianya boleh dilakukan secara *random selection* dengan izin ataupun melalui *declaration* yang dibentangkan oleh negara pihak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Fasal-fasal 29 hingga 62 diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan kita hari ini selesai. Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.37 petang.